



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2791]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 2851]

USUL-USUL:

Akta Kastam, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan), 1980
Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 2), 1980
Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 3), 1980
Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 4), 1980
Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 5), 1980
Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 6), 1980
Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 7), 1980
Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 8), 1980

[Ruangan 2853]

Persidangan Tuan Speaker mengenai Reformasi Parlimen [Ruangan 2860]

Perkhidmatan Kesihatan—Penubuhan Suruhanjaya di Raja [Ruangan 2889]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pemegang Amanah Raya (Pindaan) [Ruangan 2857]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat** Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat** Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N., (Batu Berendam).
- „ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P. J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, S.P.M.P. (Lumut).

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUD-DIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASKHAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).

- Yang Berhormat TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEORNARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

- Yang Berhormat TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- " TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- " TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- " TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- " TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- " TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- " TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- " TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- " DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- " DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- " TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- " TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- " TUAN P. PATTO (Menglembu).
- " TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- " DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- " DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- " TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- " TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- " TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- " PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- " TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- " TUAN HAJI SHUAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- " TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- " TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- " TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- " DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- " TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- " TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- " TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- " TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- " WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- " WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- " TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- " DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- " TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- " PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K., (Kuala Kangsar).
- " DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- " TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- " TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DEWAN RAKYAT

Selasa, 17hb Jun, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PEGAWAI KERAJAAN—KADAR
TUNTUTAN PERJALANAN

1. Tuan Lee Kaw minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar kadar tuntutan perjalanan pegawai-pegawai Kerajaan masih belum berubah sungguhpun harga minyak telah naik tiga kali sejak 12 bulan ini dan juga harga bahan-bahan ganti pun telah melambung naik; sama ada memandang kepada hakikat ini Kerajaan berniat mengkaji kadar tuntutan perjalanan pegawai-pegawai Kerajaan.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa elaun perbatuan yang boleh dituntut oleh pegawai-pegawai Kerajaan tidak memadai sekarang ini sejajar dengan kenaikan harga petrol dan alat ganti kereta. Atas hakikat inilah Kerajaan sedang mengkaji elaun perbatuan tersebut dan akan melaksanakannya sebaik saja kadar baru itu ditentukan.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan bolehkah diterangkan dalam Dewan ini apakah kadar baru itu.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Seperti saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, sedang dalam kajian maka belum dapat diterangkan lagi.

PEGAWAI PERUBATAN DI HOSPITAL
DAERAH TAPAH

2. Tuan P. Patto minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa sepasang suami isteri yang berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Daerah Tapah enggan menyentuh pesakit-pesakit untuk memberi rawatan dan ini telah menyebabkan ramai penduduk di kawasan itu hilang kepercayaan atas rawatan yang diberi di hospital Kerajaan itu, khususnya rawatan yang diberi oleh pasangan ini, jika ya, apakah tindakan Kementerian beliau akan ambil untuk memperbetulkan keadaan ini.
- (b) sama ada beliau pernah menerima aduan-aduan tentang sikap pegawai-pegawai perubatan yang seumpama ini di hospital-hospital lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, suka saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa pasangan suami isteri itu yang bertugas di Hospital Daerah Tapah sedang menjalankan tugas-tugas mereka sebagai Pegawai Perubatan dengan memuaskan. Kementerian saya tidak pula menerima sebarang aduan yang mengatakan pasangan ini telah enggan menyentuh pesakit-pesakit. Doktor yang berkenaan telah memeriksa dan merawat pesakit-pesakit secara biasa, tiada pula tanda-tanda yang menunjukkan penduduk-penduduk Tapah telah hilang kepercayaan kepada rawatan-rawatan yang diberi di Hospital Daerah Tapah.

Saya hendak menegaskan di sini bahawa saya telah tidak menerima sebarang laporan yang tidak baik tentang pasangan ini. Kementerian Kesihatan juga tidak pernah menerima aduan-aduan tentang sikap Pegawai-pegawai Perubatan yang seumpama ini di hospital-hospital lain.

AJARAN ISLAM KEPADA PENUNTUT DI SEBERANG LAUT

3. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim meminta Menteri Pelajaran menyatakan tindakan berkesan yang diambil oleh Kementerian untuk membimbing penuntut-penuntut Islam di seberang laut kepada ajaran Islam yang benar, memandangkan keadaan buruk yang ada sekarang ini masih tidak berubah dan menyatakan sejauh manakah usaha pegawai yang menjaga mereka.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan berkenaan telahpun diberikan pada 25hb Mac, 1980 ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Dungun dan juga pada 28hb Mac, 1980 ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Baling.

Walau bagaimanapun, sukalah saya menambahkan kenyataan-kenyataan yang telah dibuat iaitu sebenarnya keadaan pelajar-pelajar Islam di seberang laut tidaklah sebegitu teruk seperti yang digambarkan. Apa-apa jua keadaan yang membangkitkan kebimbangan ialah terhad kepada segelintir kecil sahaja di antara para pelajar di luar negeri itu. Pada keseluruhannya didapati tidak timbul keadaan buruk mengenai pegangan dan minat mereka dalam mengamalkan ajaran Islam. Yang wujud ialah tentang sikap mereka yang masih muda dan bertembung pula dengan keadaan dan suasana masyarakat yang terdedah dan terbuka kepada berbagai suasana dan pengaruh iaitu satu keadaan yang sangat berbeza di kampung asal mereka. Keadaan masih boleh dibimbing.

Pegawai-pegawai yang ditugaskan untuk memberi bimbingan agama dan kebajikan pelajar-pelajar telah menjalankan tugasnya dengan baik mengikut kemampuan masing-masing.

Kementerian saya dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji dan akan mencuba sedaya upaya mengatasi segala masalah-masalah yang timbul di kalangan pelajar-pelajar kita di seberang laut. Pelajar-pelajar akan diberi orientasi mendedahkan ajaran Islam dengan secukupnya sebelum mereka dihantar keluar negeri. Missi-missi agama juga dihantar ke Pusat-pusat Pelajar dari semasa ke semasa mengikut keperluan yang timbul.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapati penyelewengan terdapat di Liverpool dan Brighton kerana terdapat pendakwah dari Pakistan, Libya dan Iran mempunyai pengaruh yang kuat di kawasan ini. Soalan tambahannya, bolehkah pihak Kementerian Pelajaran menghantar pakar agama kita ke sana.

Dato' Musa bin Hitam: Saya minta maaf, saya fikir saya tidak berapa dengar cakapan Ahli Yang Berhormat itu, sound system tidak berapa jelas.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ada dua tiga orang Ahli Parlimen yang mengadu kepada saya tentang sistem suara tidak berapa jelas.

Cuba ulang semula Yang Berhormat dari Batang Padang mengenai pendakwah dari Pakistan tadi.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Penyelewengan-penyelewengan terdapat di Liverpool dan Brighton kerana pendakwah dari Pakistan, Libya dan Iran mempunyai pengaruh yang kuat di kawasan ini. Soalan tambahannya, bolehkah pihak Kementerian Pelajaran menghantar pakar agama ke sana.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat membuat kepastian di atas negara-negara yang tertentu ataupun warganegara dari negara-negara yang tertentu seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu yang telah mempengaruhi pelajar-pelajar kita di Brighton seperti yang disebutkan. Walau bagaimanapun, seperti saya sebutkan tadi di mana juga dipastikan perlu sama ada mengikut permintaan pelajar-pelajar itu sendiri ataupun dipastikan oleh Jabatan Pelajar-pelajar Malaysia di London maka pegawai-pegawai agama sama ada daripada Kuala Lumpur ataupun daripada yang ditempatkan di London akan dihantar untuk cuba mengatasi apa juga masalah yang ada kaitan dengan keadaan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, di mana-mana juga tidak terhad kepada Brighton sahaja.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana jawapan Yang Berhormat Menteri tadi tidak berapa kedengaran sangat kepada saya—boleh jadi

sebab pembesar suara rosak—saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah Yang Berhormat Menteri menyedari bahawa Kedutaan kita di London nampaknya setakat ini tidak dapat mengawal keadaan penuntut-penuntut kita di sana hanya menyerahkan kepada seorang Pegawai Perhubungan Pelajar sahaja yang tidak cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Memang benarlah kerana tidak kedengaran tadi, tetapi jawapan kepada soalan itu sudah diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu pegawai sudah ada dihantar ke sana. Ada jawapan hendak tambah?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak berapa dengar dan tidak berapa faham, jadi saya tidak dapat hendak mendengar betul-betul dan hendak menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada komunikasi, tadi saya dengar sebelum pukul 2.00 petang sudah diuji. Yang Berhormat dari Pasir Putih!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri apakah benar pelajar-pelajar Islam kita di luar negeri terutama di Timur Tengah telah diracuni dengan khabar-khabar buruk tentang negara kita dan juga tentang Islam dalam negara kita oleh orang-orang Islam sendiri terutama pemimpin-pemimpin ABIM yang selalu mengunjungi Timur Tengah.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, beberapa ramalan telah dibuat di atas keadaan yang berlaku di kalangan segelintir pelajar-pelajar seperti yang saya sebutkan tadi, atas sebab-musababnya mereka yang pertama mentafsirkan ugama kita ini dengan tafsiran yang salah.

Yang kedua, membuat apa juga kecemasan-kecemasan di atas apa yang sedang berlaku di dalam negara kita ini lebih-lebih lagi berasas kepada apa yang dikatakan oleh mereka sebagai tafsiran yang benar mengikut tafsiran Islam yang mereka pasti benar, iaitu ialah merupakan ramalan yang sedang berlaku di kalangan pelajar-pelajar. Perkara ini sukar sangat hendak saya beritahu dengan cara tepat sama ada hendak diatasi ataupun langkah-langkah boleh diambil. Apa yang

dibuat ialah bahawa apa juga yang kita dapat pastikan perkara-perkara ini berlaku dan tindakan-tindakan tertentu haruslah diambil. Di antara tindakan-tindakan itu ialah seperti saya sebutkan tadi dan juga di mana ada pakar-pakar politik ataupun Kerajaan yang mengetahui atas keadaan yang sebenarnya berlaku di dalam negara kita ini dan dapat memberi gambaran yang benar kepada pelajar-pelajar kita, maka kita haruslah bertemu muka, berjumpa, mengadakan dialog dan berbahas dengan pelajar-pelajar di tempat-tempat yang perlu. Inilah satu sikap yang positif saya fikir yang harus diambil oleh Kerajaan dan ketua-ketua politik terutama sekali tidak payahlah kita mengelak berjumpa dengan mereka, bertukar-tukar fikiran, berdialog dan berbahas di atas perkara yang tertentu di mana difikirkan perlu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chan Teck Chan.

Tuan Peter Paul Dason: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 4.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

EKONOMI MELAYU—MENINGKIKAN TARAF

4. Tuan Peter Paul Dason (di bawah S.O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan implikasi dan pengertian kenyataan yang dibuatnya di majlis makan malam di Johor Bahru pada 1-5-1980 di mana beliau mengingatkan UMNO supaya mempergiatkan usaha-usaha ke arah meningkatkan taraf ekonomi Melayu bagi mengekalkan kuasa politiknya, bukanlah ini bermakna memperhebatkan polarisasi kaum dan persaingan kuasa perkauman, apakah sebabnya beliau tidak mengingatkan UMNO, MCA, MIC atau lain-lain parti politik meningkatkan taraf ekonomi masyarakat rakyat kita bagi mengekalkan kuasa politik Malaysia.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membaca sepenuhnya perenggan ucapan saya mengenai soalan ini:

“Kejayaan dalam bidang politik dan ekonomi memang silih bergantung di antara satu sama lain. Setakat ini perjuangan orang-orang Melayu dalam bidang

politik telah dapat membuktikan banyak kejayaan. Salah satu daripada hasil perjuangan ini ialah orang-orang Melayu telah dapat mengukuhkan taraf ekonomi mereka. Bagi memelihara dan mengekalkan kedudukan politik ke taraf yang ada sekarang ini, UMNO perlu menggiatkan lagi usaha-usahanya bagi mempertingkatkan lagi kegiatan-kegiatan ekonomi masyarakat Melayu seluruhnya. Justeru itu, Koperasi Usaha Bersatu telah ditubuhkan”.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya ini telah dibuat di majlis yang dianjurkan oleh UMNO Bahagian Johor Bahru. Maksudnya adalah menyeru ahli-ahli UMNO menyertai Koperasi Usaha Bersatu yang dianjurkan oleh UMNO. Saya tidak berbanding bahawa seruan ini sebagai memperhebatkan polarisasi kaum dan persaingan kuasa perkauman. Oleh kerana majlis itu adalah majlis UMNO, maka saya menumpukan seruan saya itu kepada ahli-ahli UMNO sahaja.

KEMATIAN AKIBAT PERLANGGARAN KERETAPI

5. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar kemalangan yang menyebabkan cedera dan kematian disebabkan perlanggaran dengan keretapi sejak akhir-akhir ini kerana banyak rumah-rumah didirikan kiri-kanan jalan tersebut. Jika sedar, adakah beliau bercadang supaya didirikan pagar di kiri-kanan jalan keretapi yang terdapat ada rumah kediaman di situ.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, tadbiran keretapi sedar bahawa kemalangan yang menyebabkan cedera dan kematian akibat perlanggaran dengan keretapi berlaku bukan sahaja di kawasan perumahan yang terdapat di kiri-kanan landasan-landasan keretapi bahkan di sepanjang rangkaian keretapi. Kemalangan tersebut adalah berpunca dari kecuai dan kelalaian orang-orang awam sendiri.

Keretapi Tanah Melayu sentiasa mengambil tindakan yang berupaya seperti membunyikan wisel enjinnya apabila ternampak orang-orang awam berjalan di pinggir landasan dan juga mendirikan papan-papan notis di tempat-tempat tertentu di sepanjang rangkaian keretapi untuk memberitahu mengenai bahaya berjalan atau melintasi

landasan keretapi. Di samping itu juga Keretapi Tanah Melayu telah mengadakan beberapa rencana khas di televisyen, radio malahan di akhbar-akhbar bertujuan menyedarkan orang-orang awam berkenaan bahaya melintasi keretapi serta tidak menggalakkan perbuatan sedemikian. Ceramah-ceramah juga turut diadakan dengan penduduk-penduduk di kampung-kampung berhampiran dengan landasan keretapi mengenai perkara yang serupa dengan kerjasama Penghulu-penghulu serta Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung berkenaan. Kecuali di kawasan-kawasan seperti stesyen-stesyen dan installasi-installasi tertentu adalah mustahil bagi Keretapi Tanah Melayu untuk mendirikan pagar di kiri-kanan landasan keretapi yang ada rumah kediaman di seluruh rangkaian.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa dahulu keretapi ini menggunakan arang, wiselnya sangat kuat, jadi apabila kedengaran tidaklah orang hendak melintasi. Adakah kemungkinan kerana wisel ataupun bunyi itu terlampau perlahan daripada keretapi dahulu?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada perubahan bunyi wisel dahulu dan sekarang.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi Kerajaan tidak bercadang, mustahil supaya diadakan pagar untuk mengelak daripada berlaku kemalangan dan kemalangan ini terus berlaku dari semasa ke semasa. Pada masa ini banyak rumah-rumah telah didirikan di kiri-kanan jalan keretapi di atas tanah-tanah yang dimiliki oleh pihak Keretapi Tanah Melayu. Soalan tambahan saya, untuk mengelakkan kejadian-kejadian seperti itu terus berlaku dengan begitu bertambah adakah pihak Keretapi Tanah Melayu bercadang supaya satu sistem yang baik untuk sesiapa juga untuk mendirikan rumah di atas tanah-tanah yang dimiliki oleh Keretapi Tanah Melayu dengan mengadakan peraturan pagar ataupun peraturan-peraturan yang tertentu supaya mengelak daripada berlakunya kejadian-kejadian seperti yang mana dimaklumkan tadi.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Pihak Keretapi Tanah Melayu sebenarnya tidaklah menggalakkan orang-orang membina rumah-rumah mendiami di atas tanah-tanah kepunyaan keretapi dengan mendirikan rumah-rumah mereka sendiri dan sebenarnya keadaan yang ada sekarang ini ialah rumah-rumah itu dibina oleh mereka itu secara haram dengan tidak mempunyai kebenaran daripada pihak Keretapi Tanah Melayu. Walaupun sebahagian daripada keadaan yang berlaku itu pihak Keretapi Tanah Melayu telah cuba juga menjalankan tindakannya supaya menghindarkan mereka mendirikan rumah-rumah haram, tetapi oleh kerana kawasan landasan keretapi ini panjang maka terdapat di mana-mana dilihat rumah-rumah yang didirikan secara haram di kiri-kanan landasan keretapi di tanah-tanah kepunyaan keretapi.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan mengatakan bahawa kedapatan rumah-rumah haram didirikan di dalam kawasan tanah-tanah keretapi. Soalan saya ialah apakah tindakan pihak Kementerian beliau untuk menentukan bahawa rumah-rumah haram tidak didirikan dan kedua sejauh manakah pihak pentadbiran Keretapi Tanah Melayu meminta kerjasama daripada pihak-pihak Kerajaan Tempatan untuk menentukan bahawa pencerobohan yang sedemikian tidak berlaku.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, di setengah-setengah tempat yang dianggap penting, pihak Keretapi Tanah Melayu telahpun juga menjalankan usaha memindahkan mereka yang mendirikan rumah-rumah haram ini kepada suatu kawasan yang tertentu dengan mendapat kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri yang tertentu.

Di setengah-setengah tempat pihak Keretapi Tanah Melayu tidaklah dapat memindahkan mereka itu oleh sebab tidak mendapat satu kawasan yang dipersetujui oleh Kerajaan Negeri, umpamanya bagi memindahkan mereka ini.

Walau bagaimanapun pihak Keretapi Tanah Melayu sentiasa menjalankan usaha mendapatkan kerjasama daripada Kerajaan Negeri ataupun Majlis-majlis Tempatan yang dapat menerima mereka ini dipindahkan kepada kawasan-kawasan lain daripada

tanah-tanah yang dipunyai oleh Keretapi, tetapi sebahagiannya masih belum dapat dilaksanakan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Raymond Szetu Mei Thong.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 6.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Sandakan.

PETRONAS—PENGELUARAN MINYAK MIRI-BINTULU

6. Tuan Fung Ket Wing (di bawah S.O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pengeluaran minyak mentah dari kawasan telaga minyak Miri-Bintulu semenjak Petronas ditubuhkan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sejak Petronas ditubuhkan pada bulan Oktober 1974 hingga bulan Mac, 1980, jumlah pengeluaran minyak mentah dari kawasan telaga minyak Miri-Bintulu adalah sebanyak 202 juta tong.

SIMPANAN DI BANK SIMPANAN NASIONAL—PENGEUALIAN CUKAI

7. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak menaikkan had Wang Simpanan Nasional dikecualikan dari cukai faedahnya dari \$20,000 ke \$50,000.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjelaskan di sini bahawa sebelum tahun 1979 pengecualian cukai diberi untuk faedah yang diperolehi dari simpanan di Bank Simpanan Bank Nasional bagi simpanan sehingga \$20,000. Berasaskan kepada kadar faedah sebanyak 6 peratus, jumlah faedah yang boleh dikecualikan cukai ialah \$1,200.

Dalam Belanjawan tahun 1979, asas pengecualian ke atas faedah dari simpanan di Bank Simpanan Nasional diubah dari berasaskan jumlah simpanan kepada jumlah faedah yang diterima. Faedah sehingga \$1,400

telah dikecualikan mulai dari tahun taksiran 1979, iaitu merupakan tambahan pengecualian sebanyak \$200.

Memandangkan bahawa pengecualian cukai untuk faedah dari simpanan di Bank Simpanan Nasional baru saja dinaikkan, Kerajaan tidaklah bercadang untuk menaikkan had pengecualian cukai tersebut buat masa ini.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan. Mengikut jawapan dari Timbalan Menteri Kewangan tadi adakah beliau sedar dekat negara kita ada sebuah negara yang memberi penduduk-penduduknya \$100,000 pengecualian dari cukai dan ramai orang di Johor oleh kerana berhampiran dengan negara itu telah membawa wang kita keluar dari negara ini. Oleh itu bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menimbangkan sekali lagi dan mencadangkan \$100,000 wang ini boleh dikecualikan dari cukai oleh sebab yang pertama kita boleh menyimpan wang di Malaysia dan yang kedua tidak menambah lagi inflasi.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada kes seperti ini, saya minta Yang Berhormat kemukakan kes spesifik untuk siasatan.

GETAH ASLI—PENGELUARAN

8. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah benar bahawa pengeluaran getah asli negara ini akan berkurangan sedangkan permintaan bahan tersebut akan bertambah akibat kenaikan harga minyak di dunia hari ini, dan jika ya, apakah sebab-sebab utama terjadi demikian dan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasinya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya memang memandang berat mengenai keadaan pengeluaran getah Malaysia yang dalam keadaan stabil bagi dua tahun yang lepas walaupun pada puratanya pengeluaran adalah bertambah sebanyak 3.2% setahun antara tahun 1970 dan 1978. Pengeluaran dijangka akan bertambah semula dari paras sekarang iaitu 1.6 juta kepada 2 juta tan dalam tahun 1985, 2.34 juta dalam tahun

1990 dan 3.20 juta tan dalam tahun 2000. Tetapi berikutan dari permintaan terhadap getah asli dijangka meningkat dengan peratus yang lebih tinggi daripada peratus pertumbuhan pengeluaran itu sendiri iaitu dalam lingkungan 5%, pengeluaran getah asli tentunya tidak mampu memenuhi kenaikan permintaan tersebut. Dengan itu jika tidak ada langkah yang positif diambil, dijangkakan Malaysia akan menghadapi kekurangan penawaran yang besar untuk menampung peningkatan permintaan getah dunia tersebut.

Keadaan di mana permintaan terhadap getah asli melebihi penawarannya berlaku disebabkan oleh terutamanya krisis kenaikan harga minyak yang menyebabkan kenaikan kos bahan-bahan petroleum yang digunakan bagi pengeluaran getah tiruan. Berikutan dari itu, harga getah tiruan juga meningkat, yang menyebabkan pengguna-pengguna beralih kepada getah asli. Dengan bertambahnya penggunaan tayar jenis 'radial-ply' juga menyebabkan permintaan untuk getah asli semakin meningkat.

Bagi memenuhi permintaan yang bertambah, Kementerian saya telah dan sedang mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah tersebut. Satu Kertas Jumaah Menteri mengenai Dasar Pengeluaran Dinamis bagi perusahaan getah asli yang sedang di dalam proses untuk dikemukakan bagi pertimbangan Jumaah Menteri. Antara langkah-langkah yang dicadangkan ialah pembukaan lebih banyak tanah-tanah baru untuk tanaman getah serta memberi penekanan yang lebih kepada usaha penanaman semula getah dan penggunaan teknologi baru terutama di dalam sektor pekebun-pekebun kecil. Insentif yang bertambah seperti pengurangan cukai eksport atas getah asli yang telah dibuat dalam Belanjawan tahun 1980 akan memberi galakan dan minat yang lebih untuk menanam getah dan mengurangkan kegiatan menggantikan getah dengan tanaman yang lain.

Pada keseluruhannya prospek getah asli adalah cerah bagi menggalakkan penanaman getah yang lebih di Malaysia dan dalam hubungan ini, penyelidikan-penyelidikan ke atas getah akan dipertahan dan dipertingkatkan bagi membantu usaha-usaha pembangunan.

Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi terang menyatakan bahawa Malaysia tidak mampu menunaikan permintaan luar negeri pada tahun-tahun 80an yang akan datang. Saya ingin mendapat tahu dengan sebab harga kelapa sawit naik maka banyak estet-estet menukar daripada tanaman getah kepada kelapa sawit. Saya ingin mendapat penjelasan dalam Dewan yang mulia ini adakah estet-estet ini tadi dengan sesuka hatinya boleh menukar tanaman getah kepada kelapa sawit atau perlu mendapat kebenaran daripada Kementerian-kementerian yang berkenaan?

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya memang menjadi satu perkara yang mendapat keutamaan kepada Kementerian saya mengenai penukaran tanah-tanah daripada getah kepada kelapa sawit. Walau bagaimanapun, oleh sebab prospek getah asli ini kita jangka adalah lebih stabil dari bahan-bahan utama yang lain, maka kita sentiasa membuat usaha supaya penukaran ini dapat dibuat ataupun dikurangkan dengan kerjasama Kementerian lain seperti Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah dan juga daripada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah dasar Kerajaan untuk menggalakkan tanaman getah ini walaupun tanaman jenis-jenis yang lain seperti kelapa sawit akan membawa keuntungan yang lebih lumayan kepada pihak pekebun-pekebun besar dan kecil.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, kita menggalakkan penanaman getah tidak semestinya bermakna kita menghalang pertumbuhan perkembangan lain-lain bahan utama. Kita juga memberikan perhatian yang sama berat kepada bahan-bahan utama yang lain, tetapi di samping itu kita menekankan bahawa prospek getah asli ini adalah lebih baik kalau kita mengambil tindakan yang positif ke arah matlamat yang saya sebutkan tadi.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Saya hendak bertanya kepada Setiausaha Parlimen adakah Kementerian beliau mempunyai satu dasar untuk mencadangkan kota

jumlah luas tanaman kelapa sawit dan getah dalam negara kita ini, misalnya, getah berapa ratus ribu ekar dibenarkan, kelapa sawit berapa ratus ribu ekar dibenarkan. Adakah atau tidak dasar sedemikian diimplimentasikan di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ini jauh sedikit keluar daripada soal asal; tetapi kalau Yang Berhormat hendak menjawab kerana ada berkaitan dengan tanaman.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebut tadi dasar pengeluaran dinamis ialah satu langkah ke arah memastikan sebenarnya keupayaan, kesanggupan serta penglibatan kita dari segi pengeluaran getah asli dunia dan saya rasa asasnya telah ada bagi kita untuk merancang rancangan-rancangan bagi penanaman bahan-bahan utama yang lain seperti kelapa sawit, koko dan lain-lain. Bagaimanapun, dasar ini hendaklah sebenarnya bergantung kuat kepada keadaan pasaran iaitu permintaan dan penawaran yang ada dan saya rasa kita harus flexible dalam perkara ini dan dasar yang hendak kita cadangkan tadi juga harus flexible mengikut keperluan antarabangsa.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun yang lepas sebab kejatuhan harga getah ialah bahawa persaingan daripada getah tiruan adalah begitu hebat. Soalan saya ialah oleh kerana pada masa ini persaingan dari harga getah tiruan tidak begitu hebat akibat daripada tingginya kos pengeluaran untuk getah tiruan, adakah pihak Kementerian dapat memberi jaminan bahawa harga getah asli ini tidak akan mendapat saingan begitu hebat daripada getah tiruan.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Saya sudah nyatakan tadi dalam jawapan saya bahawa saingan tadi dari segi prospeknya memang kurang kemampuan getah tiruan untuk bertanding dengan getah asli sebagaimana disebutkan tadi harga petroleum naik dan lain-lain lagi. Di samping itu juga kita ada satu skim menstabilkan harga getah asli ini iaitu yang telah diper-setujui pada peringkat antarabangsa di antara negeri-negeri pengguna dan pengeluar dan ini

juga saya rasa adalah merupakan satu faktor yang dapat terus menstabilkan harga getah asli kita pada tahun-tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Cho Hock.

Tuan Seow Hun Khim: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 9.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

TAHANAN GOH KEAN SENG

9. **Tuan Seow Hun Khim** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada kes mengenai orang tahanan kerana Goh Kean Seng (T219/74-B143/74) dikaji dari semasa ke semasa; dan
- (b) sama ada orang tahanan yang tersebut akan dibebaskan tidak lama lagi.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, tertakluk di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kes orang tahanan yang tersebut memang diulangkaji dari masa ke semasa daripada semenjak ianya ditahan sehingga hari ini tidak kurang daripada sebelas kali ia diulangkaji. Pembebasan orang tahanan dibuat setelah pertimbangan dibuat oleh Kerajaan apabila menerima perakuan yang dibuat oleh Lembaga Penasihat juga tertakluk di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Sehingga ini mengenai orang tersebut Kerajaan belum lagi berpuashati bahawa beliau itu boleh dibebaskan.

PENYERTAAN MELAYU DALAM BIDANG PELABURAN

10. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga agensi-agensi Kerajaan seperti PERNAS akan mendapat keuntungan tidak kurang dari \$20 billion hasil dari pertanyaannya dalam bidang pelaburan. Untuk mencapai matlamat 30%

penyertaan Bumiputra sama ada Kerajaan akan menubuhkan satu tabung khas dengan modal \$500 juta untuk membantu orang-orang Melayu:

- (a) untuk membeli rumah di dalam bandar supaya dapat mereka memilikinya di samping memiliki harta;
- (b) membeli saham-saham yang disimpan sebagai amanah untuk dimiliki oleh orang Melayu; dan
- (c) meminta syarikat-syarikat sendirian kepunyaan bukan Melayu menjual saham-saham mereka dengan harga \$1.00 kepada orang-orang Melayu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga ada mengatakan agensi-agensi Kerajaan seperti PERNAS akan mendapat keuntungan tidak kurang dari \$20 billion hasil dari penyertaannya dalam pelaburan.

Kerajaan sedar mengenai masalah kemampuan bumiputra membeli rumah di dalam bandar dan membeli saham-saham yang diperuntukkan kepadanya. Kerajaan telah mengadakan peruntukan untuk membeli saham-saham itu. Berkenaan dengan bantuan membeli rumah dalam bandar, Kerajaan sedang mengkajinya.

Berkenaan dengan meminta syarikat-syarikat sendirian kepunyaan bukan Melayu menjual saham-saham mereka dengan harga \$1.00 kepada orang-orang Melayu, ini boleh dibuat, tetapi ianya mungkin tidak mendapat sambutan kerana nilai saham adalah mengikut harga pasaran.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Shaari bin Jusoh.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 11.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Parit.

ANGGOTA PASUKAN BOMBA

11. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa anggota-anggota pasukan Bomba dalam menjalankan

tugas mereka sentiasa menghadapi bahaya, dan jika ya, sama ada pampasan akan dibayar kepada mereka atau waris mereka kiranya mereka menemui kemalangan atau kematian, dan jika tidak, sama ada Kementerian bercadang membayar pampasan sedemikian.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa anggota-anggota bomba ketika menjalankan tugas mereka sentiasa menghadapi bahaya. Sungguhpun demikian, mereka adalah dilatih dengan secukupnya dari segi teknik dan taktik melawan kebakaran sebelum mereka ditempatkan di mana-mana Balai Bomba bagi menjalankan tugas-tugas rasmi mereka. Ini bertujuan untuk menambahkan kecekapan anggota-anggota Bomba serta sebagai satu ikhtiar untuk menjamin keselamatan diri mereka.

Perkhidmatan Bomba adalah tergolong di bawah Perkhidmatan Awam. Setiap anggota kakitangan awam yang mendapat kemalangan atau kematian semasa menjalankan tugas rasmi mereka, mereka atau waris-waris mereka adalah layak diberi pampasan melalui:

- (i) Pampasan di bawah Ordinan Pekerja, 1952.
- (ii) Ganjaran dan pencen di bawah Ordinan Pencen, 1957 dan
- (iii) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1971.

Di samping itu, Tabung Perwira Negara juga memberi bantuan kepada anggota-anggota Angkatan Bersenjata dan juga Anggota Polis, termasuk pegawai awam sekiranya mereka mati semasa menjalankan tugas yang disebabkan oleh unsur-unsur subersif atau komunis. Dengan itu anggota bomba juga layak mendapat bantuan dari tabung ini sekiranya kematian mereka semasa menjalankan tugas itu disebabkan oleh unsur-unsur subersif atau komunis.

Jadi dari jawapan saya di atas tadi maka soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sama ada Kementerian bercadang untuk membayar pampasan kepada mereka atau waris mereka itu sudah tidak perlu ditimbulkan lagi.

HARGA KAYU BALAK

12. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada benar diketahui umum bahawa balak dan pengilang papan semata-mata mementingkan dan mengutamakan diri sendiri mencari untung besar tanpa menghitungkan kehendak masyarakat dan juga keheadd negara, sehingga untuk mendapatkan kayu atau papan pada masa ini susah sekali dan mahal pula harganya yang menyebabkan banyak kerja-kerja pembangunan negara tergendala dan tertugat; dan jika benar, apakah tindakan diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab menggagalkan kerja pembangunan kerajaan dan gagal juga DEB Kerajaan dan bagaimana pula caranya Kementerian bertindak supaya kayu mencukupi dengan harga berpatutan pula.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa pengguna-pengguna kayu-kayan tempatan mengalami kesulitan untuk memperolehi bekalan dan juga harga yang tinggi. Walau bagaimanapun, adalah tidak benar untuk mengatakan bahawa kesulitan dalam bekalan dan kenaikan harga itu semata-mata disebabkan oleh tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak-pihak tertentu seperti pengilang-pengilang yang banyak mengekspot kayu gergaji khasnya jenis berperingkat. Angka-angka menunjukkan bahawa jumlah eksport kayu gergaji daripada tahun 1976 hingga tahun 1978 berada pada paras 2.7 juta meter kubik atau 50% daripada pengeluaran kayu gergaji sebanyak 5.4 juta meter kubik. Sebaliknya pula, jumlah kayu gergaji yang digunakan dalam negeri telah bertambah sebanyak 18%. Dalam tempoh itu juga, pengeluaran kilang papan di Semenanjung Malaysia telah bertambah sebanyak 8%.

Mengenai kenaikan harga kayu-kayan dan mengadakan bekalan untuk memenuhi keperluan pengguna-pengguna tempatan, saya telahpun menerangkan dengan panjang lebar akan kedudukannya dan juga tindakan-tindakan yang telah dan akan terus diambil oleh Kementerian saya semasa menjawab soalan daripada Yang Berhormat wakil dari Ulu Trengganu di Dewan ini pada 26-3-1980.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagaimana yang kita tahu bahawa pasaran kayu dunia sekarang ini boleh dikatakan menurun dan tidak menggalakkan eksport daripada negara kita. Tetapi kayu dalam negara ini masih juga naik ke paras yang tidak mampu oleh rakyat kita membelinya. Apakah ini ada satu penyelewengan berlaku oleh pihak logger ataupun taukeh-taukeh supaya harga ini dapat ditetapkan ataupun harga ini dapat menguntungkan mereka.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, harga kayu negeri atau harga eksport mengenai kayu-kayan memang mengalami trend yang turun naik. Dan trend yang turun naik ini adalah perkara biasa dalam soal penawaran dan permintaan di dalam pasaran dunia. Jadi tidak hairanlah turun naiknya itu kerana sekali turun dia akan naik, dan sekali naik dia akan turun. Mengenai harga di dalam negeri yang semakin meninggi ini saya tidak dapat merumuskan bahawa adanya satu penyelewengan berlaku tetapi saya percaya dan yakin sekiranya kita memperbaiki kemudahan-kemudahan yang boleh mengagih-agihkan dengan cara yang lebih berkesan dan bermakna, kayu-kayu kita di seluruh negara maka kita adalah dalam keadaan yang boleh untuk menstabilkan harga tempatan kayu balak kita ini. Dan sekiranya ada penyelewengan-penyelewengan yang berlaku sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu secara individu atau secara berkelompok atau berkumpulan, saya rasa Kementerian saya dan agensi yang bertanggungjawab ini sedia menyelidiki dengan lebih mendalam demi kepentingan negara.

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar bahawa hari ini kilang-kilang kayu menggunakan kayu dengan secara yang paling tidak ekonomik sekali. Jadi saya ingin bertanya sama ada Kementerian beliau ada menjalankan kajian sebagaimana yang dijalankan oleh RRI untuk getah dan sama ada galakan-galakan dan insentif-insentif ada diberi kepada pengilang-pengilang kayu supaya mereka dapat menggunakan kayu yang ada dalam

negara kita ini dengan lebih intensif lagi iaitu misalnya untuk mengeluarkan chipboard dan sebagainya.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengakui bahawa kadar pembaziran atau tidak ekonomik di kalangan pengilang-pengilang kita adalah terlalu tinggi di dalam negara ini iaitu recovery ratenya cuma 35%-55% sahaja kalau dibandingkan dengan negara-negara lain yang lebih maju di mana recovery ratenya 70%-85%. Walau bagaimanapun, Kementerian saya melalui Jabatan Hutan dan Pusat Penyelidikan Kayu-kayan Kepong telahpun membuat usaha-usaha yang gigih ke arah supaya memperbaiki lagi methodology dan technology mengenai pemotongan kayu-kayan di kilang-kilang ini. Dan kita rasa kita telahpun mengambil tindakan bagi mengarahkan kilang-kilang supaya menggunakan mesin-mesin (machinery) yang lebih ekonomik dari segi pemotongan untuk digunakan dengan ini akan mengurangkan perkara-perkara yang tidak ekonomik ataupun pembaziran yang sekarang ini agak tinggi kadarnya di negara kita.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen oleh kerana perusahaan kayu-balak ini telah mendapatkan keuntungan yang berlipat ganda kepada pengusaha-pengusahanya sehingga kita kekurangan bahan kayu sekarang dan pengusaha-pengusaha sekarang ini telah mula menebang pokok muda yang mutunya tidak baik. Jadi saya ingin mendapat penjelasan adakah atau tidak Kementerian ini mengawasi pengusaha-pengusaha balak ini supaya tidak menebang pokok yang muda dijadikan papan.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, jawapan itu ada. Kita sentiasa mengawasinya.

UNDANG-UNDANG GAJI MINIMA

13. **Tuan Karpal Singh** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengadakan undang-undang gaji minima untuk menentukan rakyat tidak dieksploitasikan oleh majikan yang tidak bermoral (unscrupulous).

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, telahpun terdapat perundangan mengenai gaji minima yang dikenali dengan nama Ordinan Majlis-majlis Gaji Tahun 1974. Hingga ini sebanyak empat Majlis-majlis Gaji telahpun ditubuhkan:

- (1) Majlis Gaji bagi Pembantu-pembantu Kedai.
- (2) Majlis Gaji Pekerja-pekerja Panggung Wayang.
- (3) Majlis Gaji Pekerja-pekerja Perkilangan dan Hotel.
- (4) Majlis Gaji bagi Pemunggal-pemunggal Kapal dan Pengendali Muatan di Pelabuhan Pulau Pinang.

Kementerian saya sentiasa mengikut dengan rapi bidang-bidang perusahaan di mana gaji yang dibayar adalah rendah dan tindakan akan diambil untuk menubuhkan lebih banyak lagi Majlis-majlis Gaji dengan tujuan untuk mengadakan gaji minima di lain-lain perusahaan jika difikirkan perlu dan sesuai.

PENGGALAN TENTERA LAUT DI LUMUT—PEMBINAAN

14. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan kontraktor yang diupah dalam pekerjaan pembinaan di Lumut "Naval Base" dan beri bilangan projek-projek yang disiapkan mengikut jadual waktu masa yang ditetapkan dan juga bilangan projek yang tidak disiapkan mengikut jadual waktu masa dengan memberikan sebab-sebabnya mengapa projek itu tidak dapat disiapkan dan juga beberapa kontraktor yang membiarkan pembinaan itu sahaja tanpa disiapkan dan nyatakan sebab-sebabnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bilangan kontraktor yang diupah dalam menjalankan pembinaan Pengkalan Tentera Laut di Lumut adalah berjumlah 59 kesemuanya. Bilangan kontrak yang siap dalam tempoh masa yang ditetapkan ialah 24, dan kontrak yang tidak siap dalam tempoh masa yang ditetapkan ialah 15, 20 dalam pelaksanaan dan tiada satu pun kontrak yang terbengkalai.

Kontrak-kontrak yang tidak siap dalam tempoh masa yang ditetapkan adalah termasuk kerja-kerja meneroka kawasan, meratakan tanah, pengaliran (tali air), pembinaan jalan, pembekalan air, pembinaan rumah-rumah pangsa dan quarters dan pembekalan alat-alat pembinaan pelabuhan.

Sebab-sebabnya kontrak-kontrak ini tidak dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan termasuklah kerana kekurangan bahan-bahan pembinaan seperti simen, batu-bata, bahan-bahan saluran dan atap genting. Kontraktor-kontraktor juga menghadapi masalah bagi mendapatkan buruh untuk kerja-kerja pembinaan. Sebab-sebab yang lain adalah kelewatan dalam membekalkan barang-barang dan bahan pembinaan, kelewatan dalam mendapatkan lesen-lesen bagi "explosive and blasting" juga masalah-masalah sub-kontraktor.

VISA BAGI NEGARA ASEAN

15. Tuan Mohamed Khir Johari minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan dasar Jabatan Imigresen sekarang berhubung dengan pengeluaran visa untuk pelawat-pelawat dari negara-negara ASEAN, dan nyatakan adakah dasar itu dijalankan secara sama dengan tidak memandang daripada mana negara ASEAN seorang pelawat itu datang.

Tan Sri Haji Mohammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, bagi negara-negara ASEAN, pelawat-pelawat dari sana tidak dikehendaki mereka menggunakan visa jikalau sekiranya mereka melawat negara kita dalam masa 14 hari. Tetapi kalau lebih daripada 14 hari maka pelawat-pelawat ini terpaksa meminta visa seperti orang lain melainkan dari Singapura kerana kita ada peraturan dengan Singapura tidak payah visa. Dan tidak pula di dalam waktu menimbangkan visa ini kita memandang dari negara mana datangnya, hanya yang dipandang adalah beberapa kategori umpamanya jenis pekerjaannya, kalau dia itu umpamanya diketahui sebagai "kupu-kupu malam" atau "anak joget", ini terpaksa meneliti benar-benar dan banyak tidak diizinkan masuk.

LORI-LORI IKAN, SAYUR DAN BUAH-BUAHAN

16. Puan Shariffah Dorah binti Mohammad minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerian sedar manakala lori-lori yang membawa ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan yang lebih muatan telah ditahan oleh pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan beberapa hari hingga menyebabkan barang-barang ini busuk dan tuan punya barang-barang mengalami kerugian yang besar. Tidakkah boleh selepas ditimbang, dikeluarkan surat saman, lori-lori itu dilepaskan segera dan hukuman dijatuhkan pada hari perbicaraan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa pegawai-pegawai Pengangkutan Jalan telah bertindak sehingga menyebabkan barang-barang yang berkenaan menjadi busuk dan menyebabkan kerugian tuan punya barang-barang tersebut. Jabatan Pengangkutan Jalan telahpun mengambil kepastian bahawa lori-lori yang mengangkut barang-barang mudah rosak yang didapati membawa lebih muatan terus sahaja dilepaskan selepas sahaja pemeriksaan dan penimbangan dibuat di Pejabat Pengangkutan Jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Oo Gin Sun.

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 17.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

BAYARAN PELAJARAN DI LUAR NEGERI

17. Tuan Hashim bin Endut (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan sungguhpun menjadi hak istimewa sesebuah negeri luar untuk menaikkan bayaran pelajaran bagi melanjutkan pelajaran di luar negeri sama ada beliau akan menimbangkan untuk mengenakan cukai pelajaran ke atas semua ladang-ladang berasas di luar negeri atau syarikat-syarikat bijih timah di Malaysia tetapi menetap di luar negeri atau seberang

laut supaya cukai seumpama itu boleh digunakan bagi menolong penuntut-penuntut kita di seberang laut yang terlibat dengan tambahan bayaran pelajaran itu.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian saya tidak ada rancangan untuk mengadakan cukai pelajaran khusus kepada ladang-ladang yang dipunyai oleh syarikat-syarikat luar negeri. Kementerian saya pernah mengutip cukai pelajaran dari semua pemegang-pemegang harta tanah di seluruh negara tetapi nilai atau hasil daripada kutipan ini adalah tidak setanding dengan perbelanjaan kutipannya dan cuma berjumlah setakat 2% daripada perbelanjaan pelajaran. Oleh itu, Kementerian saya tidaklah berhajat untuk mengenakan apa-apa cukai pelajaran walaupun kepada pemegang-pemegang harta di luar negeri yang negerinya sedang mengenakan bayaran-bayaran pelajaran yang begitu tinggi. Walau bagaimanapun, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian sudah dan sedang pesat berusaha supaya lebih banyak lagi negara-negara lain memberi kemudahan tempat-tempat pelajaran yang lebih kepada pelajar-pelajar dari Malaysia.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada Kerajaan bercadang untuk menimbangkan satu syor yang telah dibuat oleh Professor Di Raja Ungku Abdul Aziz baharu-baharu ini supaya satu tabung khas ditubuhkan yang mana syarikat-syarikat luar negeri yang ada kepentingan ekonomi dalam Malaysia boleh menyumbangkan kepada tabung itu guna memberi pinjaman-pinjaman kepada pelajar-pelajar Malaysia yang berhajat belajar di luar negeri.

Soalan tambahan yang kedua ialah mengenai perkara hak istimewa sesebuah negeri luar untuk menaikkan bayaran pelajaran, saya suka minta Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa untuk tahun akademik tahun 1980 dan 1981, Kerajaan Australia telah menaikkan yuran pelajaran yang telah menjadi satu beban yang berat kepada pelajar-pelajar Malaysia yang sedang belajar di Australia. Jika beliau sedar tentang hal ini, saya suka mendapat tahu apa yang telah dibincangkan di antara Yang Berhormat Menteri dengan Kerajaan Australia apabila beliau membuat lawatan ke Australia pada tahun lalu.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan tambahan yang pertama, saya suka menyatakan bahawa saya sedia maklum di atas rancangan ataupun cadangan untuk menubuhkan satu tabung khas yang telah dianjurkan oleh Naib Canselor Universiti Malaya atas nama peribadinya, malahan saya telah diberitahu olehnya terlebih dahulu atas cadangan ini dan saya sendiri telah memberi restu dan galakan kepadanya supaya cadangannya ini dapat dilaksanakan, maka terpulanglah kepadanya sendiri untuk menimbang dan mengambil apa-apa langkah yang difikirkan perlu. Setakat ini saya dapat tahu daripada Naib Canselor yang berkenaan bahawa sambutan nampaknya baik daripada pihak swasta yang berkenaan. Walau bagaimanapun, saya tidak dapat memberi apa-apa maklumat yang lanjut oleh sebab ini ialah satu daya usaha perseorangan ataupun peribadi.

Berhubung soalan tambahan yang kedua, saya suka menyatakan bahawa perbincangan-perbincangan yang telah diadakan di Australia di dalam siri lawatan saya ke sana ialah berasas kepada dua perkara iaitu perkara yang pertama ialah bidang kerjasama dengan secara menyeluruh, tetapi ditekankan soal tempat pelajar-pelajar kita mendapat tempat di pusat-pusat pengajian tinggi di sana dan bidang kedua ialah berhubung dengan soal rancangan pada waktu itu Kerajaan Australia hendak mengenakan bayaran yang tinggi. Di dalam bidang yang pertama iaitu soal tempat dan kerjasama dengan Kerajaan Australia bolehlah dikatakan satu kepastian yang agak boleh dikatakan baik telah dapat dibuat di antara kedua-dua pihak iaitu Kerajaan Malaysia melalui Kementerian saya dan Kerajaan Australia.

Di dalam soal cadangan untuk menambahkan kos bayaran kepada pelajar-pelajar kita, malangnya rayuan kita itu nampaknya tidak berkesan dan Kerajaan Australia akan terus menjalankan dan melaksanakan cadangannya. Walau macam manapun, ini harus diterima sebagai kenyataan seperti telah berkali-kali saya katakan.

Saya suka menyatakan di sini di dalam Dewan yang mulia ini pada bulan ini satu rombongan teknikal iaitu terdiri daripada pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran sedang membuat lawatan ke Australia dan New Zealand sebagai follow-up kepada lawatan

saya ke sana termasuk soal hendak memastikan tempat-tempat pelajaran tinggi yang sesuai yang boleh kita menghantar lebih banyak lagi pelajar-pelajar kita ke sana.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri mengumumkan seluas-luasnya universiti-universiti di negara-negara lain, khususnya yang diiktirafkan oleh negara kita supaya penuntut-penuntut kita tidak payah memikirkan untuk melanjutkan pelajaran mereka di England atau Australia sahaja.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, untuk saya menghebahkan seluas-luasnya sukar di sini ataupun hendak dibuat satu persatu, tetapi sesiapa juga khuatir ataupun tidak mengetahui kedudukan sebenar dari segi khusus-khusus yang ada di institusi-institusi pelajaran tinggi di luar negeri bolehlah meminta nasihat daripada Kementerian saya.

SYARIKAT MILIK BUMIPUTRA

18. Tuan Muhyiddin bin Mohd. Yassin minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa keupayaan Syarikat-syarikat milik Bumiputra untuk menimbun harta dan melabur semula masih terhad disebabkan bahawa struktur dan sistem cukai pendapatan yang diamalkan sekarang tidak memberikan galakan-galakan yang istimewa dan tertentu kepada syarikat-syarikat bertaraf tersebut dan jika sedar adakah beliau bercadang di dalam Belanjawan 1981 untuk mengkaji semula struktur dan sistem cukai ke atas keuntungan Syarikat bagi membolehkan Syarikat-syarikat Bumiputra melaburkan semula sepenuhnya keuntungan yang mereka perolehi ke dalam perniagaan dengan memberikan taraf istimewa dan pengecualian cukai ke atas keuntungan selama tempoh 5 tahun atau seumpamanya.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa keupayaan syarikat-syarikat milik Bumiputra untuk menimbun harta dan melabur semula adalah terhad disebabkan oleh ketiadaan galakan dalam sistem dan struktur cukai terdapat di negara ini. Kadar cukai pendapatan yang

dikenakan ke atas syarikat-syarikat tidak dapat melaburkan keuntungannya. Cukai hanya dikenakan ke atas keuntungan bersih, iaitu selepas ditolak segala kos dan elaun-elaun yang dibenarkan. Yang Berhormat tentulah bersetuju dengan saya bahawa kejayaan sesebuah syarikat itu adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti keupayaan pengurusan syarikat serta keupayaan syarikat untuk bertanding dengan syarikat-syarikat lain yang juga menghadapi beban-beban cukai yang sama. Pada ketika ini terdapat berbagai galakan cukai yang diberi kepada pengusaha-pengusaha yang menjalankan perusahaan. Pengecualian cukai import dan tokok ke atas mesin-mesin dan bahan-bahan mentah adalah juga diberi atas permohonan. Berkaitan dengan galakan penanaman semula modal, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa galakan ini yang telah diberi dalam Belanjawan 1979 dan dalam Belanjawan 1980 telah disambung atau dilanjutkan ke tahun takhsiran 1983. Di bawah galakan ini elaun pelaburan semula sebanyak 25% daripada perbelanjaan modal ke atas loji dan mesin, serta bangunan-bangunan industri adalah diberi kepada pengilang-pengilang yang telah diluluskan pembesaran usaha-usaha mereka.

KERJA LIMA HARI SEMINGGU

19. Tuan Wong Hoong Keat minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan bertindak untuk menukarkan lima dan setengah hari kerja seminggu sekarang kepada lima hari kerja seminggu bagi pekerja-pekerja Kerajaan dan jika tidak, apakah sebab-sebabnya.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang membangun, hari-hari bekerja selama 5½ hari seminggu sebagaimana yang diamalkan sekarang adalah lebih sesuai daripada 5 hari. Pengurangan hari bekerja akan menjejaskan ekonomi serta pembangunan negara di samping menambahkan kos pentadbiran negara.

Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang buat masa ini untuk menukarkan 5½ hari kerja seminggu kepada 5 hari bekerja seminggu bagi pekerja-pekerja Kerajaan.

PROJEK LEBUHRAYA—KELEMAHAN SISTEM PENTADBIRAN

20. Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa beberapa projek rak-saksa seperti lebuhraya timur-barat dan lebuhraya Kuantan-Segamat tergendala perlaksanaannya disebabkan sistem pentadbiran peringkat Persekutuan yang tidak begitu kemas dan tidak mampu menemui cabaran sesuatu keadaan, dan jika ya, apakah tindakan yang diambil untuk memperkemas jentera pentadbiran peringkat Persekutuan, kerana kelewatan melaksanakan projek-projek seperti ini akan merugikan masa dan wang kepada pihak Kerajaan.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan bahawa langkah-langkah sentiasa diambil untuk memperbaiki jentera pentadbiran di semua peringkat dalam Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan Jabatan-jabatan di bawahnya. Sistem pentadbiran bukanlah menjadi sebab penting yang menyebabkan projek-projek tergendala.

Perlu dimaklumkan bahawa semua projek-projek utama adalah dikendalikan dengan memuaskan di peringkat Persekutuan, khususnya projek-projek penting seperti Lebuhraya Timur-Barat, Lebuhraya Kuantan-Segamat dan lain-lain. Lawatan-lawatan ke tapak binaan kerap dibuat untuk memastikan kemajuan-kemajuan kerja dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai yang berkenaan. Mesyuarat-mesyuarat dan perbincangan biasa diadakan di peringkat Ibu Pejabat untuk mencari penyelesaian bagi masalah yang terdapat di tapak binaan. Kelewatan dalam menyiapkan projek-projek jalanraya tertentu adalah disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti keadaan tanah, keadaan cuaca, masalah kelambatan kerja oleh setengah-setengah kontraktor-kontraktor, kekurangan bahan-bahan binaan dan sebagainya.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan sistem pentadbiran bukanlah merupakan faktor yang mengendalikan

kerja-kerja bagi projek yang besar seperti ini. Saya kurang faham apa yang dimaksudkan sistem pentadbiran tetapi adalah didapati sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ataupun tidak, kuasa-kuasa projek manager misalnya yang diberikan tugas mengenai projek ini, masalah-masalah mengambil pekerja, kakitangan mahir dan separuh mahir adalah menjadi satu masalah yang besar. Jadi inilah yang menyebabkan gendalanya projek-projek ini. Adakah maksud Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa perkara-perkara yang saya sebutkan tadi bukan merupakan sistem pentadbiran yang tidak cekap?

Datuk Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mengikut soalan yang dikemukakan di sini ialah menunjukkan bahawa sistem pentadbiran adalah menjadi satu faktor yang besar yang menyebabkan kelewatan dalam pembinaan projek-projek yang besar ini. Saya di sini menerangkan bahawa sistem pentadbiran bukan menjadi faktor yang besar dalam masalah yang kita hadapi dalam menjalankan kerja-kerja membangunkan projek-projek ini, itu yang saya maksudkan. Sistem pentadbiran bukannya menjadi masalah yang besar dalam kelambatan mendirikan projek-projek ini.

KONTRAK KEPADA PEMBORONG BUMIPUTRA—PENYELEWENGAN

21. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilangan pegawai-pegawai kanan dalam JKR yang menyeleweng dalam pemberian kontrak kepada pemborong-pemborong Bumiputra dan apakah tindakan tatatertib serta langkah-langkah pembetulan yang tidak akan menjejaskan kedudukan pemborong bumiputra dan menghalang penyelewengan yang berterusan.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu sukacita diberitahu bahawa sebenarnya tidak ada pegawai-pegawai kanan di dalam Jabatan Kerjaraya yang menyeleweng dalam pemberian kontrak kepada pemborong-pemborong bumiputra. Apa sebenarnya yang di bawah pengetahuan saya

ialah penyelewengan di kalangan tertentu di dalam pemberian kerja-kerja requisition yang dikhaskan kepada pemborong-pemborong bumiputra. Sebaik-baik sahaja perkara ini diketahui penyiasatan telah dijalankan tentang adanya penyelewengan ini. Pada masa ini siasatan ini masih lagi dijalankan untuk mendapatkan bukti-bukti yang nyata bagi membolehkan Kementerian ini mengambil tindakan tatatertib kepada mereka yang terbukti kesalahannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian saya dan saya sendiri sangat mengambil berat terhadap matlamat Dasar Ekonomi Baru terutama dalam usaha melaksanakannya. Dalam perkara ini, Bahagian Penyertaan Bumiputra di Kementerian saya telah diperluaskan pemberian khidmat nasihat dan penguatkuasaannya. Dengan tugas penguatkuasaannya ini pengawasan yang lebih luas akan dapat dijalankan oleh pejabat-pejabat cawangan, Bahagian Penyertaan Bumiputra bukan sahaja bagi menentukan peraturan-peraturan yang sedia ada dipatuhi oleh pejabat-pejabat JKR tetapi juga oleh pihak pemborong-pemborong bumiputra sendiri.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri bagaimana penyiasatan yang dibuat itu dan juga kenyataan yang pernah dikeluarkan bahawa kalau sekiranya ada pegawai-pegawai kanan telah menyeleweng ataupun telah membuat satu kesilapan terhadap pemborong bumiputra apakah pihak Kementerian bercadang untuk menukarkan pegawai itu daripada tempat bertugas sekarang dan juga memberi tugas-tugas lain yang tidak berkaitan dengan pemborong bumiputra supaya tidak akan timbul diskriminasi dalam dirinya terhadap pemborong bumiputra.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, saya tidak ada apa-apa laporan atas pegawai-pegawai kanan daripada JKR tetapi ada juga satu aduan, iaitu aduan penyelewengan diterima daripada sekumpulan pemborong bumiputra pada 3hb Mac, 1980. Penyiasatan yang serta-merta mengenai aduan ini telah dijalankan oleh Bahagian Penyertaan Bumiputra di pejabat JKR, Wilayah Persekutuan. Urusan cat-mengecat di Bangunan Parlimen dan pejabat-pejabat pemborong

bumiputra yang terlibat dan ini ada dalam siasatan. Apabila saya terima laporan daripada penyiasatan itu, saya akan mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 22 hingga 59 adalah diberi di bawah ini).

KONSORTIUM KILANG PAPAN BUMIPUTRA—PENUBUHAN

22. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan setakat manakah kemajuan yang dicapai berhubung dengan usaha-usaha untuk menubuhkan Konsortium Kilang Papan Bumiputra yang diura-urakan baru-baru ini.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Kementerian saya melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia adalah sedang mengkaji cadangan untuk menubuhkan Konsortium Kilang Papan Bumiputra itu.

Konsep penubuhan Konsortium Pengilang-pengilang Bumiputra ini telah mula timbul pada awal tahun 1976. Pada mulanya, cadangan yang dikemukakan adalah untuk menubuhkan satu syarikat pemasaran yang mana akan menguruskan eksport kayu gergaji bagi pihak pengilang-pengilang Bumiputra. Penubuhan syarikat tersebut telah ditangguhkan oleh kerana pihak Persatuan Pengusaha Kayu Kayan Bumiputra Malaysia pada masa itu telahpun menubuhkan Syarikat Kayu Raya Sdn. Bhd. yang mempunyai peranan yang seakan-akan sama.

Walau bagaimanapun, setelah diwujudkan adalah didapati bahawa Syarikat Kayu Raya ditubuhkan dengan tujuan utama untuk berniaga dan mengeksploit kayu kayan sahaja. Oleh yang demikian, konsep Konsortium tersebut telah dihidupkan semula. Pihak Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia telah mengadakan perundingan dengan beberapa pengilang Bumiputra untuk mendapatkan pandangan mereka. Setakat ini 26 pengusaha kilang papan Bumiputra telah menyarankan persetujuan mereka untuk menyertai dalam Konsortium yang dicadangkan itu.

Sementara itu Kerajaan telah juga mendapatkan kerjasama Pusat Perdagangan Antarabangsa (ITC) untuk mendapatkan seorang Perunding dalam aspek penubuhan Konsortium tersebut. Laporan kajian di atas masih lagi dalam pertimbangan sebelum tindakan selanjutnya diambil.

PRESTASI PEGAWAI-PEGAWAI TINGGI KERAJAAN

23. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan ada membuat penyiasatan terhadap pegawai-pegawai tinggi Kerajaan khususnya Ketua-ketua Jabatan yang menunjukkan contoh yang tidak baik terhadap pegawai-pegawai di bawahnya kerana datang lambat bekerja, tidak menjalankan tugasnya dengan cekap dan memuaskan, dan ada di antaranya yang hanya menunggu masa untuk bersara sahaja dan sama ada Kerajaan akan mengarahkan Dato Hassan Ibrahim dari JPA untuk menyiasat perkara ini dan kalau perlu merekomendasikan supaya pegawai-pegawai yang terlibat itu diminta berhenti atas kepentingan perkhidmatan. Jika tidak, mengapa?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Kerajaan sentiasa mengawasi prestasi dan juga tata kelakuan pegawai-pegawai Kerajaan termasuk tata kelakuan Ketua-ketua Jabatan. Pengawasan tatatertib anggota-anggota Kerajaan tidak dapat dipertanggungjawabkan kepada seorang pegawai sahaja tetapi menjadi tanggungjawab bersama beberapa pihak termasuk masing-masing Kementerian dan Jabatan, Biro Siasatan Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia bagi pengawalan tatatertib yang lebih ketat ke atas anggota perkhidmatan awam. Ketua-ketua Jabatan selalu diperingatkan akan tanggungjawab mereka untuk memberi contoh yang baik kepada kakitangan-kakitangan di bawah jagaan mereka. Adalah menjadi tanggungjawab mereka menjaga disiplin kakitangan-kakitangan mereka. Penyiasatan rapi akan dibuat oleh pihak-pihak berkenaan atas kes-kes tatatertib dan tindakan yang sesuai diambil oleh Lembaga Tatatertib mengikut Perintah Am Bab "D" atau Akta Pencen 1980.

Tindakan-tindakan tatatertib yang boleh diambil ke atas anggota perkhidmatan awam yang didapati melanggar tata kelakuan itu termasuk persaraan atas kepentingan perkhidmatan awam jika didapati menasabah. Peraturan-peraturan Pegawai-pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Perintah Am Bab "D" 1969) dan juga Akta Pencen 1980 yang baru sahaja diwartakan membuat peruntukan yang cukup bagi tindakan-tindakan sedemikian diambil.

EKSPOT PETROLEUM MENTAH

24. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kesan-kesan kenaikan harga minyak baru-baru ini terhadap prestasi impot dan eksport di negara ini.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Kenaikan harga minyak sejak 1979 lalu telah memberi sumbangan yang besar kepada kemajuan perdagangan Malaysia. Harga eksport petroleum mentah Malaysia telah bertambah sebanyak 42.5% iaitu daripada US\$33.87 per barrel dalam tahun 1978 kepada US\$48.26 per barrel dalam tahun 1979. Di samping itu juga telah menambahkan nilai impot sebanyak 31.5%, pertambahan yang paling besar ialah hasil daripada pendapatan petroleum mentah iaitu sebanyak 87.4% dalam tahun 1979 dengan jumlah \$4,209.8 juta, jumlah ini merupakan 27.5% daripada jumlah kenaikan nilai impot dalam tahun 1979. Sebagai hasil daripada pertambahan ini, petroleum mentah telah memberi sumbangan tambahan pendapatan daripada 13.1% dalam tahun 1978 kepada 17.4% dalam tahun 1979.

Sebaliknya nilai impot petroleum mentah telah bertambah sebanyak 35.6% di samping satu pertambahan dalam harga purata impot sebanyak 30.1%. Impot petroleum mentah telah bertambah kepada \$1,259 juta dalam tahun 1979 iaitu 7.3% daripada jumlah impot.

Kemajuan petroleum mentah yang baik dalam tahun 1979 telah membolehkan Malaysia terus menikmati lebihan perdagangan. Lebihan perdagangan minyak mentah telah bertambah daripada \$1,318.4 juta dalam tahun 1978 kepada \$2,950.8 juta dalam tahun 1979.

Baaimanapun harga minyak diramalkan naik lagi dalam tahun 1980. Eksport petroleum mentah kita akan terus bertambah, dan

petroleum mentah diramalkan akan mengambil tempat getah sebagai hasil eksport utama Malaysia.

MUTU TANAH PADI DI KELANTAN—PENYELIDIKAN

25. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan adakah pernah Kementerian mengarahkan pihak MARDI menjalankan penyelidikan mengenai mutu tanah padi di Negeri Kelantan, supaya dapat disetarafkan dengan mutu tanah padi di Negeri Kedah dan kalau ya, apakah hasil penyelidikan yang dijalankan itu dan apakah sikap Kerajaan terhadap hasil penyelidikan itu.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad): MARDI telahpun menjalankan kajian yang teliti mengenai jenis tanah di keseluruhan kawasan Projek KADA dan telah juga menyediakan peta kawasan mengikut jenis-jenis tanah. Hasil dari kajian tersebut didapati, bahawa keseluruhannya tanah kawasan KADA adalah kurang kesuburannya jika dibandingkan dengan kawasan di Pantai Barat khususnya di kawasan MADA. Selain dari itu kandungan pasir dalam tanah di kawasan KADA lebih banyak dan ini menimbulkan masalah pengurusan/kawalan air. Tujuan kajian tersebut adalah untuk mengkaji dari segi pemakanan jenis-jenis tanaman padi, dari kajian tersebut MARDI telahpun memperakukan baja yang sesuai untuk kawasan KADA pada tahun 1979.

Pada masa ini kajian-kajian secara mendalam masih diteruskan untuk kepentingan dan kemajuan sektor pertanian di Kelantan.

LEMBAGA LETRIK NEGARA DI PULAU PINANG—PENGAMBILAN PEKERJA

26. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada benar baru-baru ini, 110 orang pekerja telah diambil masuk oleh Lembaga Letrik Negara di Negeri Pulau Pinang dan dari 110 pekerja ini, 106 ialah bumiputra dan hanya 4 orang ialah bukan bumiputra. Jika ya, apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk membetulkan keadaan ini yang tidak seimbang.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie Anak Iroke): Tidak benar.

RUMAH AWAM KOS RENDAH

27. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan oleh kerana harga rumah-rumah kini kian bertambah naik dan sesebuah keluarga yang sederhana tidak mampu membayarnya sama ada beliau setuju masanya telah sampai bagi Kerajaan untuk menjalankan satu usaha secara besar-besaran untuk membina rumah-rumah berharga rendah dengan menubuhkan sebuah pihak berkuasa perumahan (National Housing Authority) yang akan diberikan kuasa-kuasa penuh untuk mengatasi red tape dan halangan-halangan yang lain.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Kerajaan sentiasa sedar bahawa adalah perlu diadakan rumah awam kos rendah dengan banyak bagi memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah. Di atas kesedaran ini beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian ini untuk menambah lagi pembinaan rumah tersebut.

Mengenai penubuhan "National Housing Authority" perkara ini masih di dalam kajian Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri pada masa ini. Sebelum sesuatu Perbadanan atau Badan Berkanun ditubuhkan Kerajaan mesti membuat kajian yang teliti tentang keperluan sesuatu Badan tersebut.

Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini sudah terdapat banyak agensi-agensi yang melaksanakan projek-projek rumah awam kos rendah di negeri-negeri seperti berikut:

- (a) Jabatan Perumahan Negara yang terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jabatan ini boleh melaksanakan Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah secara percuma di tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia;
- (b) Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri;
- (c) Suruhanjaya Pembangunan dan Perumahan Negeri Sarawak;
- (d) Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar Negeri Sabah.

Adalah memadai buat masa ini pelaksanaan Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah diteruskan oleh Agensi-agensi yang disebutkan di atas. Bagi mempercepatkan dan menambah keupayaan pelaksanaan Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah dalam Rancangan Malaysia Keempat jawatan-jawatan teknikal dan profesional di Jabatan Perumahan Negara akan ditambah. Begitu juga agensi-agensi di peringkat negeri telah digesa supaya melipat gandakan keupayaan mereka untuk melaksanakan program perumahan dalam Rancangan Malaysia Keempat kelak, sekiranya mereka tidak menerima perkhidmatan Jabatan Perumahan Negara. Lain-lain langkah yang akan diambil ialah menentukan lebih awal lagi, tapak untuk projek perumahan awam kos rendah mengutamakan tapak-tapak yang sedia kosong dan boleh dimulakan kerja, menyediakan dan mengukur tapak jika perlu dengan bantuan pihak swasta, dan melibatkan pihak swasta dalam pembinaan projek perumahan awam kos rendah.

KEKURANGAN DOKTOR-DOKTOR

28. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kesihatan menyatakan pecahan keseluruhan doktor-doktor selama sepuluh tahun yang lalu dengan memberikan angka-angka yang berasingan bagi tiap-tiap negeri dan sama ada beliau sedar iaitu Sabah dan Sarawak menghadapi kekurangan doktor-doktor dan kakitangan perubatan terlatih yang sungguh meruncing; jika benar, nyatakan langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan tersebut dan pada masa ini hanya terdapat seorang sahaja pakar mata di Sabah untuk menampung keperluan berjuta-juta penduduk di negeri tersebut.

Tuan Jawan anak Empaling: Kementerian ini tidaklah dapat memberitahu nisbah doktor penduduk untuk tiap-tiap negeri bagi 10 tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, nisbah doktor penduduk (yang berdasarkan kepada "projected population") bagi tahun 1975 dan 1980 di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:

		1975	1980
Semenanjung	Malaysia	1:4423	1:4037
Sabah	...	1:9424	1:8269
Sarawak	...	1:8101	1:8062

Soal kekurangan doktor sebagaimana yang dijawab beberapa kali di Dewan yang mulia ini dahulu, ialah satu masalah yang menyeluruh dan bukannya khusus dialami oleh Negeri Sabah dan Sarawak; dan Kementerian ini sebagaimana dimaklumkan juga telah mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk mengatasinya. Pada masa ini 85% jawatan pegawai perubatan di Sabah dan 57% di Sarawak telah diisi. Suka saya memaklumkan juga bahawa pada ketika ini di Sabah terdapat 2 orang pakar mata iaitu di Hospital Besar, Kota Kinabalu dan di Hospital Besar, Tawau dan bukannya seorang sebagaimana dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

PEGAWAI DIPLOMAT SEBERANG LAUT

29. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa pegawai-pegawai yang menguruskan pelajar-pelajar yang bertaraf Diplomat Seberang Laut dimonopoli oleh pihak pegawai PTD sahaja. Jika sedar, tidakkah Kerajaan memikirkan untuk memberi peluang kepada Pegawai Pelajaran yang lebih tahu berkenaan dengan hal-hal pelajar, kerana mereka ini adalah orang-orang professional dan tentu sekali dapat mengendalikan hal ehwal pelajar ini.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Adalah tidak benar bahawa pegawai-pegawai yang menguruskan pelajar-pelajar yang bertaraf Diplomat Seberang Laut dimonopoli oleh pihak Pegawai PTD sahaja. Pegawai-pegawai di Jabatan Penuntut-penuntut Seberang Laut adalah terdiri dari kedua-dua perkhidmatan iaitu Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dan Perkhidmatan Pelajaran. Sebahagian besar daripada tugas di Jabatan Penuntut Malaysia di Seberang Laut lebih terlibat dengan tugas-tugas pengurusan seperti pengurusan am dan kewangan, penyelarasan dengan berbagai penganjur dan institusi pengajian tinggi dan dengan itu lebih sesuai diuruskan oleh Pegawai-pegawai Tadbir dan Diplomatik. Pentadbiran di Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia tidak melibatkan banyak hal-hal iktisad bersabit dengan bidang pelajaran dan dengan itu tidak wajar bagi kesemua jawatan diisi oleh Pegawai Pelajaran.

Penentuan jawatan dan pengisinya adalah didasarkan kepada tugas-tugas yang perlu diuruskan dan pegawai yang paling sesuai menguruskannya. Apa yang perlu ditekankan ialah bahawa pegawai-pegawai yang ditempatkan di Jabatan Penuntut di Seberang Laut itu dapat menjalankan tugas mereka dengan cekap dan berkesan bagi faedah penuntut-penuntut sekalian dan bukan setakat memberi peluang kepada pegawai-pegawai menikmati hidup di Seberang Laut.

MENSTABILKAN HARGA HASIL PERTANIAN

30. Tuan Abdul Rahman bin Daud minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian Pertanian akan mencari jalan yang berkesan bagi mengekalkan harga yang minima ke atas hasil-hasil pertanian bukan utama seperti kacang tanah, ikan, kelapa, buah-buahan, sayur-sayuran dan lain-lain seumpamanya yang kebanyakannya dihasilkan oleh petani-petani secara kecil-kecilan.

Dato' Shariff Ahmad: Kementerian memang bercadang untuk mengkaji cara-cara yang lebih berkesan untuk menstabilkan harga-harga bagi setiap hasil pertanian tertentu. Sesungguhnya, bagi menstabilkan harga buah-buahan dan sayur-sayuran, pihak Kementerian menerusi FAMA pada peringkat permulaannya sedang dalam proses membina 24 buah bilik sejuk di mana 19 buah daripadanya terletak di kawasan pengeluaran, sementara 5 buah lagi terletak di beberapa buah bandar yang besar. Bilik-bilik sejuk ini akan digunakan untuk menyimpan hasil keluaran yang mudah rosak pada masa berlebihan untuk dijual semula secara teratur pada masa kekurangan. Dengan cara ini, harga dapat distabilkan. Bagi kacang tanah, petani-petani adalah mendapat harga yang berpatutan. Ini disebabkan permintaan yang baik oleh pemeroses dan juga dengan adanya sistem pemasaran yang diselenggarakan dan disatukan di antara Koperasi Peladang dan FAMA, Harga kacang tanah boleh distabilkan jika pengeluaran boleh dikawal dan diselenggarakan dengan permintaan.

Bagi pasaran ikan pula, pihak MAJU-IKAN sedang berusaha melibatkan diri dalam pembelian ikan-ikan melalui Koperasi Nelayan dan penjualan ikan di peringkat borong dan runcit. Melalui cara ini MAJU-IKAN akan membeli ikan dengan harga yang

berpatutan dan akan dapat mengelakkan kejatuhan harga yang terlalu rendah. Di Samping itu nelayan juga akan mendapat harga yang berpatutan terhadap hasil tangkapan mereka.

ISTERI LUAR NEGERI MENETAP DI MALAYSIA

31. Tuan V. David minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa Perlembagaan Malaysia menjamin rakyat Malaysia membawa isteri-isteri mereka dari luar negeri. Di bawah keadaan ini mengapa rakyat negeri ini telah dinafikan hak mengikut perlembagaan oleh pihak Imigeresen. Bolehkah beliau mengambil tindakan sewajarnya untuk menasihatkan Ketua Pengarah Imigeresen supaya tidak bertindak bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Malaysia.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada peruntukan di dalam Perlembagaan Malaysia mahupun di dalam mana-mana undang-undang yang menjamin rakyat Malaysia membawa masuk isteri-isteri mereka dari luar negeri dan seterusnya tinggal tetap di negeri ini disebabkan oleh perkahwinannya dengan seorang warganegara Malaysia.

Oleh itu, perkara menafikan hak mengikut Perlembagaan adalah tidak timbul.

ASEAN SEBAGAI BADAN TENTERA

32. Tuan V. David minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada ASEAN pada bila-bila masa boleh digunakan untuk tujuan military dan jika ya, sila beri keterangan.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): ASEAN telah ditubuhkan sebagai suatu badan sosio-ekonomi seperti mana yang termaktub di dalam Deklarasi Bangkok 1967. Ini bermakna bahawa ASEAN tidaklah boleh diubah menjadi suatu badan tentera ataupun pakatan pertahanan. ASEAN, sebagai pertubuhan bukan tentera, bukan bermusuhan dengan sesiapa, bukan menyebelahi ke mana-mana ideologi, menunjuk contoh dalam proses perhubungan, perbincangan dan penglibatan

semua negara-negara ahlinya kepada satu pemikiran ketabahan serantau. Pemikiran ketabahan serantau ini boleh diertikan sebagai keupayaan tiap-tiap negara ASEAN untuk melibatkan diri dalam usaha saling bergantung sebagai prinsip utama dasar luar negara masing-masing.

Untuk menghadapi ancaman-ancaman baik dari luar atau dalam negeri negara-negara Asia Tenggara yang bukan komunis mestilah meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi masing-masing dan meningkatkan ketabahan nasional masing-masing. Langkah bagi meningkatkan ketabahan nasional ini adalah menjadi satu usaha bersama dan tujuan utama antara semua negara-negara ASEAN.

ASEAN yakin bahawa ketabahan ASEAN seperti di maksudkan adalah lebih berfaedah kepada kepentingan ASEAN dari segi pertimbangan jangkamasa panjang.

PERKHIDMATAN PERUBATAN DI HOSPITAL

33. Tuan V. David minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar beberapa orang doktor telah meninggalkan perkhidmatan Kerajaan dan keadaan rawatan ke atas pesakit-pesakit di hospital-hospital Kerajaan terutama sekali di Hospital Besar, Kuala Lumpur sangat buruk bolehkah beliau mengambil langkah-langkah untuk menyekat para doktor meninggalkan perkhidmatan Kerajaan dengan meneliti kesusahan para doktor dan di samping itu menjamin rawatan perubatan yang sempurna kepada pembayar-pembayar cukai di negeri ini.

Tuan Jawan anak Empaling: Saya sedar bahawa doktor-doktor dan doktor-doktor pakar telahpun meninggalkan perkhidmatan kita dari masa kesemasa. Perkara ini telah dibawa kepada perhatian Dewan ini beberapa kali. Saya tidak bersetuju kepada pendapat yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat ini bahawa perkhidmatan kita di Hospital-hospital telahpun sampai ke peringkat yang beliau nyatakan itu.

Malahan kedatangan ke hospital-hospital dan klinik-klinik kita telahpun kian meningkat beberapa tahun yang lalu. Pada tahun 1979 sahaja Hospital Besar, Kuala Lumpur telah menguruskan hampir-hampir sejumlah

88,000 pesakit wad dan 803,000 pesakit luar, berbanding dengan hampir-hampir 86,000 pesakit wad dan 757,000 pesakit luar pada tahun 1978. Sekiranya perkhidmatan kita telah merosot ke peringkat sebagaimana yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat ini, bilangan ini akan berkurangan, bukannya bertambah.

Kita adalah sedang menjalani suatu peringkat kemajuan yang pesat di dalam rawatan kesihatan sektor awam dan persendirian. Tidaklah wajar bagi kita menilaikan mutu-mutu ini dengan negara-negara yang paling maju. Dari membuat tuduhan-tuduhan yang tergesa-gesa terhadap pegawai-pegawai professional dan para-perubatan yang telah bekerja keras ini, adalah lebih baik kiranya Ahli Yang Berhormat ini dapat memberi galakan kepada mereka, khususnya setelah mereka berusaha bersungguh-sungguh.

BANTUAN MODAL KE SEKOLAH-SEKOLAH

34. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dengan memberikan Bantuan Modal, kebanyakan sekolah-sekolah Tamil masih menghadapi kesukaran yang serba-serbi dan jika sedar bolehkah beliau menimbang mengantikannya dengan memberikan grant yang sepenuh kepada sekolah Tamil sebagai menolong mereka mengatasi kesukaran-kesukaran ini.

Dato' Musa bin Hitam: Saya memang sedar tentang ketidakpuasan yang wujud terhadap skim Bantuan Modal. Tetapi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya ketidakpuasan terhadap usaha Kementerian saya untuk menambah dan memperbaiki mutu kemudahan persekolahan tidaklah terhad kepada sekolah-sekolah bantuan modal sahaja malah ia juga timbul kepada sekolah-sekolah kepunyaan Kerajaan. Masalah utama yang dihadapi oleh Kementerian saya ialah peruntukan yang terhad manakala keperluan bagi kemudahan-kemudahan sekolah seperti bilik darjah, makmal, kutub-khanah, padang dan sebagainya adalah jauh lebih besar daripada peruntukan yang diluluskan kepada Kementerian saya. Oleh yang demikian, banyak terdapat di antara sekolah-sekolah Kerajaan sendiri yang tidak dapat peruntukan bagi memperbaiki kemudahan-

kemudahan sekolah mereka dan memandangkan hal yang tersebut itu, maka Kementerian saya buat masa ini tidak dapat menimbangkan menggantikan skim Bantuan Modal dengan memberikan grant yang sepenuh kepada sekolah-sekolah Bantuan Modal. Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah memohon peruntukan yang lebih banyak di bawah skim Bantuan Modal di bawah Rancangan Malaysia Keempat supaya lebih banyak sekolah Bantuan Modal mendapat faedah dari skim ini.

BAHASA MALAYSIA/INGGERIS DI SEKOLAH TAMIL

35. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa memandangkan kepada keadaan kemerosotan markah murid-murid yang wujud di sekolah-sekolah Tamil dalam matapelajaran-matapelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris sekarang bolehkah Kementerian beliau menimbang menambahkan lagi jumlah masa pengajaran dalam kedua-dua mata pelajaran untuk memperbaiki keadaan kemerosotan ini.

Dato' Musa bin Hitam: Kementerian saya tidak dapat menambahkan lagi jumlah masa pengajaran matapelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Kemerosotan pencapaian murid-murid di dalam kedua-dua matapelajaran ini bukanlah bergantung kepada jumlah masa yang diberi untuk matapelajaran ini. Masa yang diperuntukkan sekarang adalah mencukupi. Kementerian saya sekarang sedang giat mengkaji semula sukatan-sukatan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris bagi Sekolah Rendah supaya satu sukatan yang lebih berkesan serta lebih mendatangkan faedah dapat diadakan.

Sambil itu, Kementerian saya juga ada menganjur beberapa projek untuk menolong murid-murid di sekolah-sekolah rendah termasuk Sekolah Tamil mendapat lebih pendedahan kepada penggunaan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris melalui:

- (1) Projek Bacaan Tambahan (Bahasa Inggeris) bagi Sekolah-sekolah Rendah. Bahan-bahan ini hampir siap dan dijangka dapat dilaksanakan pada awal 1981.

- (2) Projek Bacaan Tambahan (Bahasa Malaysia) Sekolah-sekolah Rendah. Projek ini juga masih di dalam proses persediaan dan dijangka akan dilaksanakan pada awal 1981.

Yang penting di sini ialah, sebarang projek yang dijalankan ini tidak akan dapat mendatangkan faedah maksima sekiranya murid-murid serta ibubapa kurang memberi tumpuan terhadap kedua-dua matapelajaran tersebut. Jika kita mempunyai pendirian yang positif terhadap kepentingan bahasa-bahasa itu terutama Bahasa Malaysia dan selalu pula menggunakannya, lambat laun kita akan dapat menguasai bahasa tersebut dengan begitu baik sekali.

HARTA BENDA KOLEJ ISLAM

36. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah hartabenda Kolej Islam Malaya yang ditadbirkan oleh Lembaga Amanah Kolej Islam Malaya dan apakah kegiatan Lembaga tersebut bagi menambahkan hartabenda Kolej Islam dan apakah matlamat kegiatan Lembaga tersebut itu dalam kegiatan-kegiatan.

Dato' Musa bin Hitam: Jumlah harta-benda Kolej Islam yang ditadbirkan oleh Lembaga ini mengikut lambaran imbangan berakhir November, 1975 ialah sebanyak \$4,767,989.93. Ini termasuklah harta alih dan tidak alih, wang simpanan di bank dan jumlah pelaburan dalam bentuk saham.

Lembaga Amanah ini menyusun beberapa kegiatan bagi menambah harta amanah tersebut seperti menyewa bangunan-bangunan yang ada mengikut keadaan sekarang misalnya Kolej Islam di Petaling Jaya disewakan kepada Kementerian Pelajaran. Hasil yang diperolehi adalah dilaburkan melalui pembelian saham-saham dan simpanan tetap di dalam bank-bank bagi menambahkan pendapatan Lembaga. Pendapatan ini akan digunakan untuk memberi bantuan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang memerlukannya. Begitu juga memajukan harta-harta berkenaan seperti yang akan dilakukan terhadap rumah di Jalan Chawan untuk disewakan kepada orang ramai.

Lembaga ini bergerak di atas dasar yang telah ditetapkan oleh Trustee Ordinance 1949 dan Trustee Investment Act 1965 dan syarat-syarat yang ditetapkan untuk mengembangkan harta-harta yang ada dan mentadbirnya dengan baik serta memberi bantuan kewangan, biasiswa atau lain-lain bayaran kepada pelajar-pelajar yang sesuai. Sejauh ini Lembaga ini telah menjalankan tugasnya dengan teratur dan telahpun mengeluarkan bantuan dan biasiswa kepada penuntut-penuntut yang memerlukannya. Bantuan juga diberikan kepada seminar bercorak Islam seperti seminar Islam di pusat pengajian tinggi di Wilayah ASEAN dan bantuan exgrata kepada seorang bekas Senator.

Adapun tujuan Lembaga ini ialah untuk membentuk dan menubuhkan sebuah kerusi Pusat Pengajian Tinggi Islam di peringkat Universiti dan Menengah Tinggi dan memberi bantuan kepada sekolah-sekolah yang menyediakan pelajaran bagi pelajar-pelajar yang hendak memasuki institusi seperti itu dan pelajar-pelajar serta guru-guru di dalam institusi tersebut bagi maksud yang berkaitan. Untuk mencapai matlamat tersebut beberapa kuasa tertentu telah diberi kepada Lembaga ini.

LEMBAGA AMANAH KOLEJ ISLAM MALAYA

37. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan nama-nama Ahli Lembaga Amanah Kolej Islam Malaya dan adakah beliau sedar bahawa beberapa bahagian daripada hartabenda Kolej Islam Malaya dalam keadaan terbiar seperti rumah-rumah kepunyaan Kolej tersebut di Jalan Chawan, Petaling Jaya.

Dato' Musa bin Hitam: Sukacita saya maklumkan bahawa Lembaga Amanah Kolej Islam Malaya yang mana selepas Kolej Islam Malaya diserapkan menjadi Fakulti Islam Universiti Kebangsaan telah ditukar nama menjadi "LEMBAGA BERSEKUTU PEMEGANG AMANAH PENGAJIAN TINGGI ISLAM MALAYSIA". Ahli-ahlinya ialah:

1. Tan Sri Abdul Aziz bin Zain—Pengerusi.
2. Tan Sri Abdullah Ayob.
3. Professor Tan Sri Abdul Jalil Hassan.

4. Tuan Haji Nik Mohd. Mohyideen Musa.
5. Tuan Doktor Abbas bin Haji Ilyas.
6. Tuan Haji Mahfudz bin Haji Abdul Hamid.
7. Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor.

Suka saya nyatakan bahawa harta-harta Kolej Islam Malaya yang ditadbirkan oleh Lembaga tersebut berada dalam keadaan baik. Harta-harta di Kelang telah dijaga dan dikembangkan dengan berkesan sebagai satu Institusi Pengajian Islam terbaik dan berjaya sebagai Sekolah Agama Berasrama Penuh dengan memelihara nama aslinya iaitu Kolej Islam manakala Kolej Islam Malaya, Petaling Jaya sekarang ini telah disewa oleh Kementerian Pelajaran. Sebahagian digunakan sebagai Maktab Perguruan Islam dan sebahagian lagi oleh Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai sebahagian dari Fakulti Sains Universiti tersebut. Keadaan kawasan dan bangunan adalah terjaga dengan baik. Rumah-rumah di Jalan Chawan seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat juga dijaga dengan baik dan disewakan. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Pemegang Amanah telah mengambil keputusan untuk meruntuhkan semua bangunan di situ dan mendirikan bangunan baru yang dijangka lebih menguntungkan. Kerja-kerja berkenaan sedang dalam perancangan dan dijangka dapat dilaksanakan tidak lama lagi.

GAS UNTUK WELDING KERETA DI KELANTAN KEKURANGAN

38. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar tentang kegelisahan di kalangan pengusaha ketuk welding kereta Bumiputra di Kelantan yang menghadapi kesukaran mendapatkan bahan gas bagi menjalankan perusahaan mereka; sedangkan pengusaha bukan Bumiputra tidak terlibat dengan kesukaran ini dan sama ada benar pihak MARA telah memberi jaminan kepada pengusaha yang berkenaan untuk mengatasi masalah ini dan jika benar setakat manakah hasil yang telah diperolehi sehingga sekarang ini.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya

belum menerima pengaduan secara rasmi daripada pengusaha-pengusaha Bumiputra Kelantan mengenai kekurangan bahan gas untuk welding kereta.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian saya, melalui MARA, memang sentiasa mengawasi masalah-masalah seperti ini yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha Bumiputra yang mendapat bimbingan MARA.

Masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telahpun dirujuk kepada Kementerian berkenaan untuk diambil tindakan.

KONSESI BALAK

39. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar terdapat tuduhan-tuduhan mengenai amalan-amalan salah dan rasuah berkait dengan pemberian konsesi balak (timber concessions) dalam Negeri Pahang dan sama ada Biro Siasatan Negara telah menyiasat tuduhan-tuduhan, jika ya, nyatakan hasil siasatan-siasatan tersebut.

Perdana Menteri: Oleh kerana soalan ini terlalu umum dan tidak spesifik, maka jawapan yang jelas tidak dapat diberi. Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat mengemukakan soalan yang khusus, jawapan yang lebih tepat tentulah dapat diberi oleh BSN.

Adalah menjadi kewajipan Biro Siasatan Negara menyiasat apa-apa jua maklumat yang sampai kepadanya berhubung dengan perkara-perkara rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang menjadi kesalahan di bawah undang-undang yang tertentu, yang dilakukan oleh sesiapa jua.

PUSAT KESIHATAN DI PERTANG/MANTIN

40. Dato' Lee Boon Peng minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar pembinaan poliklinik untuk Kementerian Kesihatan di Mantin dan Pertang masih belum disempurnakan meskipun kerja pembinaannya telah dimulakan sejak 6 tahun yang lalu, dan apakah langkah yang telah

diambil oleh Kementeriannya untuk menyegerakan pembinaan kelinik-kekinik kesihatan ini.

Dato' S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontrak bagi pembinaan kedua-dua pusat kesihatan Besar di Pertang dan Mantin, Negeri Sembilan telah diberi pada 16hb November, 1976 kepada dua pemborong Bumiputra. Pelaksanaan kerja kedua-dua kontrak tersebut hingga ini tidak begitu lancar dan memuaskan walaupun berbagai pertolongan telah diberikan oleh pihak JKR, Negeri Sembilan. Namun demikian, lanjutan masa telahpun diberikan sebanyak tiga kali kepada tiap-tiap kontrak tersebut hingga ke akhir tahun 1978, tetapi kedua-dua kontrak tersebut masih gagal menyiapkannya dalam tempoh yang ditetapkan. Berikutan dengan ini kontrak untuk pembinaan Pusat Kesihatan Besar di Pertang telah dimansuhkan pada 28hb Ogos, 1979. Tawaran semula telah dipelawa pada 9hb November 1979 dan diberikan kepada pemborong baru pada 15hb Mac, 1980. Pembinaan oleh kontrak baru dijangka siap pada 27hb Februari, 1981. Manakala kontrak untuk pembinaan Pusat Kesihatan Besar di Mantin pula telah dimansuhkan pada bulan Jun 1980 dan tawaran untuk kontrak baru ada dipelawa dalam sedikit masa lagi.

ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN

41. Tuan P. Patto meminta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah bilangan pekerjaan yang telah diujudkan akibat daripada lawatan-lawatan beliau ke luar negeri untuk menarik pelabur-pelabur ke Malaysia dan sama ada pelabur-pelabur ini disyaratkan untuk membayar satu kadar gaji minima bagi pekerja-pekerja mereka, jika ya, apakah kadar itu dan jika tidak, mengapa syarat seumpama itu tidak dikenakan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Semenjak memegang jawatan Menteri Perdagangan dan Perindustrian di dalam tahun 1978, saya telah mengetuai rombongan-rombongan galakan pelaburan ke sebelas buah negara iaitu Jepun, Hong Kong, Singapura, United Kingdom, Amerika Syarikat, Republik Persekutuan Jerman, Scandinavia, Perancis, Itali, Belanda dan Switzerland. Sehingga

akhir bulan April 1980, Kementerian saya telah meluluskan 130 projek-projek baru daripada negara-negara tersebut dengan jumlah pekerjaan yang dicadangkan sebanyak 25,422 orang.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di Malaysia seperti juga di lain-lain negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, gaji pekerja adalah sebahagian besar dipengaruhi oleh keadaan pasaran, permintaan dan penawaran. Majikan, sama ada ianya tempatan atau asing sudah tentu tidak sebegitu "naive" sehingga memikirkan yang mereka akan mendapat pekerja yang akan terus bekerja dengan mereka sekiranya gaji yang dibayar tidak bersaing. Oleh itu, bakal-bakal pelabur asing diberi petunjuk mengenai kadar gaji bagi pekerja-pekerja lelaki dan wanita di peringkat-peringkat mahir, separuh mahir dan tidak mahir, dan Ahli Yang Berhormat tentu akan bersetuju bahawa adalah tidak menasabah dan juga tidak bijak bagi pihak Kerajaan untuk meminta para pelabur membayar gaji minima yang sesuai kerana ini adalah berubah mengikut industri dan tempat di Malaysia.

SEMPADAN THAI/KAMPUCHEA— KAWALAN

42. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ASEAN masih ragu-ragu tentang keadaan di sempadan Thai/Kampuchea dan penglibatan kuasa besar di rantau tersebut. Nyatakan juga sama ada ASEAN telah membangkitkan perkara ini kepada Menteri Luar Vietnam sewaktu lawatan beliau ke Malaysia baru-baru ini.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: ASEAN tidaklah sama sekali ragu-ragu bahawa keadaan yang wujud di sempadan Thailand dan Kampuchea itu adalah serius dan amat membimbangkan. Sekiranya keadaan itu tidak dikawal maka besar kemungkinan pertempuran di sepanjang sempadan kedua-dua negara itu akan merebak ke dalam wilayah Negeri Thai dan perkembangan ini pula mungkin menarik penglibatan campurtangan kuasa-kuasa besar. Dalam pada itu, kita juga merasa amat bimbang dengan jumlah lebih daripada 150,000 orang pelarian Kampuchea yang kini berada di wilayah Negeri Thai. Di samping itu pula kira-kira 800,000 orang lagi berada di sepanjang

sempadan kedua-dua negara itu yang dijangka pada bila-bila masa sahaja mungkin akan memasuki wilayah Negeri Thai sekiranya keadaan di Kampuchea semakin bertambah buruk lagi.

Malaysia dan Negeri Thai telah berpeluang mengemukakan masalah ini kepada pihak Vietnam semasa lawatan Menteri Luar Vietnam ke kedua-dua negara baru-baru ini. Walau pun beliau belum lagi melawat negara-negara ASEAN lain, pandangan ASEAN telah pun dikemukakan kepada Vietnam beberapa kali dan ASEAN telah pun menyuarakan perlunya keadaan puleh semula supaya mereka boleh bebas pulang ke tempat asal di Kampuchea. Ini memerlukan pengunduran tentera Vietnam dari Kampuchea supaya satu penyelesaian politik boleh diusahakan dan rakyat Kampuchea bebas memilih kerajaan dan masa hadapan mereka sendiri.

Menteri Luar Vietnam itu telah memberi jaminan Vietnam akan terus menghormati kemerdekaan, kedaulatan dan keutuhan wilayah Negeri Thai dan negara-negara ASEAN yang lain.

NISBAH KELAS DAN GURU DI SEKOLAH

43. Tuan Hussein bin Mahmood meminta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah beliau bercadang hendak menyemak semula Siaran Perkhidmatan 3/67 mengenai nisbah murid-guru dan bilangan murid-murid bagi tiap-tiap darjah memandangkan perkara ini ada terkandung di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian beliau untuk memenuhi matlamat pengurangan nisbah guru-murid dan bilangan murid-murid bagi tiap-tiap darjah.

Dato' Musa bin Hitam: Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1967 telahpun dikaji semula oleh Kementerian Pelajaran. Pada masa ini satu Surat Pekeliling yang baru sedang digubal di peringkat akhir. Surat Pekeliling baru ini akan menggantikan Surat Pekeliling Perkhidmatan 3/67 dan akan membekalkan peruntukan-peruntukan yang positif dari segi nisbah kelas: guru dan juga dari segi saiz kelas.

Apabila Surat Pekeliling yang baru ini dikuatkuasakan, pelaksanaannya akan dilakukan secara berperingkat-peringkat. Tindakan ini diambil kerana pelaksanaan secara sekali gus akan melibatkan penambahan bilangan guru dan bilik darjah yang besar dan terkeluar daripada kemampuan dan keupayaan Kerajaan.

RUMAH AWAM KOS RENDAH

44. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kita tidak membina rumah-rumah kos rendah yang cukup bagi memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah dan jika beliau sedar apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan bagi mempercepatkan pembinaan rumah-rumah kos rendah menerusi pembaharuan teknologi-teknologi moden, dalam hubungan ini apakah kemajuan yang telah dibuat dalam menubuhkan Institut Penyelidikan Perumahan Malaysia bagi menyelidik cara mana dapat mempercepatkan pembinaan rumah-rumah kos rendah.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Saya sedar bahawa pada masa ini bekalan rumah-rumah awam kos rendah bagi memenuhi keperluan rakyat berpendapatan rendah adalah masih belum mencukupi. Di atas kesedaran inilah berbagai langkah telah diambil oleh Kementerian saya untuk menambah dan mempercepatkan lagi pembekalan rumah-rumah awam kos rendah.

Mengenai langkah mempercepatkan pembinaan rumah-rumah awam kos rendah menerusi penggunaan teknologi moden, Kementerian saya sedang giat mengkaji beberapa sistem yang ada dan yang telah dilaksanakan di negara-negara lain. Walau bagaimanapun, sebelum teknologi moden ini digunakan di negara kita, kajian yang teliti perlu dibuat berhubung dengan kesesuaian, kebolehan menggunakan teknologi tersebut serta sama ada penggunaan teknologi itu akan dapat mempercepatkan perlaksanaan projek dan menjimatkan kos pelaksanaan projek-projek rumah awam kos rendah.

Berhubung dengan penubuhan Instituti Penyelidikan Perumahan Malaysia, saya ingin memaklumkan bahawa instituti tersebut akan ditubuhkan sebagai satu Jabatan Penyelidikan Perumahan. Jabatan ini akan bertanggungjawab menjalankan penyelidikan mengenai sistem-sistem pembinaan, bahan-bahan pembinaan dan daripada aspek sosial, kewangan dan ekonomi.

GRED KELULUSAN SPM/MCE

45. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan calon-calon sekolah yang memperolehi (i) Gred 1, (ii) Gred 2, (iii) Gred 3, (iv) gagal dalam:

(a) peperiksaan MCE tahun 1979 dan

Peperiksaan	Bilangan Calon Yang Lulus			Bilangan Gagal
	Gred I	Gred II	Gred III	
S.P.M.	1,610	5,511	22,225	28,332
M.C.E.	9,664	11,871	19,377	23,567

(b) Bilangan pelajar-pelajar yang diberi tempat di tingkatan enam rendah sains/sastera aliran Inggeris/Kebangsaan adalah seperti berikut:

Aliran Inggeris

(a) Jurusan Sains—

Bumiputra	3397
Bukan Bumiputra	3828

(b) Jurusan Sastera—

Bumiputra	2,586
Bukan Bumiputra	2,037

Aliran Kebangsaan

(a) Jurusan Sains—

Bumiputra	2,982
Bukan Bumiputra	405

(b) Jurusan Sastera—

Bumiputra	2,869
Bukan Bumiputra	47

RUNDINGAN MAS-SIA

46. Tuan Lee Kaw minta Menteri Pengangkutan menyatakan kedudukan sebenar rundingan di antara MAS dengan SIA dan beri satu laporan kemajuan mengenai perkara tersebut.

(b) peperiksaan SPM tahun 1979 dan nyatakan bilangan pelajar-pelajar yang diberi tempat di tingkatan enam rendah (i) HSC (ii) STP bagi tahun 1980 dengan memberikan angka-angka perpecahan kaum bagi pelajar-pelajar HSC atau STP yang baru itu menurut aliran sains atau sastera.

Dato' Musa bin Hitam:

(a) Berikut ialah bilangan calon sekolah yang mendapat Gred 1, Gred 2, Gred 3 dan yang gagal dalam peperiksaan MCE dan SPM tahun 1979.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Jawapan kepada soalan yang hampir sama telahpun saya maklumkan kepada Dewan ini semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Mantin pada 11hb Jun, 1980.

BENTENG DI TELOK NIBONG— PEMBINAAN

47. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar orang-orang Melayu di Telok Nibong, Sungai Keluang sebuah pulau di Mukim Sungai Tinggi, di Daerah Larut dan Matang mengalami kerugian berjuta-juta ringgit setahun kerana sebahagian besar kawasan kebun kelapa mereka ditenggelami oleh air laut dan jika ya, sama ada beliau bercadang membina sebuah benteng yang besar untuk menghalang air laut dari membanjiri kawasan ini, dan jika ya, bila.

Dato' Shariff Ahmad: Saya memang sedar bahawa peneroka bumiputra di kawasan Telok Nibong/Sg. Keluang di Pulau Pasir Hitam menghadapi kesulitan kerugian sebab sebahagian kawasannya ditenggelami oleh air laut apabila air pasang besar berlaku. Penyiasatan dan kajian sedang dijalankan untuk menentukan setakat mana kesulitan itu

dapat diatasi. Kementerian saya ada ber-cadang supaya satu projek untuk memulehkan kawasan ini dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Keempat. Kerja pemulehan akan termasuk pembinaan benteng besar dan beberapa pintu kawalan pasang-surut.

KEDAI CUKAI BEBAS— MELANGGAR SYARAT

48. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan beberapa orang pengusaha kedai-kedai cukai bebas telah menyalahgunakan syarat-syarat yang dikenakan dan akibat itu negara kita telah mengalami kerugian hasil, bolehkah Menteri berkenaan menerangkan bagaimana penyalahgunaan tersebut boleh berlaku? Apakah pihak Jabatan Kastam telah lalai dalam mengadakan pemeriksaan-pemeriksaan yang cekap. Berapakah pengusaha-pengusaha kedai cukai bebas yang telah didakwa dan didapati bersalah dan berapakah dari mereka yang telah dimansuhkan lesen mereka. Bagaimanakah Kerajaan bercadang meng-hentikan penyalahgunaan yang berlaku itu.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Dari siasatan mendalam yang telah dijalankan, hanya beberapa pekedai bebas cukai sahaja didapati melanggar syarat-syarat pelesenan yang dikenakan bagi mereka menjalankan kegiatan menjual barang-barang bebas cukai kepada pelancung-pelancung. Walau bagaimanapun, adalah didapati bahawa kesalahan-kesalahan tersebut tidak melibatkan kerugian hasil.

Pekedai-pekedai bebas cukai yang terlibat didapati telah menyimpan stok lebih daripada yang dibenarkan sebagai syarat pelesenan ataupun menjualkan barang-barang bebas cukai kepada pelancung-pelancung yang menggunakan paspot atau surat-surat perjalanan orang-orang lain. Kesalahan-kesalahan seperti ini boleh berlaku oleh kerana adalah tidak praktik untuk menempatkan pegawai-pegawai Kastam di tiap-tiap kedai bebas cukai buat mengawasi perjalanannya di setiap masa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seramai lima orang pemegang lesen kedai bebas cukai telah didenda kerana didapati melanggar syarat-syarat perlesenan. Tambahan pula, lesen bagi tiga buah kedai-kedai tersebut telah juga digantung buat sementara waktu.

Untuk mencegah pekedai-pekedai bebas cukai melanggar syarat-syarat perlesenan di masa hadapan, pemeriksaan-pemeriksaan di atas kedai-kedai tersebut serta juga pengawasan yang lebih teliti akan dijalankan. Tindakan-tindakan yang lebih berat, termasuk membatalkan lesen-lesen pekedai berkenaan, akan diambil sekiranya mereka didapati melakukan kesalahan-kesalahan tersebut lagi.

PELAJAR BUKAN BUMIPUTRA DI UNIVERSITI

49. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan penuntut akan diterima oleh kelima-lima universiti tempatan melalui Unit Pusat Universiti bagi tahun akademik 1980/81 dan bagaimanakah formula 2% ini akan dapat diterap dan dijayakan, dan bilakah matlamat 60%-40% ini dapat dicapai dengan berasaskan pada formula 2% ini, mungkin matlamat ini dapat dicapai pada tahun 1983 sepertimana yang diumumkan oleh MCA.

Dato' Musa bin Hitam: Pendaftaran pelajar-pelajar ke kursus ijazah di universiti-universiti tempatan pada tahun akademik 1980/81 masih belum selesai lagi. Oleh itu, angka sebenar belum dapat diketahui pada masa ini. Walau bagaimanapun, pengambilan pelajar Bukan Bumiputra dari segi komposisi kaum akan ditambah sebanyak 2% lagi berbanding dengan pengambilan di tahun lalu. Ini ialah memenuhi hasrat matlamat seperti yang telahpun dimaklumkan pada tahun lepas.

Saya kurang jelas mengenai matlamat 60%-40% sepertimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sekiranya yang dimaksudkan ialah 60% Bumiputra dan 40% Bukan Bumiputra maka matlamat itu akan dapat dicapai pada tahun hadapan.

PERUNTUKAN KEWANGAN DI SARAWAK

50. Tuan Patrick anak Uren minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar perbezaan cara hidup berbagai kaum di Sarawak menyebabkan tidak mencukupi peruntukan untuk membeli alat

generator di kawasan-kawasan Bahagian Pertama yakni peruntukan tetap sebanyak \$15,000 dikhaskan bagi setiap rumah panjang dan jika benar, adakah beliau akan menimbangkan untuk menambahkan peruntukan sebanyak M\$30,000 bagi setiap kampung di kawasan Bahagian Pertama.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Iroke): Kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak begitu terang. Peruntukan kewangan yang diberi bagi sesuatu projek yang telah diluluskan untuk dilaksanakan bukanlah dikira berasaskan kepada cara hidup kaum-kaum di Sarawak di sesuatu tempat tetapi adalah berasaskan kepada anggaran kos bagi melaksanakan sesuatu projek itu.

Pada keseluruhannya jumlah \$15,000 bagi pembekalan letrik ke sesebuah rumah panjang itu didapati memadai. Ada kalanya kos pembekalan letrik ke sesuatu rumah panjang itu melebihi peruntukan tetapi ada juga yang didapati kurang daripada itu. Di mana peruntukan yang diluluskan itu tidak mencukupi bagi melaksanakan sesuatu projek, peruntukan tambahan selalunya diberi supaya pembekalan letrik dapat dilaksanakan dengan memuaskan.

ROYALTI MINYAK PETROL KEPADA SARAWAK

51. Tuan Thomas Salang Siden minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau akan menimbang memberi lebih dari 5% perkongsian dari minyak petrol Shell di Bintulu dan Miri kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan berapa banyak pendapatan yang diperolehi daripada 5% yang dipungut oleh Negeri Sarawak.

Perdana Menteri: Berkenaan dengan bahagian pertama soalan ini, saya telahpun menjawabnya semasa menjawab soalan No. 4 daripada Ahli Yang Berhormat dari Lambir pada 16-6-80.

Pendapatan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Sarawak daripada 5% royalti sehingga 29-2-80 ialah sebanyak \$298.9 juta.

BIRO SIASATAN NEGARA

52. Puan Shariffah Dorah binti Mohammad minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Jabatan Pencegah Rasuah pada masa ini

dipindahkan di bawah pengawasan Jabatan Perdana Menteri sedangkan tugas-tugas badan ini memerlukan pengawasan, perhatian dan tindakan daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang mempunyai kakitangan, kelengkapan dan kemudahan yang telah sedia ada.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Memandangkan kepada keazaman Kerajaan yang begitu kuat untuk membasmi rasuah dalam segala bentuk bagi mewujudkan pentadbiran yang cekap dan bersih, maka adalah didapati sangat wajar BSN buat masa ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Dengan terletaknya BSN di bawah pengawasan Perdana Menteri sendiri, tentulah ianya akan dapat bertindak dengan lebih cekap lagi dalam menjalankan tugas-tugasnya, selain daripada menyenangkan lagi pentadbirannya.

Walau bagaimanapun, kementerian-kementerian seperti Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan agensi-agensi Kerajaan yang lain, dijangka memberi segala kerjasama yang diperlukan oleh Biro dari masa ke semasa.

AKTIVITI KESATUAN SEKERJA

53. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau akan melaksanakan sepenuhnya Akta Kesatuan Sekerja dan Akta Perhubungan Perusahaan yang diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini dengan menumpukan lebih perhatian kepada pertumbuhan ekonomi yang stabil supaya dapat memberi lebih peluang pekerjaan daripada meluluskan tuntutan segolongan kecil pemimpin parti politik yang berselindung di bawah lambang kesatuan sekerja untuk menjadi jaguh kaum pekerja sedangkan matlamatnya ialah untuk mendapatkan sokongan kaum pekerja dan akhirnya melumpuhkan ekonomi negara, dan jika sedar, adakah Kerajaan akan membiarkan kesatuan sekerja ini yang mengapi-apikan tuntutan kesatuan sekerja dan sama ada Kerajaan akan menyiasat tiap-tiap aktiviti pemimpin kesatuan sekerja sebelum ianya terlambat untuk diambil tindakan yang sewajarnya.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Ya, Pihak Kerajaan akan melaksanakan sepenuhnya Pindaan-pindaan yang dibuat baru-baru ini kepada Ordinan Kesatuan Sekerja 1959 dan Akta Perhubungan Perusahaan, 1967.

Aktiviti-aktiviti Kesatuan Sekerja di negara ini adalah sentiasa diawasi oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja, yang mempunyai kuasa-kuasa yang diperlukan untuk mengambil tindakan terhadapnya mana-mana Kesatuan Sekerja atau pegawai-pegawai mereka yang melanggar undang-undang.

PAMPASAN PEKERJA-PEKERJA DI SABAH

54. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah beliau sedar sama ada jumlah pampasan yang dibayar kepada pekerja-pekerja di Sabah adalah lebih rendah berbanding dengan pekerja-pekerja di Semenanjung Malaysia dan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Pampasan Pekerja-pekerja supaya ada penyelarasan di dalam pembayaran pampasan di seluruh negeri-negeri di Malaysia.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Saya sukacita memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa persediaan untuk memperluaskan Ordinan Pampasan Malaysia ke Sabah dan Sarawak, sekarang sedang menunggu kelulusan daripada Pesuruhjaya Penggubal Undang-undang sebelum ia dapat dibentangkan di Parlimen, menurut seksyen 74 (a) Akta Malaysia.

Apabila Ordinan Pampasan Pekerja, 1952 itu diperluaskan ke Sabah dan Sarawak kelak semua pekerja-pekerja akan diliputi oleh peruntukan undang-undang yang sama dan kuantum pampasan pekerja itu akan sama bagi semua pekerja.

RUMAH API HORSBURGH DI PULAU BATU PUTIH

55. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Perdana Menteri menyatakan mengenai perkembangan terakhir atas masalah Rumah Api Horsburgh di Pulau Batu Putih:

(a) Adakah masalah ini telah dibincangkan antara beliau dengan Perdana Menteri Singapura baru-baru ini dan jika ya, apakah keputusan dan persetujuan yang telah dicapai;

(b) Benarkah telah dipersetujui bahawa masalah Pulau Batu Putih ini akan di-senyapkan begitu sahaja dan jika ya, tidakkah perkara ini bercanggah dengan kedaulatan negara-negara kita; dan

(c) Pada masa sekarang pihak manakah sebenarnya yang menguasai Rumah Api di Pulau Batu itu.

Perdana Menteri: Perkara ini ada disentuh semasa pertemuan saya dengan Perdana Menteri Singapura. Singapura menuntut bahawa Pulau Batu Putih itu adalah kepunyaannya. Saya dan Perdana Menteri Singapura bersetuju tuntutan ini diselesaikan melalui perundingan.

Malaysia berpendapat bahawa Pulau Batu Putih itu adalah kepunyaan Negeri Johor, tetapi dalam masa pemerintahan British, Kerajaan Negeri Johor telah membenarkan Kerajaan Singapura mengadakan Rumah Api Horsburgh di atas pulau itu.

PETA PELANTAR BENUA BAGI MALAYSIA

56. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Undang-undang menyatakan memandangkan bahawa Malaysia akan membuat tuntutan ke atas sempadan laut tidak lama lagi dan bahawa Malaysia akan menerbitkan peta pelantar benuanya termasuk kawasan-kawasan yang dituntut oleh Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei, China, Vietnam dan Filipina, sama ada tuntutan berhubung dengan Pulau Amboyna yang terletak 160 km di utara Sabah yang dibuat di Persidangan Undang-undang Laut Bangsa-bangsa Bersatu pada bulan April yang lalu mendapat kejayaan.

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Suatu peta Malaysia yang menunjukkan perairan Wilayah dan pelantar benuanya telahpun diterbitkan pada 21 haribulan Disember, 1979.

Peta itu antara lain menunjukkan Pulau Kecil Amboyna sebagai sebahagian daripada Wilayah Malaysia.

Persidangan ke 9 Bangsa-bangsa Bersatu yang diadakan pada bulan April lalu bukanlah forum untuk membincangkan tuntutan

tersebut. Oleh yang demikian tidaklah timbul soal tentang berjaya atau tidaknya tuntutan itu di Persidangan tersebut.

Walau bagaimanapun jika ada apa-apa perkara yang timbul bersabit dengan penerbitan peta itu perkara itu akan diuruskan secara damai dan berdasarkan pada perundingan dua pihak, iaitu Malaysia dengan mana-mana negara jiran yang berkenaan.

GURU-GURU DISERAPKAN KE KATEGORI C2

57. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar guru-guru dalam Kategori B1 dan B2 meminta supaya mereka diserapkan ke dalam Kategori C2 sebagaimana guru-guru sebelum Perang Dunia II diletakkan ke dalam Kategori C2 tanpa memperhitungkan syarat-syarat biasa untuk Kategori C2. Kalau ya, apakah tindakan yang diambil oleh beliau di dalam masalah ini.

Dato' Musa bin Hitam: Ya. Saya sedar, tetapi Kerajaan tidak bersetuju dengan tuntutan tersebut oleh kerana guru-guru yang berkelayakan sebelum Perang Dunia Kedua telah ditempatkan ke dalam Kategori C2 sebagai satu "concession" dan ini tidak dapat dipanjangkan kepada guru-guru yang mempunyai kelayakan selepas Perang Dunia Kedua. Walau bagaimanapun bagi guru-guru yang berkelayakan selepas perang yang berada dalam Kategori B1 dan B2 dan sedang berkhidmat, Kerajaan telah bersetuju memberikan pertimbangan supaya mereka dilantik ke Kategori C2 dengan memberikan kelonggaran syarat seperti berikut:

"Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran Kategori B1/B2 yang telah—

- (a) disahkan dalam jawatan;
- (b) berkhidmat selama tidak kurang daripada 6 tahun bagi mereka yang mempunyai kelayakan Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan 10 tahun bagi mereka yang mempunyai kelayakan lebih rendah daripada Sijil Rendah Pelajaran, dalam jawatan tersebut;
- (c) Kepujian Bahasa Malaysia (serta lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan; adalah layak dipertimbangkan untuk lantikan ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Kategori C2 yang kosong."

Bagi melaksanakan proses peralihan ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Kategori C2 itu, Kementerian saya telah mengeluarkan satu Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Bilangan 1 Tahun 1980 pada 2hb April, 1980 yang lalu.

PENYELEWENGAN DALAM INDUSTRI PERUMAHAN

58. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan bilangan kes-kes penyelewengan (malpractice) dalam industri perumahan yang telah dilaporkan kepada Biro Siasatan Negara sehingga 20-5-80; apakah bentuk (nature) penyelewengan tersebut dan apa pula bentuk tindakan yang telah diambil oleh BSN ke atas kes-kes ini setakat ini.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Sehingga 20-5-80, sejumlah 327 maklumat penyelewengan dalam industri perumahan telah dikemukakan kepada BSN. Dari jumlah itu 25 kes didapati mempunyai asas untuk dijadikan bahan siasatan Biro ini. Kebanyakan kes-kes itu berkisar kepada perkara-perkara seperti menyelewengkan wang tempahan oleh syarikat-syarikat pemaju perumahan, mengutip bayaran "under-counter", membina rumah tanpa mengikut spesifikasi dan lain-lain kesalahan di bawah undang-undang.

Jika maklumat yang didapati itu berbau jenayah atau rasuah, maka tindakan menyiasat akan dijalankan dengan sewajarnya. Sekiranya didapati penyelewengan yang dilakukan itu bercanggah dengan peruntukan Undang-undang Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan 1966, maka perkara tersebut dilaporkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk tindakan.

Sehingga 20-5-80 Biro ini telah membuat 7 tangkapan ke atas orang-orang yang melakukan perbuatan rasuah berkaitan dengan penyelewengan dalam industri perumahan. Satu kes telah dibicarakan di mahkamah dan dihukum, sementara 6 kes lagi masih dalam proses pembicaraan.

ZON EKONOMI EKSKLUSIF MALAYSIA

59. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk menjamin Zon Ekonomi 200 batu daripada dicerobohi oleh lain-lain negara.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Kerajaan sedang menggubal suatu undang-undang mengenai Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia. Undang-undang ini akan memberi kuasa penuh kepada agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab menguatkuasakan hak-hak kedaulatan (sovereign rights) Malaysia di kawasan tersebut dan memperuntukkan denda atau penalti ke atas sebarang pelanggaran hak-hak tersebut.

Usaha-usaha akan diambil untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti pengawasan di kawasan tersebut bagi mencegah sebarang pencerobohan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menubuhkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN KEMAJUAN PELAN- CUNGAN MALAYSIA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENYELARASAN PENCEN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk membuat peruntukan mengenai penyelarasan pencen dan lain-lain faedah bagi pegawai-pegawai perkhidmatan awam dan pihakberkuasa berkanun dan tempatan dan tanggungan-tanggungan mereka; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG PERSARAAN PIHAKBERKUASA-PIHAKBERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulanwang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan 1977; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN PIHAKBERKUASA-PIHAK- BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai penadbiran pencen, ganjaran dan lain-lain faedah bagi pekerja-pekerja dalam pihak berkuasa-pihakberkuasa berkanun dan tempatan dan tanggungan mereka menurut penyemakan gaji-gaji dan had-had serta syarat-syarat perkhidmatan bagi pekerja-pekerja itu yang dibuat oleh Kerajaan mulai dari 1hb Januari, 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

AKTA KASTAM, 1967

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1980
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1980
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1980
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1980
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1980
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1980
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1980
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1980.

3.40 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan kepadanya oleh seksyen kecil (2), seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1980
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1980
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1980
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1980
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1980
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1980

(vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1980

(viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1980,

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. ST. 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42 dan 43 tahun 1980 disahkan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1980 adalah bertujuan untuk menurunkan kadar duti impot yang dikenakan ke atas bahagian-bahagian komponen jam dinding iaitu yang **terjatuh di bawah No. Kepala Tarif: 91.08 000** dan 91.11 900 daripada 30% ad valorem atau \$5.00 (mana yang lebih tinggi) kepada 20% ad valorem. Tindakan ini diambil kerana untuk menyamakan kadar duti impot sebanyak 20% ke atas jam dinding yang siap dengan bahagian-bahagian komponennya yang tidak ada dikeluarkan di negeri ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1980 adalah bertujuan untuk mengenakan kadar duti impot baru ke atas racun-racun rumput iaitu sebanyak 25% ad valorem atau \$1.00 per liter (mana yang lebih tinggi) racun-racun rumput yang terjatuh di bawah No. Kepala Tarif: 29.34.110; 29.35 930; 38.11 411; 38.11 419; 38.11 911 dan 38.11 919 dan sebanyak 25% ad valorem atau \$1.50 per kg. (mana yang lebih tinggi) bagi racun-racun rumput yang terjatuh di bawah No. Kepala Tarif; 29.34 190; 38.11 490 dan 38.11 920. Kadar-kadar duti import baru ini akan memberikan perlindungan tarif yang lebih sesuai dan seragam kepada perusahaan racun rumput tempatan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1980 adalah bertujuan untuk mengenakan duti impot sebanyak 20 sen per kg. ke atas "aminoplasts in primary forms" yang terjatuh di bawah No. Kepala Tarif 39.01 310. Tindakan ini adalah sebagai memberi perlindungan tarif kepada perusahaan tempatan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1980 adalah bertujuan untuk mengenakan duti impot sebanyak \$98.42 per tonne ke atas "cold finished carbon steel bars" yang bersaiz melebihi 5.5 mm. Pada masa yang lalu hanya "cold finished carbon steel bars" yang bersaiz tidak melebihi 5.5 mm sahaja yang tertakluk kepada duti impot sedangkan yang lain-lainnya tidak dikenakan duti impot. Pengeluar-pengeluar tempatan sekarang ini

telah juga membuatkan barang ini yang melebihi ukuran 5.5 mm. Ini adalah merupakan duti perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1980 adalah bertujuan untuk memberi No. Kepala Tarif berasingan kepada "Zinc slugs/zinc pellets" iaitu 79.01 211 dan 79.01 221 dan mengenakan duti impot sebanyak 10% *ad valorem* ke atasnya. Duti impot ini selain daripada memberi perlindungan tarif kepada perusahaan ini, ianya juga bertujuan untuk menggalakkan pengeluaran bahan tersebut yang digunakan untuk membuat bateri kering.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1980 adalah bertujuan untuk mengenakan duti impot sebanyak 10% *ad valorem* ke atas "tubular velding wire" yang terjatuh di bawah No. Kepala Tarif 83.15 200. Tindakan ini adalah sebagai memberi perlindungan tarif kepada perusahaan tempatan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1980 adalah bertujuan untuk menurunkan kadar-kadar duti impot ke atas minyak petrol premium dan regular sebanyak 20 sen kepada \$1.31 segalen. Langkah ini adalah merupakan sebahagian daripada tindakan Kerajaan untuk menyekat kenaikan harga yang berlebihan ke atas barang-barang petroleum yang telah dilaksanakan pada 25hb April, 1980.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) adalah bertujuan untuk mengenakan duti eksport sebanyak 25% *ad valorem* ke atas minyak mentah keluaran tempatan. Duti ini, walau bagaimanapun dikenakan hanya ke atas bahagian "profit oil" yang diekspotkan. Seperti yang ditetapkan di bawah Perjanjian Perkongsian Pengeluaran, pada masa ini bahagian "profit oil" ini merupakan 70% pengeluaran kasar. Bahagian "cost oil" yang diterima oleh syarikat-syarikat minyak dan bahagian royalti yang dibayar oleh Petronas kepada Kerajaan sebagai bayaran tunai, iaitu masing-masing sebanyak 20% dan 10% daripada pengeluaran kasar, adalah dikecualikan dari duti eksport ini. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kenaikan-kenaikan harga minyak mentah di pasaran dunia telah juga memberikan keuntungan kepada pengeluar-pengeluar tempatan. Oleh itu adalah dirasakan wajar bagi Kerajaan untuk mendapatkan sebahagian daripada ke-

untungan tersebut yang mana hasilnya boleh digunakan bagi kepentingan rakyat keseluruhannya. Perlu diingat, pengenaan duti eksport ke atas minyak mentah ini adalah selaras dengan dasar pengenaan duti eksport ke atas lain-lain bahan utama yang dibuat sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Tuan Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan sekarang terbuka untuk dibahaskan. Kalau tiada perbahasan, saya kemukakan usul tersebut untuk diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1980;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1980;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1980;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1980;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1980;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1980;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1980;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1980;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42 dan 43 tahun 1980 disahkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEMEGANG AMANAH RAYA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.52 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Pemegang Amanah Raya, 1950 dibaca pada kali kedua sekarang.

Mengikut peruntukan Ordinan Pemegang Amanah Raya, 1950 segala wang amanah dan pesaka yang dipegang oleh Pemegang Amanah Raya Malaysia dimasukkan ke dalam satu kumpulanwang iaitu Kumpulanwang Umum yang diwujudkan di bawah Ordinan tersebut. Wang yang dipegang di bawah Kumpulanwang Umum dibahagikan kepada dua kategori:

- (1) Wang panggilan (monies at call) iaitu segala wang termasuk wang modal yang dipegang dalam urusan biasa pentadbiran untuk pembahagian dan yang berada kurang daripada satu bulan di dalam Kumpulanwang Umum; dan
- (2) Wang bukan panggilan (monies not at call) iaitu segala wang termasuk wang modal yang dipegang di dalam urusan biasa pentadbiran untuk pembahagian dan yang berada lebih satu bulan di dalam Kumpulanwang Umum.

Seksyen 12 Ordinan Pemegang Amanah Raya memperuntukkan dua kadar faedah yang berlainan yang kena dibayar ke atas kedua-dua kategori wang tersebut, wang panggilan dan wang bukan panggilan. Kadar-kadar faedah ini ditetapkan oleh Menteri Undang-undang atas cadangan Lembaga Pelaburan Pemegang Amanah Raya dan di siarkan dalam Warta pada bulan Disember tiap-tiap tahun. Bagi tahun ini faedah yang kena dibayar ke atas wang panggilan ditetapkan sebanyak $3\frac{3}{4}\%$ setahun dan faedah yang kena dibayar ke atas wang bukan panggilan sebanyak $6\frac{3}{4}\%$ setahun. Pada amalannya hampir semua wang yang dipegang di dalam Kumpulanwang Umum adalah wang bukan panggilan. Perbezaan di antara kedua-dua kadar faedah yang ditetapkan ini perlu di-

hapuskan dan hanya satu kadar faedah dikenakan ke atas wang bukan panggilan iaitu wang yang dipegang dalam Kumpulanwang Umum bagi tempoh lebih daripada satu bulan. Ini adalah bersesuaian dengan amalan perdagangan di mana faedah akan hanya dibayar ke atas wang bukan panggilan.

Di bawah seksyen 22 Ordinan Pemegang Amanah Raya seorang pemegang amanah (trustee) atau beneficiary boleh membuat permohonan kepada Pemegang Amanah Raya supaya akaun sesuatu amanah diperiksa dan diudit oleh seorang peguam atau akauntan awam. Dalam pemeriksaan dan pengoditan akaun amanah tersebut mana-mana orang yang membuat apa-apa kenyataan palsu adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen-kecil (10) Seksyen 22. Hukuman yang diperuntukkan di bawah seksyen-kecil (10) ialah denda atau penjara bagi tempoh tidak lebih daripada 2 tahun atau kedua-duanya. Pindaan kepada seksyen-kecil (10) untuk menetapkan dua ribu ringgit sebagai amaun denda maksima yang boleh dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Clarence E. Mansul: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.57 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Saya hanya ingin meminta beberapa penjelasan atas pindaan Ordinan Pemegang Amanah Raya, 1950 sepertimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Yang pertama, saya ingin sekali mengetahui bahawa tujuan Kumpulanwang Umum yang diwujudkan ini ialah untuk menjaga kepentingan harta pesaka atau amanah yang disenaraikan di bawah Kumpulanwang Umum ini tetapi saya tidak berapa faham legal terms "wang panggilan" dan "wang bukan panggilan" yang dijelaskan tadi. Saya merasa ada sedikit kekeliruan bahawa jika sekiranya wang panggilan itu ertinya kurang daripada satu bulan mereka tidak ada menerima faedah satu sen pun. Kalau dalam kategori

wang bukan panggilan ertinya ia akan menerima atau memperolehi faedah jika sekiranya harta pesaka dan amanah itu adalah melebihi satu bulan. Maka bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini apakah faedah yang akan diberikan kepada orang-orang yang terlibat dalam wang panggilan itu di mana adalah kurang dari satu bulan.

Satu masalah yang timbul berpunca dari Ordinan Pemegang Amanah Raya ini ialah mengenai masa yang diambil oleh pegawai-pegawai Pemegang Amanah Raya untuk memproses kes-kes yang biasa dirujukkan di bawah Ordinan itu di mana selalu menimbulkan berbagai masalah yang dihadapi oleh rakyat yang biasa tidak mampu untuk menggaji seorang peguam untuk menyelesaikan masalah harta pesaka dan amanah mereka. Saya hendak minta satu jaminan bahawa apakah tindakan sedang diambil untuk mempercepatkan dan menyelesaikan segala proses kes-kes yang ada diwujudkan untuk penyelesaian oleh Pemegang Amanah Raya, khususnya rakyat yang terdiri daripada golongan yang miskin, yang tidak mampu untuk menggajikan seorang peguam bagi menyelesaikan masalah yang berpunca dari harta pesaka itu.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak ada Ahli Yang Berhormat lain hendak ambil bahagian, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.00 ptg.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan wang panggilan iaitu kurang daripada sebulan dan wang yang bukan panggilan iaitu wang yang disimpan lebih daripada sebulan, kedua-duanya biasanya disimpan oleh mereka yang dapat mewarisi daripada harta-pesaka.

Berkenaan dengan harapan Ahli Yang Berhormat untuk mempercepatkan proses penyelesaian harta-harta pesaka itu pada masa sekarang ini langkah-langkah sedang diambil untuk mempercepatkan proses itu.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, adakah kelambatan memproses

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada hak lagi hendak bercakap.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Timbalan Menteri beritahu

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada, dalam Jawatankuasa boleh, di sini tidak ada lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang membawakan usulnya.

USUL

PERSIDANGAN TUAN SPEAKER MENGENAI REFORMASI PARLIMEN

4.03 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mencadangkan:

Bahawa Dewan ini memutus untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Parlimen bernama Persidangan Tuan Speaker untuk membuat perakuan-perakuan kepada Dewan mengenai Reformasi-reformasi kepada cara-cara dan amalan-amalan Parlimen supaya menjadikan Dewan Rakyat sebagai sebuah badan perundangan dan perbincangan yang lebih berkesan serta juga untuk memberi makna kepada prinsip penting mengenai pengawalan Eksekutif oleh Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebenarnya memberitahu untuk mengemukakan usul ini mengenai Reformasi-reformasi Parlimen kepada Dewan yang mulia ini pada mesyuarat yang lepas, tetapi usul tersebut tidak dapat dibahaskan kerana ketidakcukupan masa malah sejak beberapa tahun ini saya telah baikpun dalam Dewan ini ataupun di luarnya mengaturkan betapa perlunya diadakan Reformasi-reformasi Parlimen untuk meninggikan pengesanan Dewan ini sebagai sebuah Badan Perundangan dan percincangan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Saya sungguh sukacita apabila Persatuan Parlimen Kommonwel Cawangan Malaysia menganjurkan Seminar tiga hari baru-baru ini mengenai Amalan-amalan dan cara-cara Parlimen di mana Ahli-ahli Parlimen telah berpeluang mendengar satu syarahan mengenai pemodenan cara-cara Parlimen di House of Commons yang disampaikan oleh Setiausaha Jawatankuasa House of Commons Encik David Pring.

Usul ini dikemukakan bukan ekoran syarahan Encik Pring tetapi sepertimana saya katakan tadi saya telahpun mengemukakan usul ini seawal-awal tahun sudah dan saya juga tidak bercadang supaya kita mencontohi semua reformasi-reformasi yang dibuat kepada cara-cara dan amalan-amalan House of Commons. Sungguhpun Peraturan Majlis Mesyuarat kita digubal sebahagiannya oleh Encik Pring sendiri yang berasaskan kepada modal Westminster. Kita sepatutnya jangan mencontohi bulat-bulat cara-cara yang diamalkan oleh House of Commons akan teatpi kita juga tidak seharusnya terlalu unthinkingly outmoded dalam cara-cara ataupun amalan-amalan Parlimen kita. Kita harus mengambil tindakan bahawa Peraturan Majlis Mesyuarat kita umpamanya adalah berasaskan kepada cara-cara dan amalan-amalan Parlimen House of Commons yang diamalkan dalam tahun-tahun 1950an dua dekad sebelum mulanya di House of Commons satu pergerakan (movement) mengadakan reformasi-reformasi Parlimen yang begitu aktif, cergas yang berterusan di Westminster.

Di Parlimen-parlimen di negara Kommonwel yang lain juga telah memainkan peranan yang lebih cergas mengadakan reformasi-reformasi Parlimen supaya menjadikan Badan-badan Perundangan lebih berkesan dan juga sejajar dengan masa dan keperluan yang sentiasa berubah.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia sebaliknya sungguhpun ada beberapa pindaan telah diadakan kepada Peraturan Majlis Mesyuarat, pindaan-pindaan tersebut adalah bertujuan untuk menyekat peluang-peluang untuk mengadakan pengawalan (control) yang lebih berkesan ke atas Eksekutif dan penyemakan yang menyeluruh dan comprehensive terhadap amalan-amalan dan cara-cara Parlimen tidak diadakan di Malaysia semenjak 23 tahun ini. Parlimen hendaklah menjadi sebuah institusi yang sentiasa hidup dan berdinamik yang boleh menyesuaikan dirinya dengan kehendak-kehendak masa dan tuntutan-tuntutan popular yang kian berubah. Itulah sebabnya saya mengemukakan cadangan saya ini.

Sebelum saya menyambung ucapan saya ingin saya membuat satu penjelasan dan satu rayuan. Penjelasan tersebut ialah saya mencadangkan usul ini bukan kerana saya dari partai DAP tetapi saya mencadangkan usul ini dari kacamata sebagai seorang Ahli Parlimen Malaysia, seorang Malaysian Parliamentarian.

Dalam Dewan ini di mana Ahli-ahlinya datang dari berbagai-bagai parti politik sudah tentulah kita akan mempunyai pandangan-pandangan yang berbeza berasaskan kepada fahaman-fahaman kepartian. Tetapi kita semua bersama mengadakan satu kualiti yang sama iaitu kita semua adalah Ahli-ahli Parlimen dan kita semua sama-sama harus pandang berat supaya menentukan terhadap pengawalan (control) Parlimen yang lebih berkesan ke atas Eksekutif tanpa mengira pertalian parti.

Adalah menjadi satu keperluan dalam hal-hal melibatkan kepentingan hak dan kuasa Parlimen vis-a-vis Executive bahawa Ahli-ahli Parlimen baikpun dari parti Pemerintah atau parti Pembangkang mengambil satu pendirian yang sama untuk menjamin bahawa hak-hak dan keistimewaan-keistimewaan Parlimen tidak dicabuli oleh Eksekutif. Rayuan saya pula ialah supaya kita menghadapi usul di hadapan kita ini tanpa apa-apa pertalian parti tetapi menghadapi dari

segi sikap Parliamenterian yang berhajat memelihara dan memperbesarkan peranan Parlimen sebagai bedrock sistem Kerajaan kita.

Kita maksudkan sistem Kerajaan kita sebagai sebuah Kerajaan Berparlimen di mana pihak Eksekutif dikawal (control) oleh Parlimen, malah sebenarnya Eksekutiflah yang mengawal (control) Parlimen dengan menggunakan kuasa majoritinya. Masalah ini bukan sahaja anih di Malaysia tetapi juga di semua jenis Kerajaan Berparlimen dan disebabkan itu adalah perlu dan mendesak supaya Ahli-ahli Parlimen mengkaji dan meneliti iaitu serupa Ahli-ahli Parlimen di lain-lain negara ada mengkaji dan meneliti peranan sebenarnya mereka dalam sistem Kerajaan supaya pengesanan Parlimen dalam tahun-tahun 80an dapat dinilai.

Meskipun dikatakan bahawa fungsi Parlimen ialah untuk Legislative, untuk meluluskan undang-undang, control finance atau mengawal kewangan dan menjadi badan perbincangan, fungsi utamanya dalam semua bidang ini nampaknya bukanlah untuk bertindak sebagai sebuah governing body, badan yang memerintah tetapi sebagai satu forum atau Sounding Board of the Nation. Umpamanya sungguhpun Parlimen dikatakan sebagai badan Perundangan, Parlimen kita bukanlah menjadi badan Perundangan kecuali dalam ertikata sangat formal sahaja. Proses Legislation kita boleh digambarkan sebagai melibatkan 4 jenis fungsi yang interlocking dan overlapping—

- (1) Inspirasi;
- (2) Deliberation dan formulasi;
- (3) Legitimation; dan
- (4) Perlaksanaan (application).

Kita akan mendapati bahawa Parlimen bukan sahaja tidak terlibat dalam peringkat (1) dan (4), ia hanya terlibat secara formal dalam peringkat (2) dan melibatkan diri dengan penuh sahaja dalam peringkat (3). Maka bolehlah dikatakan bahawa Parlimen tidak membuat undang-undang atau Legislation tetapi hanya legitimise apa Eksekutif sudah buat keputusan dan dilegislated.

Satu rencana mengenai Malaysian Parliamenterian yang sangat tepat telah disiarkan pada hujung minggu lepas dalam akhbar The Sunday Mail dan rencana tersebut telah melaporkan bahawa Ahli-ahli Parlimen kita nampaknya ill-equipped untuk mengikuti

dengan bijak perjalanan Parlimen terutama sekali perbahasan-perbahasan ke atas undang-undang baru atau pindaan-pindaan. Laporan tersebut, dengan izin saya quote sedikit ada tertulis:

“M.Ps maintain they do not get adequate briefings. The reply is that many Backbenchers do not read the Bills given to them and therefore are incapable of following the Pre-Council briefings. The Wakil Rakyat maintain they do not have the time or resources to comprehend the implications of the various Bills because most of the Backbenchers maintain a docile profile. There seems to be some justification in the cynic's label that the Dewan is nothing more than a rubber stamping body.”

Tuan Yang di-Pertua, capacity yang terhad (the limited capacity of Parliament) untuk mengkaji dan meneliti undang-undang kewangan dan dasar-dasar Kerajaan bertambah buruk kerana penguasaan dan fahaman yang kurang baik akan cara-cara dan amalan-amalan Parlimen. Umpamanya pada hari semalam apabila rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Menglembu mencadangkan dikurangkan \$10 dari Anggaran Belanja Tambahan untuk Lembaga Padi dan Beras Negara dalam peringkat Jawatankuasa dengan tujuan censure cara LPN menjalankan sistem subsidi padinya yang kurang memuaskan; ada seorang penyokong Kerajaan telah mengkritik rakan saya kerana mencadangkan potongan \$10 itu dan beliau berkata sebaliknya Yang Berhormat dari Menglembu harus meminta supaya ditambahkan anggaran bagi LPN.

Ahli Yang Berhormat itu jelas tidak tahu bahawa cadangan untuk memotong \$10 dari sesuatu peruntukan tertentu tidak bermakna secara literal keinginan untuk memotong \$10; akan tetapi ia adalah satu cara Parlimen untuk highlight sesuatu masalah yang melibatkan sesuatu scope. Cara-cara Parlimen tidak membenarkan diadakan satu pindaan untuk menambahkan mana-mana satu peruntukan dan jika mana-mana Ahli Parlimen ingin highlight hakikat wang yang diperuntukkan itu adalah terlalu sedikit, cara untuk berbuat demikian ialah dengan mengurangkan secara nominal peruntukan tersebut.

Buku Erskine May, Parliamentary Practice, Edisi ke 19, muka surat 713 ada berkata:

(*Dengan izin*)

“The well-known rule of supply that no amendment is in order except the simple reduction of the amount demanded; and the practice became established of moving a “token” reduction as a “peg” on which to hang an argument for the increase or extension of a service.”

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu masalah ialah Parlimen di Malaysia tidaklah pernah melaksanakan apa-apa Initiative Legislative dan inilah satu lapangan di mana reformasi-reformasi Parlimen harus memberi pertimbangan serius untuk membetulkan, untuk mengembalikan kepada Parlimen kuasa-kuasanya untuk membuat undang-undang dan bukan untuk legitimize undang-undang sahaja. Dan satu ciri yang sangat tidak memuaskan ialah mengenai proses perundangan atau Legislative dalam Parlimen ialah mengenai masa yang tidak cukup yang diberikan untuk Ahli-ahli Parlimen supaya boleh membaca, meneliti dan membahas Rang Undang-undang dan ini memperkuatkan pandangan bahawa dalam fikiran Eksekutif Parlimen hanyalah satu rubber-stamp.

Saya rasa inilah satu masalah yang harus dapat perhatian semua Ahli-ahli Parlimen tidak kira daripada apa-apa parti baikpun pihak pemerintah atau pihak Pembangkang oleh kerana ini satu isu yang cuts across parti, itu ialah masalah Ahli-ahli Parlimen. Masalah ini kalau tidak dibetulkan akan melemahkan kehormatan yang diberi kepada Parlimen oleh orang ramai. Kita akan menghadapi masalah yang sama apabila kita membincangkan fungsi Parlimen.

Yang kedua ialah mengenai mengawal (control) kewangan pihak Kerajaan. Sebenarnya kita boleh bertanya sama ada Parlimen ada control. Apabila anggaran-anggaran dibentangkan sebagai satu matter of course anggaran-anggaran itu diluluskan sehingga kita boleh menuntut bahawa sebenarnya ialah Treasury benches yang mengawal Parlimen oleh kerana Parlimen meluluskan apa yang executive mahu diluluskan dan anggaran dibuat oleh Treasury dan Treasury sebenarnya ada kuasa yang besar.

Satu masalah yang berterusan ialah tidak cukup hari untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan (Supply Bills)

baikpun di peringkat Budget atau di peringkat Anggaran-anggaran Tambahan supaya Anggaran-anggaran untuk beberapa jabatan boleh diteliti dengan mendalam.

Sebagai contoh Dewan yang mulia ini baru habis membahaskan Anggaran Tambahan untuk tahun 1979 dan tahun 1980 untuk kedua-dua belanja mengurus dan belanja pembangunan yang melibatkan 18 Kementerian yang berjumlah \$1,000 juta dalam masa dua hari Committee stage. Apa yang berlaku dalam perkara ini menunjukkan satu lagi perkara yang tidak sihat. Dewan yang mulia ini sudah ada masa yang sangat terhad untuk membahaskan untuk scrutinise untuk periksa dasar-dasar dan kewangan-kewangan atau belanja-belanja Kerajaan tetapi nampaknya melalui cara-cara yang tidak langsung masa yang sudah terhad jadi lebih terhad. Dahulu apabila ada Anggaran Tambahan baikpun untuk operating expenses atau pembangunan untuk setahun itulah dikemukakan dan dibahas; kalau tahun 1978 itu satu usul; 1979, itu lain. Sekarang kedua-dua, tahun 1979 dan 1980 dicampur. Ertinya ialah kalau mengikut amalan yang lama ada dua usul yang berlainan yang boleh dibahaskan dua kali tetapi apabila kedua-dua usul tahun 1979 dan 1980 dicampur masa yang boleh dibahaskan sudah kurang setengah kali.

Saya rasa masalah semacam ini bukan sahaja untuk kepentingan parti Pembangkang tetapi semua Ahli-ahli Parlimen. Masalah ini perlulah kita ambil perhatian dan cuba membuat usaha untuk mengatasinya. Sebab itu sebagai matlamat dan tujuan untuk membetulkan ketidakseimbangan perhubungan antara Executive dan Parlimen bahawa Parlimen boleh reassert control terhadap Executive. Dikebanyakan negara ada mewujudkan committee system, Jawatankuasa-jawatankuasa yang bukan sahaja Standing Committees tetapi yang “overseer” Kementerian-kementerian tertentu dan kita dapat tahu dalam seminar bahawa di House of Commons apa yang telah berlaku ialah sehingga satu peringkat di mana setiap Kementerian ada satu House of Commons Committee untuk overseer Kementerian itu dan cara ini bukan sahaja bererti tambah masa di mana Parlimen atau Ahli-ahli Parlimen boleh scrutinise, periksa dasar-dasar kewangan-kewangan Kementerian tetapi yang keduanya ada Ahli-ahli Parlimen yang boleh specialise dalam bidang-bidang tertentu dan akan lebih knowledgeable dan lebih tahu

menahu mengenai lapangan-lapangan tertentu dan ini tentulah akan berfaedah kepada Dewan dalam perbincangan, pertimbangan dalam apa-apa perkara di masa hadapan.

Dan committee system yang dalam negara seperti kita yang dianggap sebagai alien baru mungkin pun dari ilham Amerika tetapi sebenarnya committee system telah menjadi satu ciri yang tetap di kebanyakan Parlimen-parlimen dalam Commonwealth dan saya bukan mencadangkan kita mengadakan full-fledged committee system overnight, setiap Kementerian ada satu Select Committee untuk overseer tetapi masanya sudah sampai di mana kita experiment, kita pilih Kementerian-kementerian atau subjek-subjek tertentu, adakan tiga atau empat Kementerian di mana dioverseer oleh tiga atau empat Jawatankuasa Parlimen dalam perkara pertanian, atau pengangkutan atau pertahanan dan pelajaran dan kita tengok bagaimana. Adakah ini contribute kepada satu sistem Parlimen yang lebih berkesan yang lebih efektif dan boleh meninggikan prestige dan image Parlimen di kalangan orang ramai oleh kerana ini sangat mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sistem committee ini akan membuat satu sumbangan yang besar terhadap memastikan setiap Ahli boleh lebih beruntung, lebih contribute dalam Parlimen. Saya rasa adalah perlu untuk review beberapa Jawatankuasa yang kita ada seperti PAC atau Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (Public Accounts Committee). Sebenarnya perjalanan PAC di Malaysia tidak berjalan dengan memuaskan hati, pertama oleh kerana PAC memeriksa akaun-akaun yang sangat lama.

Sekarang saya dapat tahu PAC sedang memeriksa akaun-akaun tahun 1975 dan mesyuarat-mesyuarat PAC sentiasa mengadakan satu "air" sebagai, satu exercise sejarah sahaja tidak ada kena mengena dengan masalah-masalah sekarang untuk membetulkan masalah-masalah sekarang dan boleh dikatakan sehingga hari ini tidak seseorang pun di Malaysia berminat dengan mesyuarat dan laporan PAC. Kalau ini tidak ada perubahan kita akan sampai ke satu peringkat menyoal, menimbulkan satu soalan sama ada PAC pada bentuk ini berguna atau tidak berguna, membuang masa atau tidak membuang masa dan juga membuang wang rakyatkah atau tidak. Kalau tidak, satu reform mestilah diadakan.

Yang pertama bagi menentukan pemeriksaan wang (akaun) mestilah dalam dua tahun dahulu supaya apa-apa penyelewengan, kesilapan boleh dibetulkan dan kedua mungkin masa akan sampai di mana kita mesti mengadakan idea-idea baru semacam mengadakan Jawatankuasa yang baru seperti Jawatankuasa Expenditure di mana bukan sahaja mengkaji apa yang lepas tetapi mengkaji apa yang akan berlaku (forward planning) seperti Expenditure Committee boleh mengkaji strategi-strategi belanja Kerajaan bukan sahaja untuk budget tahunan tetapi untuk lingkungan masa lima tahun, Rancangan (Lima Tahun) Malaysia, satu peringkat ke satu peringkat.

Saya rasa semacam ini perlulah perhatian dan fikiran supaya Parlimen boleh jadi satu watchdog lebih efektif.

Tadi saya ada berkata satu fungsi Parlimen ialah sebagai satu chamber of deliberations, satu forum di mana aspirasi-aspirasi, masalah-masalah rakyat dikemukakan. Saya rasa peranan ini mungkin tidak begitu difahami oleh semua yang terlibat. Dalam tahun-tahun dan masa-masa saya ada dalam Dewan yang mulia ini kerap kali saya dengar daripada Menteri-menteri atau Ahli-ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa janganlah gunakan Dewan ini sebagai satu political forum (the House should not be turned into a political forum) tetapi sebenarnya Dewan yang mulia ini ialah political forum yang tertinggi di negara ini dan masalah jangan turn it into a political forum itu tidak timbul. Inilah political forum yang tertinggi. Jadi perlulah ada satu kajian mengenai fungsi sebenarnya Parlimen ini; dan dalam perkara ini saya rasa perlu sikap dan fikiran yang menganggap apa itu Parlimen. Parlimen bukan untuk urusan-urusan Kerajaan atau parti pemerintah, Parlimen termasuk untuk urusan-urusan parti Pembangkang, termasuk setiap Ahli-ahli Parlimen. Kalau ada seorang bebas termasuk urusan-urusannya.

Saya rasa inipun perlu ditimbulkan oleh kerana apabila pada masa dahulu sebelum Parlimen bersidang, akhbar ada keluar berita Dewan Rakyat akan bersidang. Jurucakap Parlimen akan memberi butir-butiran apa yang akan dibincang, bills, rang undang-undang Kerajaan sudah diterima atau notified, inilah satu, dua, tiga atau empat ratus soalan

itu sahaja. Tidak sebut apa usul-usul yang ada dikemukakan oleh pihak Pembangkang atau lain-lain.

Saya memberi contoh sahaja tentang sikap parliamentary business termasuk semua itu bukan sahaja pihak Kerajaan dan ini yang menunjukkan perlulah satu fikiran yang baharu, di mana hak parti-parti sesiapa termasuk parti Pembangkang untuk initiate urusan Parlimen diakui. Kalau mahu begitu mesti ada perubahan-perubahan dalam amalan-amalan dan cara-cara semacam ada di lain-lain negara semacam setiap minggu, tiap-tiap hari Jumaat, sekurang-kurangnya dua jam ditetapkan untuk urusan-urusan bukan kerajaan, atau dalam sidang-sidang yang penting semacam budget atau perbincangan usul pembukaan Parlimen yang rasmi sekurang-kurangnya pada akhir mesyuarat itu mesti dua hari ditetapkan untuk urusan-urusan pembangkang.

Ini perlulah kita fikir dalam masalah ini. Dan di sini saya mahu menitikberatkan bahawa tidak ada apa-apa incompatibility antara sebuah kerajaan yang kuat dengan satu pembangkang yang kuat. Tidak ada compatibility. Tidak ada apa kontradiksi di antara Executive yang kuat dengan satu Parlimen yang kuat untuk menjalankan kedua-dua tugas mereka. Oleh kerana lebih kuasa Kerajaan yang ada untuk menjalankan tugas mereka yang akan mempengaruhi kehidupan rakyat lebih mustahak, lebih perlu bahawa Parlimen adalah cara-cara yang berkesan untuk scrutinise dan criticise kegiatan-kegiatan dasar-dasar. Apa yang semua Ahli-ahli Parlimen harus cuba berikhtiar ialah mengadakan sebuah Parlimen yang alert, berwaspada yang berkesan dan ini akan menjadi satu bantuan, satu sumbangan dan bukan satu halangan terhadap good government.

Sekarang ini ada badan-badan Kerajaan yang bertanggungjawab belanja beratus juta ringgit semacam PETRONAS Bang Rakyat, MARA, PERNAS yang tidak di bawah takluk scrutiny Parlimen. Dan mungkinlah di antara satu sebab ada berlaku perkara Bank Rakyat di mana \$150 juta rugi, mungkinlah tidak ada itu jentera di mana Parlimen ada kontrol atau boleh exercise control terhadap badan-badan semacam ini.

Saya tidak berhasrat untuk senaraikan cadangan-cadangan spesifik mengenai apa yang boleh dijadikan tajuk untuk pertimba-

ngan dan fikiran selain daripada meninjau, membincang areas yang luas dan besar yang menunjukkan bahawa selepas 23 tahun perlulah ada satu kajian yang menyeluruh terhadap bagaimana kita boleh membuat reformasi-reformasi supaya Parlimen boleh menjalankan tugas sendiri yang berlainan daripada tugas Executive yang lebih berkesan.

Cadangan saya bahawa ada satu Speaker's Conference atas parliamentary reforms ialah supaya boleh kaji dengan mendalam pengalaman-pengalaman, contoh-contoh dan tauladan-auladan di institusi-institusi Parlimen di lain-lain bukan sahaja di House of Commons malahan di lain-lain negara Komanwel pun mereka ada innovate konsep procedural yang mereka sendiri yang mungkinlah kita boleh belajar bukan imitate tetapi mungkin fikiran dan idea-idea itu kita boleh gunakan.

Sebagai contoh di Lok Sabha mereka dan satu cara yang baru iaitu "calling attention notice" di mana setiap ahli kalau mahu dapat perhatian Kerajaan terhadap satu perkembangan yang baharu berlaku ataupun satu perkara tertentu demi kepentingan orang-ramai boleh menggunakan "calling attention notice" dan pihak Kerajaan mestilah membuat satu kenyataan atas perkara ini. Dan tidak perlulah mahu menangguk Dewan atas perkara definite, urgent and of public importance tetapi oleh kerana ada berlaku "calling attention notice" Kerajaan mesti membuat satu ministerial statement atas perkara yang tidak melibatkan macam motion mahu menangguk Dewan yang ada melibatkan sedikit makna mahu censure.

Lagi satu cara baru di Lok Sabha di mana setiap ahli yang mahu kemukakan perkara yang tidak timbul di dalam Dewan tidak ada peluang untuk berucap untuk menimbulkan boleh dengan kebenaran, Tuan Yang di-Pertua, pada hari-hari akhir kemukakan. Semacam itu kita boleh fikir dan timbang dan banyak lagi bidang-bidang dan lapangan-lapangan di mana specific procedure semacam masa soalan dan ucapan-ucapan tangguhan, masa untuk perbincangan dan lain-lain atau kemudahan-kemudahan untuk maklumat-maklumat untuk research untuk Ahli-ahli Parlimen yang sangat mustahak boleh dibincang dan dikaji, tetapi saya rasa tidak payahlah saya sebut satu-satu dengan detail untuk dibincang masalah ini. Oleh kerana apa yang saya cadangkan ini ialah untuk paint a large picture.

Saya bukan minta bahawa pandangan-pandangan atau cadangan-cadangan saya bahawa Ahli-ahli Parlimen mesti menyokong atau bersetuju tetapi itu sebagai satu fikiran, boleh jadi perkara ini di mana Speaker's Conference boleh menimbang, mungkin kalau diadakan sekiranya ia tak sesuai atau sebagainya. Masalahnya apa yang saya ucapkan sebagai specific proposal bersetuju atau tidak bersetuju tetapi idea itu sama ada selepas 23 tahun masanya sudah sampai di mana Parlimen yang kita sendiri mengadakan satu conference—sebenarnya satu Jawatankuasa Parlimen. Speaker's Conference bukan sahaja Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tetapi juga semua Tuan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri datang—bukan itu, tetapi ini sebenarnya Parliamentary Committee namanya sahaja Speaker's Conference di mana kita sendiri membincang dan mengkaji masalah ini dibandingkan dengan lain-lain Parlimen Commonwealth.

Kalau ini boleh dapat diterima, saya rasa kita semua sebagai Parliamenterian bukan sebagai apa-apa fahaman politik, saya rasa ini satu perkara yang kita boleh bersetuju.

4.42 ptg.

Tuan P. Patto (Menglembu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dibawa oleh rakan saya Ketua Pembangkang dari Petaling.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana rakan saya telah berkata tadi, ada beberapa bidang dari segi amalan dan procedure Parlimen kita ini yang patut dikaji dan dimodenkan, dan kemodenan itu hendaklah mengikut masa yang berubah bukan sahaja di rantau ini tetapi dalam Parlimen-parlimen Commonwealth atau bukan Commonwealth.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat dari Petaling kita bersama-sama di sini sebagai Ahli Parlimen Malaysia dan kita bersama-sama di sini memandangkan bahawa Parlimen sebagai Dewan Perundangan yang tertinggi, Dewan yang memberi peluang untuk berbincang dan penghalusan atas satu-satu perkara, Dewan yang dianggotai oleh legislators. Saya katakan begitu, Tuan Yang di-Pertua, kononnya kerana selama ini nampaknya kita menjadi effective legitimisers dan bukan legislators sepertimana rakan saya

berkata tadi. Dan kalaulah Dewan ini menjadi satu badan yang dianggotai oleh Ahli-ahli Parlimen yang menjadi effective legislators maka Executive perlu dan hendaklah dikawal oleh Parlimen sendiri dan bukan Parlimen dikawal oleh Executive.

Ada beberapa contoh dalam masa lampau di mana dari segi pengalaman yang dialami oleh Ahli-ahli Parlimen bukan sahaja dari sebelah sini—Pembangkang dan juga dari sebelah sana—backbenchers di mana satu persoalan timbul sama ada Dewan ini—Parlimen mempunyai kuasa penuh untuk mengawal Executive ataupun Executive mempunyai kuasa yang luas untuk dictate terms kepada Parlimen ini.

Ada beberapa contoh, Tuan Yang di-Pertua, yang saya kata Jawatankuasa ini perlu ditubuhkan untuk mengkaji, menimbang, menghalusi sama ada amalan-amalan yang dibuat sekarang ini sesuai, bijak, baik dan untuk kepentingan Ahli-ahli Parlimen Malaysia. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, soalan. Di tiap-tiap Parlimen di seluruh negara-negara Commonwealth mempunyai hak untuk menyoal dan menurut Perintah Tetap sama ada notis untuk membuat satu-satu pertanyaan secara oral—lisan ataupun bertulis ada ditetapkan dalam Perintah Tetap dan kita kemukakan soalan itu. Apa yang memeranjatkan dan apa yang selama ini dialami oleh backbenchers baik pun Pembangkang ialah di mana Menteri-menteri atau pihak Executive yang bertanggungjawab menjawab, tidak dapat menjawab soalan itu dalam masa soal jawab dan sehabis sahaja masa soal jawab, siapa pun tidak tahu apakah jawapan kepada soalan yang telah dikemukakan mungkin dua minggu dahulu ataupun tiga minggu dahulu, mungkin sebulan dahulu, kalau dalam sessi Budget, siapa pun tidak tahu.

Tuan Speaker, dalam soal *Hansard* juga, perkara ini mengapa *Hansard* tidak dapat diterima oleh Ahli Parlimen? Bukan kerana kesalahan kakitangan Parlimen tetapi kesalahan Executive sendiri. Pada masa-masa lampau beberapa tahun dahulu sejak Parlimen bermula dalam negara ini *Hansard* diberi dalam 24 jam selepas Dewan itu ditangguh untuk bersidang semula pada keesokan hari, tetapi sekarang tidak dibuat seperti dahulu, bukan kesalahan kakitangan Parlimen tetapi kesalahan Executive kerana

Executive mempunyai kuasa untuk menentukan sama ada mereka dapat overtime atau tidak dan mereka memutuskan tidak payah overtime. Kalau tidak membayar overtime, maka kakitangan tidak mahu bekerja selepas pukul 4.15 petang dan itu bererti merampas hak kita untuk membaca dan mendapat tahu apakah jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang telah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Siapa yang merampas hak itu ialah Executive dan sama ada kita mahu membenarkan Executive menjalankan kerja-kerja merampas kuasa satu demi satu dengan cara-cara ini? Saya rasa tidak boleh.

Dalam soalan yang ada dalam Order Paper dan juga Order Book bagi satu-satu persidangan mesyuarat, saya rasa kita tidak payahlah sepertimana rakan saya kata dengan slavishly, dengan izin, Tuan Speaker, mengikut apa yang diamalkan di House of Commons oleh kerana di House of Commons soalan setiap ahli itu ditetapkan gilirannya dengan mencabut undi di House of Commons, tetapi saya rasa itu bukan satu sistem yang baik. Bukan semua yang dibuat di House of Commons itu kita mengaku sebagai 100% kita mesti terima—tidak boleh, saya tidak bersetuju dengan sistem itu. Barangkali kita cari satu sistem yang lain yang menjadi lebih baik daripada yang ada sekarang di mana dapat peluang semua soalan-soalan ahli dapat dijawab dan kalau tidak dapat dijawab dalam Dewan inipun sekurang-kurangnya dapatlah jawapan bertulis pada hari itu juga, tidak payahlah Ahli-ahli Parlimen kerja dan cari Reporter untuk mendapatkan jawapan kepada soalan-soalan kita.

Tuan Speaker, rakan saya telah sentuh tentang Standing Committee yang ada di House of Commons dan ada lain-lain Parlimen Commonwealth. Saya rasa ini satu area yang baru yang patut Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk mengkaji dan meneliti sedalam-dalamnya oleh kerana di sinilah saya rasa terdapat satu peluang di mana Ahli-ahli Parlimen dapat specialise dalam satu-satu bidang dan juga dapat membahaskan Budget dan lain-lain Rang Undang-undang dengan lebih dalam dan luas. Saya berkata demikian kerana ada satu rencana dalam *Sunday Mail*, Jun 8 haribulan, yang membayangkan betapa perlunya Jawatankuasa ini diadakan untuk mengkaji amalan-amalan kita dalam negara ini.

Dengan izin, Tuan Speaker, satu petikan:

“Another basic change required is the need to raise the level of discussions in the Dewan above that of a Local Council which is what the proceedings often amount to with every other Backbencher raising the same issue of the lack of basic amenities everyday.”

Tuan Speaker, saya bukanlah berkata bahawa mereka tidak tahu atau kita tidak tahu membahās oleh kerana kita tidak diberi masa dan peluang untuk specialise dan mendapat tahu lebih dalam dan luas perkara-perkara yang berkait dengan Dewan ini, malah kita dikawal oleh executive dan inilah timbul masalah. Saya percaya bahawa Standing Committee yang boleh diadakan, kalau Persidangan Tuan Speaker ini dapat ditubuhkan untuk berbincang dan mengkaji perkara ini oleh kerana kita mesti sedar bahawa Dewan yang mulia ini patutlah kita kekalkan sebagai Dewan yang mulia ini dan bukan sebagai satu Dewan di bawah kawalan Executive. Sepatutnya ini berubah di mana Executive di bawah kawalan Parlimen sama ada Backbenchers atau siapa, seluruh Parlimen akan mengawal Executive di setiap perbelanjaan boleh disoal, setiap perbelanjaan boleh diketahui dengan sehalus-halusnya, apakah perbelanjaan itu perlu atau tak perlu, mengapa dibuat dan apakah hasil dan segalanya yang bersabit dengan perbelanjaan.

Tuan Speaker, kita mesti juga mengakui bahawa dengan pertambahan peruntukan-peruntukan bagi Pembangunan, bagi Perbelanjaan Mengurus maka sudah perlulah masa untuk perbahasan juga ditambah, tetapi malangnya kita tidak menetapkan masa yang lebih panjang untuk membahās oleh kerana kita terkawal oleh Standing Orders. Saya bersetuju bahawa Standing Orders Committee boleh pinda tetapi Speakers Conference on Parliamentary Reforms ini akan mengkaji kesemua amalan dan perjalanan Dewan ini termasuk Standing Orders juga. Itulah sebab saya tidak sentuh banyak dalam perkara ini.

Akhir sekali, Tuan Speaker, saya merayu kepada semua Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan ini tanpa mengira pendirian dan fahaman politik kita dan demi kepentingan Parlimen Malaysia, demi kepentingan Dewan ini sendiri sebagai Dewan yang paling tinggi dan yang mulia dalam negara ini kita bersama-sama meluluskan usul yang dibawa oleh rakan saya dari Petaling supaya dapat

kita menubuhkan satu Jawatankuasa di bawah Tuan Speaker yang bernama sebagai Speakers Conference on Parliamentary Reforms.

Sekian, saya menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Pontian.

4.59 ptg.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir (Pontian): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menentang akan usul yang dibawa oleh Anggota dari Petaling yang disokong oleh Anggota dari Menglembu.

Tentangan yang saya buat bukanlah bermaksud bahawa sistem ataupun Parlimen ini hendaklah begitu beku tetapi tentangan yang saya buat semata-mata kerana merasakan bahawa Parlimen ini adalah satu daripada beberapa experiment kita dalam makmal kebangsaan bagaimana kita hendak mencorakkan pemerintahan negara ini dan bagaimana kita hendak berjuang untuk survival negara ini.

Untuk bercakap bahawa Parlimen tidak memberi kesempatan kepada Pembangkang atau Parlimen ini hanya untuk Kerajaan sahaja adalah satu contoh bagaimana kemuliaan Parlimen

Tuan Lim Kit Siang: (Bangun)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, untuk penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Apa yang saya kata tidak difahamkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pontian. Saya ada kata bahawa masalah ini bukan masalah Pembangkang atau masalah parti pemerintah tetapi masalah Parlimen dengan Executive dan saya tidak sebut apa Yang Berhormat sebut tadi bahawa Pembangkang tidak berpuashati atau apa-apa, tetapi dari segi Parlimen dan saya tidak sebut mengenai masalah Pembangkang dan parti pemerintah dan sebagainya.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Anggota Petaling telah menolak bahawa kesempatan Pembangkang dalam Dewan ini tidak ada tetapi saya masih mengingati bahawa beliau telah menyatakan bahawa Parlimen ini hendaklah dijadikan tempat Anggota-anggota Pembangkang menghuraikan hujah mereka dan peranan mereka dalam Parlimen ini termasuk Ahli-ahli bebas.

Saya tidak nampak bahawa Parlimen tidak memberi kesempatan kepada Pembangkang, malah Parlimen juga memberi kesempatan kepada Anggota-anggota Kerajaan yang duduk sebagai Ahli biasa. Dalam sejarah 23 tahun merdeka kita dapati dan kita bangga bahawa Parlimen telah memainkan peranannya yang sungguh menarik hati walaupun ada keraguan dari semua pihak kerana semua urusan alam, semua urusan manusia boleh disoal baik buruknya dan Parlimen itu sendiri boleh dihujah kerana two-thirds of the global population telah menolak Parlimen sebagai suatu sistem yang saya katakan Westminster system. Kita lihat Canberra model, Ottawa model malah Congress di Amerika Syarikat sendiri adalah ciri-ciri kepada penolakan asal dan cara-cara bagaimana keraguan kepada urusan-urusan Parlimen yang cuba diperbaiki. Tetapi dalam perjalanan Canberra model dan Ottawa model umpamanya, masih lagi orang menyatakan bahawa model-model itu tidak baik.

Congress umpamanya di Amerika adalah suatu improvement dari keadaan tidak puas hati orang-orang Amerika terhadap sistem United Kingdom, walau bagaimanapun, Congress telah dihujah sebagai satu sistem yang tidak baik oleh sebahagian dari rakyat Amerika sendiri. Dalam mencari penyelesaian-penyelesaian ini kita melihat umpamanya "one party system" yang dibuat oleh Arab Socialist Union sebagai satu penyelesaian tetapi rakyat di beberapa negara masih menyoal bahawa sistem itu masih tidak dapat menyelesaikan masalah rakyat di negara-negara tersebut.

Untuk bercakap bahawa reformasi ini boleh menyelesaikan masalah-masalah Malaysia, ada orang boleh berhujah bahawa reformasi ini boleh menimbulkan catastrophe kepada Malaysia kerana bila kita bercakap tentang Parlimen, sebagai contoh oleh kerana union power di Britain umpamanya adalah supreme, mereka pernah tidak memperdulikan Parlimen.

Kalau kita hendak bercakap bahawa ada separuh Parlimen itu adalah alat yang sebaik-baiknya, kita dapati bahawa United Kingdom umpamanya telah menjadi the sick man of Europe. Jadi, sebagai Anggota Parlimen saya merasa apa yang telah berlaku dalam sejarah 23 tahun merdeka, bagaimana kita telah dapat membangunkan negara ini di mana majority berkuasa dan minority didengar dan diberi peluang untuk berhujah di dalam dan di luar Parlimen, saya rasa untuk memburukkan sistem yang ada ataupun untuk menyatakan bahawa ada sistem yang lebih baik kepada peraturan-peraturan yang ada dengan harapan ia boleh menyelesaikan masalah negara kita, ia boleh menyelesaikan masalah-masalah tentang pembangunan ekonomi negara, tentang perpaduan rakyat, tentang hak bersuara, tentulah boleh didebatkan apakah reformasi yang kita mahukan itu benar-benar akan mencapai 100% penyelesaian sebagaimana yang dikehendaki oleh Wakil-wakil dari Petaling dan Menglembu.

Dengan demikian, saya menentang usul ini dan berseru kepada mereka bahawa Parlimen yang ada telah memberikan kita keadaan yang ada sekarang dan kita berazam sebagai Anggota-anggota Parlimen untuk mengekalkan apa yang berlaku dalam perjuangan membangunkan negara kita.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.07 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong sekuat-kuatnya satu usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Petaling yang begitu mustahak untuk Dewan yang mulia ini untuk mempertimbangkan suatu perkara yang boleh mempertinggikan imej dan taraf Parlimen yang ada di Malaysia hari ini sejak kemerdekaan.

Saya merasa keciwa dan kesal serta terperanjat bila saya mendengar ucapan dan hujah dari Ahli Yang Berhormat dari Pontian. Nampaknya dia sengaja tidak membaca isi kandungan usul atau intisari apakah maknanya usul yang dibawa ini, mengenai sistem Parlimen yang kita hadapi hari ini.

Apa yang dihujahkan itu nampaknya dia sendiri pun tidak tahu apakah maknanya cara-cara kita mengadakan satu sistem se-

buah negara yang Parlimen demokrasi di mana kita boleh membeza-bezakan manakah taraf yang lebih mustahak dan lebih tinggi di antara satu sama lain, umpamanya di antara Parlimen dan Executive. Dari segi inilah kita meminta semua Ahli Yang Berhormat baik dari pihak Pemerintah atau parti Pembangkang boleh bersama-sama membincang bertukar-tukar fikiran supaya kita boleh membawakan satu hasil yang membangun untuk memperbaiki performance atau prestasi Parlimen di Malaysia yang ada hari ini kita sangat sedih bila kita nampak bahawa Parlimen ini sudah berubah coraknya di mana Executive lebih berkuasa daripada Parlimen. Ertinya Parlimen telah diletakkan di bawah Executive. Dengan perkataan yang simple iaitu seolah-olah Parlimen terletak di bawah pengawalan satu parti politik sahaja. Mereka sudah tidak memperhitungkan betapa mustahaknya prestasi dan fungsi Parlimen diwujudkan di Malaysia hari ini.

Kita boleh melihat beberapa contoh untuk menunjukkan apakah sebab usul ini perlu dibawa dan mencadangkan beberapa perakuan untuk memperbaiki atau reformasi Parlimen Malaysia yang ada hari ini.

Umpamanya, apabila seseorang Ahli Yang Berhormat baik dari parti pemerintah atau parti pembangkang menyentuh satu persoalan atau masalah, apabila kita bertukar-tukar fikiran dan membincangkan, menimbulkan berbagai masalah dan soalan dan juga tanda-tanya, tetapi Menteri yang bertanggungjawab atau Timbalan Menteri yang bertanggungjawab hanya asyik membaca prepared text tanpa menjawab soalan dan tanda-tanya dan masalah yang ditimbulkan itu. Ini sudah menunjukkan bahawa mereka langsung tidak hirau apa yang dipertikaikan masalah rakyat dan masalah negara yang ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini. Ini menunjukkan apa? Ini menunjukkan bahawa mereka itu mengambil kesempatan kerana mempunyai majoriti undi untuk menolak sesuatu perkara atau usul baik Private Members' Bill, atau usul tergempar mana-mana pihak pun khasnya dari pihak Pembangkang.

Kita lihat dalam sidang 10 hari ini khasnya, dari pihak Pembangkang ada membentangkan beberapa Rang Undang-undang Ahli Persendirian dan juga usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1). Nampaknya apa juga usul dan pindaan kita bentangkan dan

juga cuba menolong Kerajaan memperbaiki masalah yang kita hadapi untuk menutup atau memperbaiki kelemahan dalam akta-akta yang berkenaan, cadangan-cadangan atau soalan yang kita kemukakan langsung tidak dijawab, lain ditanya, lain dijawab. Mereka hanya membaca prepared text sahaja. Ini sudah menunjukkan apa? Ini menunjukkan mereka tidak mementingkan suara wakil-wakil rakyat itu. Dengan secara tidak langsung ini akan menjejaskan taraf Parlimen yang kita wujudkan hari ini.

Dalam siaran TV atau di Radio yang kita dengar adalah suara satu pihak sahaja, suara DAP atau suara pihak Pembangkang yang menimbulkan masalah rakyat tidak disiarkan. Umpamanya, Private Members' Bill dan usul-usul yang dikemukakan tidak disiarkan dalam TV. Ini menunjukkan satu kelemahan dalam sistem Parlimen kita, ini juga ada berkaitan dengan prestasi Parlimen dan taraf Parlimen. Bolehkah Parlimen dijadikan sebagai satu badan untuk digunakan sebagai rubber stamp untuk semata-mata meluluskan semua bil yang dibentangkan oleh Kerajaan sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat beberapa negara sebenarnya sudah membuat reformasi terhadap sistem perundangan mereka. Umpamanya, New Zealand dan Canada membuat beberapa perubahan terhadap cara mereka untuk memperbaiki taraf dan imej Parlimen mereka atau mempertingkatkan kecekapan Parlimen supaya rakyat boleh menaruh lebih keyakinan kepada Parlimen. Yang ada di sini yang menunjukkan sistem pemerintahan Malaysia yang berdemokrasi. Memang benar apa yang dibuat di negara-negara lain, umpamanya, mereka ada membuat satu reformasi membolehkan TV menyiarkan secara langsung (live telecast) sebahagian perbahasan yang mustahak yang ada berkaitan dengan masalah negara. Kita ada buat live telecast tetapi siaran TV ini bukanlah sepatutnya hanya satu pihak sahaja. Kita lihat umpamanya pindaan terhadap Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja yang diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini hanya ucapan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dan teguran ahli-ahli daripada Barisan Nasional sahaja tersiar. Ucapan ahli-ahli pihak Pembangkang langsung di "blackout" seolah-olah Parlimen satu suara menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) itu. Ini nampaknya satu perkara yang perlu ditim-

bangkan oleh Parlimen supaya kita boleh memperbaiki masalah yang dihadapi oleh kita hari ini.

Demikian juga kita lihat jawapan yang diberikan oleh Menteri-menteri terhadap soalan-soalan yang kita kemukakan, kadangkala mereka sengaja salahguna kuasa mereka atau seolah-olah enggan menjawab soal sebenar yang kita tanya, atau cuba menutup sesuatu kebenaran. Ini nampaknya mereka meletakkan Parlimen di bawah Executive, bukannya Parlimen mengontrol Executive. Inilah satu perkara yang kita perlu timbangkan dan ini bukan satu isu politik, tetapi satu isu kebangsaan bagi kita semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini mempertimbangkan bagi menubuhkan satu jawatankuasa sepertimana yang diusulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling untuk memulihkan kedudukan taraf dan kedaulatan Parlimen yang mengamalkan sistem demokrasi ini supaya perjalanan perundangan di Malaysia boleh berkesan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.17 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya menentang usul yang dibawa oleh wakil dari Petaling dan juga saya rasa kasihan kepada wakil dari Menglembu yang meminta supaya kita melupakan fahaman politik dan menyokong usul yang dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini, tetapi malangnya kucing dengan anjing tidak akan sama walaupun kucing ataupun anjing telah minta untuk berkawan di antara dua belah pihak. Walau bagaimana mulianya dan dianggap betul pendapat pihak Pembangkang terutama pihak yang membawa usul itu, bagi pihak saya sebagai pihak Kerajaan atau pihak backbencher di sini tidak akan menerima hujah-hujah yang diberi itu kerana kacamata yang dipandanginya adalah kacamata yang berlainan, kacamata dari pihak yang tidak berkuasa dan tidak mempunyai kuasa di dalam negara ini. Maka pihak yang berkenaan cuba hendak mencari kuasa dan cuba mendapat kekuasaan melalui jawatankuasa yang dicadangkan. Itulah telah berkali-kali meminta kuasa Executive dengan Jawatankuasa Parlimen supaya mereka dapat menunjukkan kuasa kepada ahli-ahli Executive yang selama

ini bagi pihak Kerajaan telah lama menganggap mereka itu adalah satu pihak yang lebih tahu daripada apa yang Ahli Parlimen di sini tahu.

Kita tahu bahawa di dalam Kerajaan kita sekarang dan sebagai sebuah negara demokrasi kita telah mempunyai berbagai kuasa atau kuasa telah diberi di dalam menjalankan tugas negara, terutama kuasa Menteri sebagai kuasa Executive dan kuasa-kuasa yang diberikan kepada pihak-pihak yang tertentu bagi menjalankan tugas negara berdasarkan undang-undang dan berdasarkan peraturan yang telah kita luluskan di sini. Tetapi sekiranya ada Executive atau pihak yang menjalankan tugasnya tidak mengikut peraturan atau undang-undang yang kita telah tetapkan dalam Parlimen, maka pihak yang bertanggungjawab sebagai pihak Menteri ada mempunyai kuasa untuk menentukan pihak yang menjalankan itu tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan itu.

Jadi walau macammanapun saya berpuas-hati dengan Kerajaan yang ada, dasar demokrasi yang ada; kuasa-kuasa yang diberi kepada Menteri, kuasa-kuasa Kabinet yang ada adalah telah memberi kebaikan kepada Kerajaan yang ada dan telah memberi keadaan yang aman juga keadaan yang selamat dan keadaan yang terteram di dalam negara ini. Jangan cuba kita hendak dianggap sebagai tikus memperbaiki labu yang akhirnya akan purak-peranda negara ini kerana kita tidak mahu kuasa-kuasa yang ada pada kita sekarang dibelahbahagi melalui Jawatankuasa ini yang pihak Pembangkang akan hanya mendapat kuasa di dalam Jawatankuasa ini. Itulah yang diharap-harapkan selama ini kerana kita tahu mereka tidak mempunyai kuasa di dalam Dewan yang mulai ini.

Berbalik kepada ucapan yang diberi oleh wakil dari Petaling yang membawa usul ini mengatakan bahawa Dewan ini tidak lebih daripada political forum dan ini adalah anggapan mereka dan bagi saya, saya menganggap bahawa Dewan ini tidak lebih daripada pembangkang-pembangkang untuk menimbulkan isu-isu sensitif yang boleh mencari publisiti murah melalui apa-apa yang dicakapkan dalam Dewan ini. Pihak Kerajaan di sini tidak pernah menimbulkan political forum atau political issue dalam Dewan ini, sekiranya pihak Pembangkang berhati-hati tidak menimbulkan perkara-perkara yang boleh menyentuh sesuatu parti

yang lain atau boleh menyentuh parti-parti Kerajaan atau boleh menyentuh hal Dasar Ekonomi Kerajaan yang telah memberi atau yang telah menentukan apa-apa hak yang ada kepada bumiputra. Tetapi di dalam Dewan inilah mereka telah menimbulkan isu-isu yang telah ditetapkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga atau Rancangan Malaysia baru

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya benarkan tadi sekejap untuk mengulas fasal political issue tetapi harap tumpukan perbahasan Yang Berhormat kepada Penubuhan satu Jawatankuasa dan juga Reformasi-reformasi yang dikehendaki.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi cara untuk mengkaji dan memodenkan Parlimen ini dengan cara yang dibawa oleh Parlimen ini sekali lagi saya menganggap sebagai satu cara seperti tikus memperbaiki labu dan tidak memberi faedah dan cuba untuk mendapat kuasa melalui Jawatankuasa yang dirancangan ini.

Saya sebagai seorang Ahli Parlimen di sini telahpun mempunyai peluang-peluang yang luas untuk membincang segala perkara yang ditimbulkan dalam Dewan ini, tetapi sepanjang yang saya tahu di Dewan ini pada tiap-tiap kali perbincangan pihak pembangkang telah menimbulkan isu yang sama. Kalau kita membaca soalan yang ada di depan kita sekalipun mereka mengeluarkan soalan yang sama sehingga beberapa kali Parlimen ini bersidang dan tidak hairanlah kalau pihak backbenchers yang ada di sini tiap kali menimbulkan isu yang sama dan menentang pihak yang berkenaan. Walaupun kita tahu kadang-kadang yang menidakkan kebolehan kita sebagai backbencher di sini tetapi kita tetap mencabar apa sahaja yang dikeluarkan oleh pihak pembangkang yang cuba hendak mencabar kedudukan sistem Kerajaan yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita tahu Parlimen yang mulia ini mempunyai kuasa untuk menentukan Perundangan Negara dan juga untuk menentukan dasar dalam negara ini, dalam sebuah negara sistem demokrasi yang ada sekarang. Kita tahu pembahagian-pembahagian tugas dan apa yang harus dibuat oleh pihak eksekutif, apa yang harus dibuat oleh pihak-pihak professional dan kita tahu apa yang patut dibuat oleh pihak-pihak yang lebih ahli daripada Ahli-ahli

Parlimen yang ada. Jadi ini bukan bermakna kita mengakui yang kita ini bodoh dari segala segi tetapi apa yang kita kata, kita mengakui di dalam beberapa lapangan yang tertentu mungkin di dalam politik mereka itu tidak dapat menyamai ahli-ahli politik yang ada dalam Dewan ini, tetapi dalam beberapa hal tertentu mereka itu lebih berpengalaman lagi daripada ahli-ahli Pembangkang yang tidak pernah tahu-menahu soal pentadbiran negara secara mendalam, secara dari dekat, hanya sekadar dari tinjauan jauh dengan tujuan untuk memutarbelitkan kenyataan atau memutarbelitkan apa-apa yang ada di dalam Kerajaan kita pada hari ini.

Sepanjang yang saya dengar daripada perbincangan ketiga-tiga wakil tadi hanya tidak lain hanyalah dari segi perlaksanaannya sahaja, kita akui dari segi pelaksanaan memang bukan negara kita sahaja, negara-negara mana dalam dunia sekalipun dari segi pelaksanaan ini ada cacat celanya. Ini kita tidak dapat lari tetapi apa yang disebutkan tadi soalnya wakil Menglembu menyebutkan mengapa *Hansard* kita tidak dapat cepat, kerana kita tidak dapat mengawal pegawai-pegawai itu. Itu dari segi pelaksanaan kuasanya sudah ada, kuasanya telah ada untuk menentukan. Tetapi kalau pihak eksekutif mengambil kuasa atau pihak berkenaan mengambil kuasa menekan pihak-pihak pekerja ini, saya rasa pihak pembangkang dahulu-dahulu lagi bangun mencaci kerana Kerajaan ini telah menjalankan tindakan diktator, tindakan kuku besi, tindakan keras. Dia menuduh kita, dia mencucuk kita supaya kita membuat sesuatu, tetapi sebaliknya dia mencaci apa yang kita buat. Saya rasa tidak akan kurang Kerajaan yang ada sekarang kuasa-kuasa yang ada di Jabatan Perdana Menteri dan kuasa-kuasa yang ada kepada Menteri-menteri, tidak kurang untuk mengambil tindakan sebagaimana yang disebutkan oleh wakil dari Menglembu tadi sebagai satu contoh bagaimana eksekutif ini telah menguasai Parlimen ini. Itulah sebagai satu perkara hujah-hujah yang dibawa dalam Dewan ini untuk membuat satu Jawatankuasa hanya dari segi pelaksanaan pegawai-pegawai bawahan, dari segi pelaksanaan sahaja, tetapi tidak perlu Jawatankuasa sebagaimana yang ada, seolah-olah kita akan anggapkan Jawatankuasa ini sebagai tikus memperbaiki labu.

Oleh itu, sekali lagi walaupun rayuan merayu-rayu supaya kita melupakan soal politik supaya menyokong undang-undang ini

tetapi saya di sini tetap membangkang dan tidak akan menerima cadangan sebagaimana yang dihadapkan kepada kita.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

5.28 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sendiri berasa kagum dengan perjalanan perbahasan kepada usul daripada Yang Berhormat dari Petaling, oleh kerana saya kagum melihat dan mendengar cara Ahli Yang Berhormat itu membentangkan usul ini tidak pernah dilakukan pada masa-masa dahulu, boleh jadi saya juga patut mengucapkan tahniah kepada CPA yang telah menganjurkan kursus tidak lama dahulu, kerana tentu sekali mutu isi ucapan Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang dan juga nada ucapan itu dilafazkan merupakan satu detik sejarah dalam Dewan Rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah memerhatikan ketiga-tiga Ahli Pembangkang yang menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang saya takut-takut kalau dalam proses perundangan itu yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling inspirasi itu terjadi pula inspirasi hayalan semata-mata oleh kerana Ketua Pembangkang dalam ucapannya telah cuba meletakkan dirinya sebagai juru cakap seorang Ahli Parlimen seorang Parliamenterian yang mewakili keseluruhan Parliamenterian yang lain. Sebenarnya

Tuan Lim Kit Siang: Saya bercakap daripada segi Ahli Parlimen dan daripada segi parti politik. Saya harap itu boleh diperbetulkan.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak cakap seperti apa yang dia cakap. Saya kata dia telah cuba meletakkan dirinya; memberi gambaran itu kepada saya—itu tanggapan saya, kalau saya silap, bolehlah dibetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Ahli Yang Berhormat itu ialah Ketua Pembangkang dan sepatutnya ia mewakili hanya Ahli-ahli Pembangkang sahaja. Pada pendapat

saya Ahli Yang Berhormat lari Parit sendiri mewakili lebih ramai backbenchers daripada Ketua Pembangkang itu sendiri.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang telah cuba berlagak sebagai seorang ahli Parliamenterian, oleh kerana ia cuba menunjukkan bahawa pendapat dan pandangannya itu adalah datangnya daripada seorang yang mementingkan imej dan kedudukan Parlimen itu sendiri, seorang yang memandang tinggi kepada Parlimen dan tugas dan tanggungjawab Ahli-ahli Parlimen tetapi ia telah terlupa kepada satu hakikat politik negara kita iaitu hakikat ini sendiri telah meletakkan Ahli Yang Berhormat itu sebagai Ketua Pembangkang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Hakikat yang saya sebutkan ialah bahawa sistem politik negara kita ialah satu sistem politik yang berasaskan kepada parti-parti politik. Kalau tidak ada parti-parti politik, mungkin Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu tidak boleh menjadi Ketua Pembangkang. Buat masa ini daripada Ahli-ahli Pembangkang, dia lebih ramai daripada parti Pembangkang yang lagi satu. Jadi sebab itulah dia menjadi Ketua Pembangkang. Hakikat ini adalah penting, kerana hakikat ini menentukan perjalanan, menentukan suasana politik negara kita. Ini bermakna bahawa di antara kita yang duduk di dalam Dewan ini ada mereka yang mewakili parti-parti Pembangkang, ada mereka yang mewakili parti-parti Kerajaan. Sebab itulah kalau kita menafikan hakikat ini mungkin kita tidak dapat memahami konsep berparlimen itu sebagaimana yang dipraktikkan di negara ini.

Oleh kerana sistem berparti ini, Tuan Yang di-Pertua, maka usul Ahli Yang Berhormat itu pada pendapat saya bukanlah bertujuan untuk menjadikan Dewan Rakyat sebagai sebuah badan perundangan dan perbincangan yang berkesan tetapi sebenarnya untuk memuaskan kedahagaan Ahli Yang Berhormat itu sendiri untuk menjamah sedikit kuasa pemerintahan. Kerana dorongan inilah usul ini dibentangkan dan bukan untuk mencapai kesan yang lebih bagi prestasi Dewan Rakyat. Oleh kerana sistem berparti ini juga tanggungjawab pengawalan kepada Eksekutif bukanlah terserah kepada Ahli-ahli Pembangkang tetapi terserah lebih kepada Ahli-ahli parti Kerajaan dan saya percaya bahawa Ahli-ahli parti Kerajaan tahu bagaimana hendak menggunakan kuasanya.

Umpamanya Ahli Yang Berhormat dari Menglembu telah menyatakan mengapa pula Ahli Parlimen terpaksa mengejar Menteri untuk mendapatkan jawapan kepada soalnya. Saya pernah melihat rakannya yang mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pihak Kerajaan dan pihak Menteri tetapi kalau Ahli Yang Berhormat dari Menglembu tidak mendapat kerjasama sepenuhnya seperti rakannya itu, boleh jadi kita terpaksa mengadakan bukan kursus oleh David Pring (Seminar Amalan dan Peraturan Parlimen) tetapi kursus yang lain untuk memperbaiki hubungan di antara Ahli Yang Berhormat dengan Menteri-menteri. Soal Public Relations, Tuan Yang di-Pertua, itu yang mustahak.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah menyatakan Menteri-menteri seolah-olah menindih Ahli-ahli Parlimen, tidak menghiraukan pandangan-pandangan Ahli-ahli Parlimen apabila menjawab membaca daripada kertas (prepared text) dan kadangkang tidak memberi jawapan yang tepat. Pada saya penyelesaian kepada masalah ini ialah dengan cara Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu sendiri bangun bertalu-talu untuk bertanya soalan tambahan sehingga Menteri itu pitam atau terduduk—kalau boleh buatlah, kalau tidak boleh buat, apa hendak buat—itu terserah kepada kepintaran beliau sendiri, Saya percaya tidak pernah Menteri-menteri menganggap bahawa mereka menindas Ahli-ahli Parlimen dengan menolak soalan-soalan tambahan. Sebenarnya ini semua bergantung kepada cara soalan-soalan tambahan itu dilakukan dan saya percaya bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itupun boleh pergi ke kursus yang saya cadangkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu sukalah saya menyatakan bahawa Ahli-ahli parti Pembangkang sebenarnya boleh mengawal Kerajaan khususnya mereka yang ada pada petang hari ini. Yang pertama dengan cara memberikan idea-idea yang baik. Pada pendapat saya, sekiranya satu idea itu begitu baik, tidak seorang pun akan menafikan tetapi masalahnya kurang sangat terdapat idea-idea yang baik. Kalau tidak ada idea yang baik, ada cara yang kedua, iaitu masuklah menjadi ahli Barisan Nasional. Boleh jadi cara itu boleh mendapat ilham untuk menghasilkan idea-idea yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada usul ini iaitu untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Parlimen bernama Persidangan Tuan Speaker untuk membuat perakuan-perakuan kepada Dewan mengenai reformasi-reformasi kepada cara-cara dan amalan-amalan Parlimen, saya berpendapat bahawa jalan sudah ada, peruntukan sudah ada dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat sendiri bagi kita mengubahkan peraturan-peraturan itu untuk memenuhi permintaan daripada Ketua Pembangkang sebentar tadi.

Soal tentang pengawalan Eksekutif oleh Parlimen telah juga dihuraikan oleh rakan-rakan saya daripada Pasir Puteh dan juga Pontian dan saya juga berpendapat bahawa ini tidak menjadi satu masalah sepertimana yang digambarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Pembangkang.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada Dewan yang mulia ini supaya kita semua menolak usul Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Petaling.

5.40 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Apabila Yang Berhormat dari Pontian dan Yang Berhormat dari Pasir Puteh berdiri dan membuat ucapan-ucapan, saya berasa terperanjat tetapi saya rasa inilah pandangan-pandangan daripada backbenchers dan tidak perlulah banyak perhatian oleh kerana saya tidak mahu tukar perbincangan ini sebagai satu perbincangan politik. Kita ada lain tempat dan lain masa. Inilah yang saya mahu menumpukan ucapan dan golongan saya terhadap perkara yang terkandung di dalam usul ini bahawa masanya sudah sampai selepas 23 tahun bahawa ada satu kajian terhadap amalan-amalan, cara-cara Parlimen supaya Parlimen boleh lebih berkesan untuk mengawal Executive. Tetapi saya sungguh-sungguh terperanjat apabila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagi pihak Kerajaan yang memerintah memberi jawapan nampaknya setaraf dengan Yang Berhormat dari Pontian dan Yang Berhormat dari Pasir Puteh. Kalau inilah sikap pihak pemerintah biarlah, so be it.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar bukan sahaja di negara ini dan di lain-lain negara mengadakan Parliamentary Demo-

cracy berhakikat politik, berasas parti-parti politik. Saya sedar saya dalam DAP, saya sedar Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dalam UMNO, Barisan Nasional, kita semua sedar. Tetapi sungguhpun begitu saya berharap bahawa sekurang-kurangnya dalam perkara-perkara seumpama amalan-amalan Parlimen, Parlimen ada identiti yang tersendiri daripada identiti Executive. Saya berharap bahawa konsep itu boleh diterima dan apabila identiti Parlimen berlainan dengan identiti Executive, tentu ada berlaku bukan sahaja di Malaysia, di mana-mana negara, di mana-mana Parlimen berlaku perkara di mana relationship atau perhubungan di antara Executive dan Parlimen ada bercanggah. Itu bukan oleh kerana Yang Berhormat dari Pasir Puteh berkata bahawa ada salah guna undang-undang dan di mana ada kuasa untuk mengambil tindakan, ini bukan perkara itu tetapi kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagi pihak pemerintah tidak faham, tidak akui, tidak menerima hujah-hujah semacam ini, saya rasa tidak payah saya menjawab dengan panjang lebar, oleh kerana itu sia-sia sahaja.

Ada beberapa point sahaja supaya sekurang-kurangnya dalam rekod tidak ada salah faham untuk generasi yang akan datang.

Yang Berhormat dari Pontian ada berkata bahawa "England is a sick man of Europe". Seolah-olah kita di sini ada meniru bahawa kita mengikut amalan-amalan, cara-cara yang 100% yang ada di dalam House of Commons. Apa yang saya kata dalam ucapan saya ialah itulah antara satu institusi yang mana kita boleh tinjau. Apa yang baik kita boleh guna dan apa yang tidak sesuai, kita boleh tolak tetapi nampaknya itu pun diputarbelitkan.

Yang Berhormat dari Pasir Puteh, saya rasa tidak payah saya sebut. Satu perkara lagi sahaja di mana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagi pihak Kerajaan tidak memandang serius terhadap masalah di hadapan Dewan ini. Saya kata mungkin boleh tidak menyetujui dengan pandangan cadangan tetapi kalau begitu sekurang-kurangnya kita boleh mendapat satu sebab-sebab atau alasan-alasan tetapi tidak. Barulah satu kenyataan yang begitu tidak relevant, ada satu jemputan mungkin bukan sahaja kepada DAP, kepada sesiapa bahawa mereka tidak ada idea untuk masuk Barisan Nasional, barulah orang tidak ada idea akan ada dalam Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak menjawab banyak oleh kerana sebenarnya tidak ada apa-apa jawapan yang tepat terhadap apa yang saya kemukakan dan saya serahkanlah kepada Yang di-Pertua dan Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah satu usul atas nama Ahli Yang Berhormat dari Petaling yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini memutuskan untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Parlimen bernama Persidangan Tuan Speaker untuk membuat perakuan-perakuan kepada Dewan mengenai Reformasi-reformasi kepada cara-cara dan amalan-amalan Parlimen supaya menjadikan Dewan Rakyat sebagai sebuah badan perundangan dan perbincangan yang lebih berkesan serta juga untuk memberi makna kepada prinsip penting mengenai pengawalan Eksekutif oleh Parlimen”.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

PERKHIDMATAN KESIHATAN— PENUBUHAN SURUHANJAYA DI RAJA

5.47 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini mengambil perhatian tentang laporan Jawatankuasa Persatuan Perubatan Malaysia yang dipengerusi oleh Dr M. K. Rajakumar atas “Masa Depan Perkhidmatan Kesihatan di Malaysia” dan mengambil keputusan bahawa sebuah Suruhanjaya Di Raja ditubuhkan untuk mengkaji, dan membuat perakuan-perakuan mengenai pencapaian, keperluan-keperluan kesihatan bagi rakyat Malaysia dalam dua dekad yang akan datang.”

Tuan Yang di-Pertua, pada April tahun ini Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) ada mengeluarkan satu laporan yang dikhaskan dibuat oleh sebuah committee yang dipengerusikan oleh Dr M. K. Rajakumar bekas Presiden MMA dan dianggotai oleh selain

daripada Dr Abu Bakar bin Dato Sulaiman; Dr Lee Choon Hing, Dr Molly Cheah, Dr Yeoh Poh Hong atas masa depan perkhidmatan kesihatan di Malaysia.

Mengikut laporan tersebut President MMA tiap-tiap tahun atau satu demi satu ada membuat satu seruan mengenai mustahaknya mengadakan satu Suruhanjaya Di Raja atas Kesihatan dan pada tahun 1979 satu deligasi MMA ada bertemu Yang Berhormat Menteri Kesihatan masa itu baru diberi tugas dalam Kementerian Kesihatan, mengenai perkara mengadakan satu Suruhanjaya atas perkara kesihatan dan masa itu Yang Berhormat Menteri ada menyetujui waras mengadakan satu Suruhanjaya atas perkara ini dan Yang Berhormat Menteri ada mencadangkan bahawa terms of reference atau bidang tugas Suruhanjaya itu dibincangkan di antara MMA dengan Pengarah Kesihatan. Tetapi malangnya sehingga hari ini tidak ada apa-apa perkembangan dan sebab itu MMA mengadakan siasatan bersendirian dan inilah laporan dan akibatnya dan oleh kerana kesegeraan perkara ini dan dengan laporan itu selepas satu siasatan atas masalah kesihatan pada penghujung laporan Jawatankuasa tersebut membuat satu rayuan bahawa perlulah mengadakan sebuah Suruhanjaya Kesihatan supaya masalah kesihatan dalam masa 20 tahun akan datang dikaji lebih mendalam dan lebih luas.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk memetik mengenai bahagian terakhir dalam laporan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tuan Lim Kit Siang: Laporan tersebut berbunyi (*Dengan izin*)—

Prospects for Malaysia

“Malaysia is most fortunate in having a rapidly expanding economy, a permanent surplus in our current account and extremely bright prospects for the future. We also have rising standards of literacy and a better informed and sophisticated population.

If we plan ahead carefully, it is possible for us to achieve an extremely high standard of health care and avoid many of the bad consequences to health from industrialisation and urbanisation.

This twin targets of access to health care irrespective of geography and of social class may not be fully achievable in this century but a wholehearted and determined effort will make a great difference in the life of the great majority of our people. We cannot succeed if we carry on stumbling from problem to problem, reacting in an *ad hoc* fashion to a new problem and fixed in the current pattern of health care by mechanical incremental responses to demand.

It is time to take a fresh look at the problems of health in our country. A Royal Commission on Health is needed to undertake a review and to point new directions. A Royal Commission will provide an opportunity for the community to make known its views. It will also provide an opportunity for those in the Ministry, in the EPU, in the Treasury and in the profession to introduce new social objectives in health planning and to find ways of achieving it. A Royal Commission is long overdue and is greatly needed. We urge the appointment of a Royal Commission on Health without further delay."

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham mengapa selepas Yang Berhormat Menteri telah bersetuju elok diadakan satu Suruhanjaya Kesihatan sampai sekarang tidak ada apa-apa perkembangan. Saya harap Yang Berhormat Menteri pun boleh memberi satu penjelasan atas perkara ini.

Laporan MMA yang mengandungi 52 perakuan-perakuan mengenai masalah-masalah kesihatan menguatkan seruan, menguatkan fahaman bahawa perlu ada satu Suruhanjaya Di Raja untuk menyiasat masalah-masalah kesihatan. Dan dalam perakuan-perakuan tersebut ada perakuan-perakuan mengenai masalah-masalah kesihatan di community kita, masalah perkara reform terhadap perkhidmatan perubatan dan kesihatan, masalah primary health care, masalah kesihatan hospital dan untuk mencegah penyakit-penyakit yang preventable yang saya rasa perlu dikaji dengan mendalam.

Dan dalam Chapter 9, mengenai brain drain di kalangan doktor-doktor di mana ada sebut masalah imigrasi doktor, masalah perletakan jawatan doktor-doktor di perkhidmatan Kerajaan di mana kita dapati selepas satu

survey yang dibuat oleh jawatankuasa MMA di antara doktor-doktor yang disurvei, 16.3% atau 161 orang doktor yang mahu emigrate dan 34.6% atau 340 orang doktor yang tidak tentu sama ada mahu emigrate atau tidak. Di antara tahun 1972 hingga 1979 dalam daftar pendaftaran perubatan ada kehilangan sebanyak 849 orang doktor yang kebanyakannya agaknya sudah emigrate keluar negeri atas perkara-perkara masa depan anak-anak mereka tidak terjamin. Lagi pun di kalangan doktor-doktor dalam perkhidmatan Kerajaan 56% mahu letak jawatan daripada perkhidmatan Kerajaan dan di antara angka ini 24% sudah membuat rancangan untuk resign dalam tempoh satu tahun ini, dan ini satu masalah yang sangat serius mengenai tenaga rakyat (manpower) untuk perkhidmatan perubatan dan kesihatan dan masalah ini satu masalah yang accumulate beberapa tahun dan bukan satu masalah yang timbul pada masa ini.

Mengikut laporan itu, Tuan Yang di-Pertua:

- (1) no proper financial incentive;
- (2) unsatisfactory promotional prospect; and
- (3) unsatisfactory working hours.

Sebab itu ramai doktor yang emigrate dan saya harap perkara ini dapat perhatian yang serius oleh pihak Kementerian bukan sahaja untuk menerima mereka terus berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan tetapi mereka yang emigrate ke Australia beratus-ratus mungkin satu missi boleh dihantar untuk memujuk mereka balik di sini untuk memberi sumbangan (contribution) kepada negara kita.

Di dalam laporan ini, Tuan Yang di-Pertua, yang mempunyai lebihkurang 200 muka, saya tidak mahu baca satu-satu, tetapi sedikit sahaja iaitu highlight yang mustahak sahaja yang perlu mendapat perhatian Dewan ini dan juga harap semacam kritik-kritik dan pandangan-pandangan Kementerian mengenai perubatan, hospital dan mengenai perancangan hospital Kuala Lumpur terlalu besar sebenarnya kalau decentralise lebih sesuai untuk keperluan rakyat. Di satu perenggan mengenai kajian ini saya rasa sangat terperanjat iaitu selepas 23 tahun kemerdekaan tidak ada accumulation of expertise untuk rancang, design dan supervise pembinaan-pembinaan hospital-hospital yang sesuai untuk keperluan negara ini.

Mengenai status of consultants bahawa mesti adakan satu professional recognition terhadap mereka dalam perkhidmatan Kerajaan supaya mereka boleh terus berkhidmat, semacam boleh tak boleh menggunakan perenggan atau contribution doktor-doktor dalam sektor swasta, dalam hospital-hospital supaya kedua dapat beruntung pihak Kerajaan ataupun pihak doktor-doktor swasta supaya mereka boleh mendalami pengalaman dan meninggikan pengalaman mereka.

Apa yang sangat terperanjat ialah satu survey berkenaan dengan fikiran-fikiran mahasiswa-mahasiswa dan mahasiswi-mahasiswi yang mengikuti kursus perubatan di mana survey itu menunjukkan mereka sangat tidak berniat untuk berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan oleh kerana sikap-sikap atau gambaran-gambaran yang mereka ada. Saya rasa semua ini sangat penting dan oleh kerana satu kajian yang mendalam sudah dibuat Dewan ini haruslah mengambil perhatian dan oleh kerana satu badan yang professional yang khas berkenaan dengan bidang ini sudah bertahun-tahun menyeru supaya diadakan satu Suruhanjaya Di Raja eloklah kita meluluskan usul-usul ini oleh kerana bukan sahaja apa yang termaktub dalam laporan ini mengenai perkhidmatan kesihatan yang mustahak tetapi ada lain-lain perkara. Kalau ada satu Suruhanjaya Di Raja mungkin dapat diadakan satu kajian yang lebih mendalam mengenai pelajaran perubatan (medical education), masalah turn out doktor-doktor dalam tanahair kita dan mungkin masalah third medical college yang akan ditempatkan di Kota Bharu sama ada ini satu tempat yang paling sesuai untuk keperluan negara dan untuk tujuan mengeluarkan lebih ramai lagi doktor-doktor termasuk doktor-doktor bumiputra.

Saya harap perkara ini dapat perhatian yang sesuai dan kita boleh meluluskan usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Siapa menyokong?

6.00 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul rakan saya dari Petaling berkenaan dengan cadangannya supaya mengadakan satu Suruhanjaya Di Raja.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini dahulu kita bagi pihak Pembangkang telah mengkritik Kementerian Kesihatan berkenaan dengan beberapa perkara tetapi apabila pihak Pembangkang mengkritik pihak Kerajaan, pihak Kementerian kata perkhidmatan kesihatan negara ini adalah sangat baik dan mutunya sangat tinggi, dan juga memberi penjelasan bahawa negara kita ini ada low infant mortality dan ada satu longer life expectancy of the average Malaysian. Semuanya ini adalah boleh dikatakan ada asasnya, tetapi kalau kita bandingkan dengan negara-negara maju, negara-negara developed, mutu perkhidmatan kesihatan negara kita adalah banyak lagi yang patut diperbaiki.

Sekarang Kerajaan tidak boleh menafikan bahawa dalam Kementerian Kesihatan terdapat banyak perkara-perkara yang kurang baik di mana mutu perkhidmatannya sangat kurang.

Malaysian Medical Association telahpun mengeluarkan satu laporan mengkritik Kementerian Kesihatan dan telah memberi banyak perakuan-perakuan yang telah meng-exposekan dakwaan Kerajaan di mana dikatakan bahawa perkhidmatan kesihatan di negara ini sangat baik. Tetapi apakah tindakan Kerajaan di atas laporan ini, apakah riaksi Kerajaan. Saya telah dapat information, apabila laporan itu dikeluarkan pihak Kementerian Kesihatan dan pegawai-pegawainya serta Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga telah terkejut dan rasa tidak puashati serta sangat marah, tetapi di kalangan rakyat, di kalangan public, di kalangan suratkhbar telah menunjukkan response yang baik dan menyeru Kementerian Kesihatan mengadakan satu Ministerial Committee untuk menyiasat dengan teliti laporan daripada M.M.A. tetapi sehingga sampai sekarang tidak ada apa-apa kenyataan daripada Kementerian Kesihatan berkenaan dengan laporan itu. Pihak Pembangkang—DAP tidak teragak-agak lagi bahawa laporan itu telah menjadi satu waste-paper dalam Kementerian Kesihatan.

Oleh sebab itu, rakan saya Yang Berhormat dari Petaling telah membuat satu usul di Dewan ini memberi peluang kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen membahaskan satu perkara yang penting. Oleh sebab negara kita ini ada mempunyai 14 juta orang rakyat di mana kesihatan mereka akan datang adalah sangat penting, kalau Kerajaan tidak

mengambil tindakan atas laporan ini maka kesihatan 14 juta orang Malaysians akan datang menjadi jeopardy.

Tuan Yang di-Pertua, di antara sebab-sebab perkhidmatan kesihatan sangat kurang baik ialah kerana masalah kekurangan doktor. Baharu semalam Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menyatakan bahawa 56 orang doktor telah resigned daripada perkhidmatan Kerajaan (Government Service) termasuk 6 orang doktor pakar, ini dalam masa 4 bulan sahaja iaitu dari bulan Januari sampai April tahun ini, yang akan datang kita belum tahu berapa banyak lagi doktor akan resign. Kalau perkhidmatan kesihatan tidak mencukupi doktor bagaimana kita boleh dapat satu perkhidmatan kesihatan yang baik. Oleh sebab itu, perkara doktor ini sangat mustahak dan saya harap Kerajaan akan mengambil tindakan.

Di antara sebab-sebab doktor resigned ada dijelaskan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Petaling, tetapi saya juga mahu memberi sedikit sebab-sebabnya. Pertama, saya rasa struktur administration (pentadbiran kesihatan) mestilah di reform. Oleh sebab keadaan Government Medical Service sekarang bukanlah separate yang ada autonomy. Apa-apa polisi yang dikeluarkan atau dirancang (plan) oleh pegawai-pegawai Kesihatan hendaklah diluluskan atau dibenarkan oleh Malaysian Civil Service, ini mengakibatkan tidak sihat. Professional service khususnya di kalangan kesihatan adalah satu service yang special yang mesti ada pegawai-pegawai yang faham masalah-masalah professional kesihatan maka baharulah polisi-polisi itu boleh dilaksanakan. Tetapi oleh sebab tidak ada satu Malaysian Medical Service yang separate yang ada autonomy sebab itu hari ini kita ada satu keadaan yang tidak sihat di dalam hal perkhidmatan kesihatan. Dan lagi saya dapat tahu daripada rakan-rakan saya di kalangan kesihatan—doktor-doktor mengatakan di masa ini masalahnya ialah masa inflasi, oleh sebab itu remuneration atau gajinya yang diperolehi daripada Kerajaan adalah tidak mencukupi untuk mereka.

Saya berharap Kerajaan ambil perhatian perkara ini dan beri remuneration atau salary yang sesuai. Di kalangan pakar-pakar (specialists) atau consultant ada berkata Superscale Posts tidak mencukupi untuk mereka. Mereka terpaksa menunggu sebelum boleh masuk dalam Superscale Post yang

baik. Kalau kita banding Superscale Post di dalam kalangan Civil Service dengan Medical Service ada satu gap yang besar. Dalam Civil Service rasionya ialah 1 Superscale Post dengan 5 Timescale dengan (1:5) tetapi dalam kalangan Medical Service 1 Superscale Post ada 10 Timescale (1:10). Ini boleh dikatakan Superscale Posts sangat kurang dalam Medical Service, ini tidak berapa adil. Oleh sebab itu, pakar-pakar (specialists) merasa futurenya pada masa akan datang dalam perkhidmatan Kerajaan tidak berapa baik, oleh sebab itu banyak pakar-pakar resign daripada perkhidmatan Kerajaan.

Bukan sahaja untuk wang atau untuk gaji doktor-doktor dan pakar-pakar bersara, resign atau meninggalkan perkhidmatan Kerajaan tetapi ramai doktor yang hendak jadi guru, doktor-doktor di hospital-hospital dan di universiti-universiti. Sungguhpun gaji kurang tetapi mereka berminat menjadi guru (lecturer) tetapi malangnya Kerajaan tidak boleh beri galakan (incentive) untuk doktor-doktor ini melanjutkan pelajarannya (further studies) dalam bidang medical. Scholarship sangat kurang dan leave untuk pergi melanjutkan pelajaranpun tidak dibenarkan atau sangat susah hendak mendapatkannya. Kalau negara kita tidak galakan doktor-doktor kita pergi melanjutkan pelajaran, pergi cari Post Graduate Education, saya rasa mutu kesihatan (medical standard) di negara kita mesti turun pada masa akan datang. Oleh sebab itu, kalau Kerajaan hendakkan doktor-doktor tunggu atau berkhidmat dalam perkhidmatan kesihatan keadaan ini mesti dibaiki dan Kerajaan mesti beri scholarship yang lebih dan leave untuk doktor-doktor yang berminat pergi melanjutkan pelajaran mereka.

Di antara sebab-sebab doktor-doktor resign daripada perkhidmatan Kerajaan ialah peperiksaan (examination) yang tidak sesuai atau tidak perlu. Doktor-doktor yang sudah resign berkata apabila dia mahu jadi seorang doktor dalam permanent establishment, dia mesti lulus satu peperiksaan. Dalam peperiksaan ini bukan sahaja dia dikehendaki lulus mutu Bahasa Malaysia, tetapi dia dikehendaki lulus matapelajaran-matapelajaran History (Sejarah), Culture dan lain-lain. Doktor-doktor ini mana ada masa hendak pergi study atau pergi balik ke sekolah hendak baca lagi majallah-majallah sastera, sejarah (history) dan lain-lain, ini tidak ada berkaitan dengan pekerjaan doktor-doktor. Saya harap pihak berkenaan ambil perhatian atas perkara ini.

Kalau hendak doktor-doktor ini lulus Bahasa Malaysia berilah satu peperiksaan yang adil dan sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan perkhidmatan kesihatan kita sekarang nampak dalam negara kita peranan doktor swasta tiap-tiap hari semakin bertambah. Sekarang di kalangan swasta ada banyak doktor-doktor, termasuk pakar-pakar, doktor-doktor medical pun ada juga, doktor-doktor bedah (surgeon) pun ada juga, doktor-doktor obstetrician, gynaecologist pun ada juga, skin specialist dan macam-macam ada. Apa-apa perkhidmatan medical yang ada dalam Kerajaan di pihak swasta pun ada sekarang. Poliklinik-poliklinik banyak, hospital-hospital banyak tetapi di kalangan swasta apabila seorang hendak pergi ke klinik-klinik atau hospital-hospital, dia kena bayar tetapi kita pun tahu 90% dari orang-orang Malaysia adalah golongan orang yang bukan kaya. Ini bukan mengatakan pihak swasta charge tinggi sangat tetapi tidak boleh dinafikan doktor-doktor mesti charge consultation. Kalau ada test untuk darah atau kencing atau lain-lain laboratory test pun kena charge juga, masuk ward-ward charges pun kena juga, kalau ada X-ray pun kena juga, dan lagi sudah operation pun kena juga, selepas operation pun ada satu tempat pemulihan (rehabilitation) kena charge juga. Jumlah charge yang semacam ini orang biasa tidak boleh bayar—beratus-ratus atau beribu-ribu ringgit. Oleh sebab itu, saya harap Kerajaan ambil perhatian atas perkara ini.

Sungguhpun pihak hospital-hospital Kerajaan ada perkhidmatan bagi orang yang hendak berjumpa doktor, tetapi kita tahu perkhidmatan di kalangan Kerajaan tidak mencukupi dan tidak baik. Oleh sebab itu, banyak orang yang hendak pergi berjumpa doktor-doktor swasta atau doktor prebet, tetapi hendak pergi berjumpa doktor prebet atau hospital prebet kena bayar wang yang banyak. Kalau seorang yang berpendapatan rendah atau middle-class income yang tidak bernasib baik kerana kemalangan (accident)—masuk hospital, fees berkenaan \$2-3 juta, di mana dia ada kemampuan untuk membayar wang itu? Boleh jadi dia pinjam wang masuk dalam debt. Oleh sebab itu, saya harap Kerajaan ambil perhatian dan ambil tindakan yang wajar. Bolehkah Kerajaan atau lain-lain pertubuhan (association) lancarkan satu skim insuran untuk rakyat supaya dia boleh membayar yuran-yuran (fees) yang dikenakan. Oleh sebab itu, saya

harap Kerajaan ambil perhatian di atas perkara ini. Skim insuran ini bukan satu idea yang baru. Di negara lain seperti di Amerika Syarikat dan United Kingdom juga ada skim insuran ini dan ianya maju. Di United Kingdom ada satu British United Provident Association (BUPA) skim insuran. Di bawah skim insuran ini ada beberapa hospital di seluruh England dan Scotland dan ramai orang pergi ke tempat itu mencari treatment dan bukan sahaja the average man tetapi Trade Unions juga pergi mencari BUPA hospital, sungguhpun Kerajaan di sana ada satu National Health Service yang baik. Oleh sebab itu saya harap pihak Kerajaan di sini mengambil perhatian di atas perkara ini dan dilancarkan ataupun digalakkan satu pertubuhan supaya melancarkan skim insuran seperti yang dilakukan di United Kingdom dan United States.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul atas nama Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang sekarang terbuka untuk perbincangan. Kalau tidak ada yang hendak mengambil bahagian saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk mengulaskan pandangannya. Masa tidak banyak, sebab kalau ada masa lagi sebenarnya Yang Berhormat pencadang di bawah Peraturan Mesyuarat 33 (3) (c) boleh menjawab hujah-hujah yang dikemukakan. Tetapi kalau ada masa. Sekarang, sila.

6.23 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling berpendapat bahawa sudahlah wajar Dewan yang mulia ini diminta mengambil perhatian terhadap laporan yang dibuat oleh sebuah Jawatankuasa Majlis Persatuan Perubatan Malaysia yang mana saya percaya Pengerusinya telah mengemukakan laporan tersebut kepada Yang di-Pertua Persatuan ini pada bulan Mac, 1980 yang lalu.

Saya perlu menegaskan awal-awal lagi di sini bahawa laporan ini adalah dibuat oleh sebuah Jawatankuasa Majlis Persatuan Professional dalam pihak swasta. Hingga sekarang saya masih belum menerima apa-apa hubungan dengan rasminya dari Persatuan ini sama ada pendapat-pendapat Jawatankuasa ini sebahagian ataupun keseluruhan diterima ataupun tidak.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, dari asalnya ini sahaja yang saya terima dengan Compliments. Saya tidak hingga sekarang ini dapat satu surat dari Persatuan memberi kepada saya sebagai Menteri Kesihatan pandangan-pandangan Persatuannya. Ini ialah satu laporan Jawatankuasa Majlis.

Laporan ini bukan disiapkan atas permintaan ataupun arahan Dewan yang mulia ini ataupun diarahkan oleh Kerajaan ataupun Kementerian Kesihatan. Sekiranya kita menerima laporan ini maka berertilah Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat kena mengambil perhatian rasmi terhadap apa juga laporan yang mungkin dikemukakan oleh pertumbuhan-pertumbuhan persendirian sama ada yang professional ataupun tidak.

Saya tidak nampak mengapa Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini patut terdorong untuk mengambil perhatian terhadap laporan ini iaitu satu dokumen yang tidak rasmi di sisi Dewan malahan belum dikemukakan dengan rasminya kepada Kementerian Kesihatan semata-mata kerana ragam dan kehendak hati Ahli Yang Berhormat dari Petaling. Sebaliknya saya percaya bahawa ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini belum pernah melihat ataupun mendengar mengenai laporan ini sebelum hari ini.

Pendapat-pendapat yang termaktub di dalam laporan ini mengikut perkataan-perkataan Pengerusi Jawatankuasa ini sendiri adalah membayangkan penilaian mereka sendiri. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya membacakan surat yang ditulis oleh Pengerusi Jawatankuasa ini kepada Yang di-Pertua, Malaysian Medical Association pada bulan Mac tahun ini:

"The views expressed in the Report and the recommendations we make are, of course, our own responsibility, representing our own assessment on these matters."

Inilah pandangan mereka sendiri mengenai perkara-perkara berhubung dengan kesihatan. Walaupun mereka berhak kepada pendapat-pendapat mereka sendiri, Kerajaan juga adalah berhak kepada pendapat-pendapatnya

sendiri dengan memperhitungkan faktor-faktor sosial, ekonomi dan politik negara yang mungkin di luar pengetahuan dan jangkaan anggota-anggota Jawatankuasa ini sendiri.

Memandangkan laporan ini membayangkan pendapat-pendapat individu-individu, maka saya mencadangkan supaya Dewan ini tidak membazirkan masa membincangkan laporan ini secara terperinci oleh kerana mengikut bentuknya sendiri beberapa pendapat yang diberi adalah berdasarkan kepada fikiran bagi membayangkan nilai-nilai pertimbangan individu-individu tertentu. Walau bagaimanapun laporan ini mengakui satu hakikat bahawa angka-angka kesihatan menunjukkan kemajuan yang pesat di dalam taraf kesihatan di negara ini sejak kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 hingga 1976. Ini disebutkan dalam laporan ini juga. Dalam tempoh masa ini mengikut laporan ini jangka hayat telah bertambah dari 57 tahun kepada 68.8 tahun. Kadar kematian kasar turun dari 12.4 tiap-tiap 1,000 orang penduduk kepada 6.3. Kadar kematian bayi dari 102 pada tahun 1947 kepada 30.7 dan kadar kematian ibu-ibu bersalin dari 7 pada tahun 1947 kepada 0.78 pada tahun 1976. Inipun sebentar tadi diakui oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban sendiri sebagai seorang doktor beliau mengakui bahawa kadar ini sudah baik. Ini ialah kemajuan-kemajuan yang nyata yang telah diakui oleh laporan ini sendiri.

Kementerian Kesihatan akan meneruskan lagi projek-projek dan rancangan-rancangannya bagi memperbaiki sistem rawatan kesihatan ini agar kemudahan-kemudahan tersebut dapat diberikan dengan lebih baik dan lebih sama rata.

Saya akui memang banyak lagi perkara yang harus kita lakukan bagi memudahkan sistem ini diperolehi oleh rakyat keseluruhannya sama ada di bandar-bandar ataupun di kawasan-kawasan luar bandar. Semua ini akan mengambil masa sedikit kerana kemudahan-kemudahan perlu dibina dan tenaga kakitangan perlu dilatih.

Saya tidak pernah mendengar mana-mana negara juga pun yang berani dan dapat mengesahkan bahawa sistem rawatan mereka sempurna. Apa yang boleh dan akan kita usahakan dengan daya tenaga kita yang ada ialah untuk menggunakan dengan sebaik-baiknya kemudahan-kemudahan yang dapat kita bina.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Saya hendak putuskan masalah ini hari ini juga.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya ada hendak sambung sedikit lagi untuk hari esok.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak sambung lagi?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Sebab ada beberapa teguran.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Usul perbincangan ini boleh sambung esok dan saya akan beri peluang jika hendak digunakan-peluang itu untuk pencadang mengambil bahagian untuk menjawab perbincangan hujah-hujah yang dikemukakan dalam perbincangan ini.

Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, Rabu, 18hb Jun, 1980.

Dengan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.